

"MEMBACA Al-Qur'an bermakna memelihara dan memulikannya. Ia banyak mendatangkan manfaat, seperti mendapat berkat dan rahmat daripada Allah Ta'ala. Tidakkah membaca Al-Qur'an itu berarti kita berkata-kata dengan Allah, kerana Al-Qur'an adalah kalam-Nya?" - Titah sempena Majlis Pertandingan Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1428 Hijrah/2007 Masihi pada 8 Jama-dilawal 1428 / 24 Mei 2007.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"WAHA! Muhammad bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan sekalian makhluk. Dia menciptakan manusia dari sebuks darah beku, bacalah dan Tuhanmu yang Maha Pemurah yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya." - Wahyu pertama yang diterima oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam Surah Al-'Alaq ayat 1 - 5.

TAHUN 52 BILANGAN 25

RABU 20 JUN 2007/1428 رابو 5 جمادى الآخر

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Allah Selamatkan Pengantin Diraja

Di antara

Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah
binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

Dengan

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil
bin Pengiran Syed Haji Jaafari



BRUNEI - JEPUN 'RAKAN SEPAKAT'

TOKYO, Isnin, 18 Jun. - Negara Brunei Darussalam dan Jepun kini menjadi 'rakan sepakat' dengan termeterai Perjanjian Pakatan Ekonomi Brunei - Jepun (BJEPA) yang ditandatangani di sini hari ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Jepun, TYT Shinzo Abe bertukar nota perjanjian sejour kedua-dua pemimpin menandatangani Perjanjian Pakatan Ekonomi Brunei - Jepun (BJEPA). - Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar. (Lagi berita dan gambar-gambar muka 4, 5 dan 6).

Perjanjian BJEPA ditandatangani sendiri oleh pemimpin-pemimpin kedua-dua buah negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shinzo Abe di Pejabat Perdana Menteri.

Baginda bertitah, hubungan ekonomi yang erat di antara Bandar Seri Begawan dan Tokyo adalah berpunca daripada pelaburan negara matahari terbit itu dan pembekalan minyak

Laporan : Jaafar Ibrahim

jaafar.ibrahim@information.gov.bn

dari Tokyo, Jepun

dan gas dari Negara Brunei Darussalam.

"Perjanjian ini merangkum lebih dari 30 tahun hubungan kerjasama yang sangat rapat di antara kedua-dua negara serta akan membuka lebih banyak peluang untuk mempertingkatkan lagi hubungan yang penting ini," titah baginda dalam Kenyataan Bersama dengan Perdana Menteri Jepun sejurus selepas Majlis Penandatanganan BJEPA.

Dalam hubungan itu, baginda bertitah menyam-

paikan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Jepun serta juga pihak-pihak yang terlibat di dalam merancang dan merundingkan perjanjian yang sangat berharga itu.

Terdahulu dalam titah, baginda melahirkan penghargaan atas peranan yang dimainkan oleh Jepun dalam mengekalkan keamanan, keselamatan dan perkembangan di rantau Asia dan juga antara-bangsa.

Perjanjian pakatan ekonomi dengan negara matahari terbit itu adalah perjanjian ekonomi dua hala yang pertama bagi Negara Brunei Darussalam dan mempunyai sebelas bab iaitu peruntukan am, perdagangan barangan, peraturan asal barangan, prosedur kastam, pelaburan, perdagangan perkhidmatan, tenaga, memperbaiki iklim perniagaan, kerjasama, penyelesaian pertikaian dan peruntukan mutakhir.

BJEPA antara lain bertujuan untuk membuka banyak peluang pasaran baru bagi barangan dan perkhidmatan serta menarik lebih banyak pelaburan di antara kedua-dua buah negara.

Selain itu, BSB - Tokyo boleh bekerjasama dalam bidang tenaga, peningkatan keupayaan dan perkembangan sumber tenaga manusia.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Jepun, TYT Shinzo Abe bertukar nota perjanjian sejour kedua-dua pemimpin menandatangani Perjanjian Pakatan Ekonomi Brunei - Jepun (BJEPA). - Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar. (Lagi berita dan gambar-gambar muka 4, 5 dan 6).

BJEPA tingkatan aktiviti perdagangan, pelaburan

TOKYO, Isnin, 18 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shinzo Abe penuh percaya bahawa Perjanjian Pakatan Ekonomi Brunei - Jepun (BJEPA) akan meningkatkan lagi aktiviti perdagangan dan pelaburan di kalangan sektor swasta di kedua-dua buah negara.

Kedua-dua pemimpin juga penuh percaya perjanjian itu akan meningkatkan kerjasama di bidang pembangunan sumber tenaga manusia.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat mengadakan perjumpaan dua hala dengan Perdana Menteri Jepun di Pejabat Perdana Menteri Jepun di sini.

Semasa perjumpaan itu, kedua-dua pemimpin juga bertukar-tukar pendapat mengenai isu-isu dua hala dan serantau yang mempunyai kepentingan bersama.

Baginda dan TYT Shinzo Abe juga membincangkan pelbagai usaha untuk mengukuhkan lagi hubungan di antara Bandar Seri Begawan dan Tokyo.

Dalam sesi perjumpaan 40 minit itu, baginda menghulurkan undangan bagi Tuan Yang Terutama Shinzo Abe untuk membuat kunjungan ke Negara Brunei Darussalam.

Berangkat sama di perjumpaan itu ialah anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Delegasi Negara Brunei Darussalam di perjumpaan itu juga termasuk Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng; Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Jepun, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Adnan bin Buntar; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Awang Lim Jock Hoi dan pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Lihat muka 24

ANTARA KANDUNGAN

HASRAT NEGARA

Ketua keluarga berperanan membina keluarga bahagia

- Muka 2

Memantapkan sistem pertahanan negara

- Muka 3

Lawatan kerja Kebawah DYMM ke Tokyo, Jepun

- Muka 4, 5 dan 8

Tinjauan :

Sektor pertahanan berpotensi majukan ekonomi negara

- Muka 6

Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga

- Muka 7

Haluan :

Amalkan cara hidup mesra alam

- Muka 10

Budaya mencerminkan identiti bangsa

- Muka 11

Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari

- Muka 12 dan 13

Istiadat Perkahwinan Diraja jadi ristaan rakyat jelata kongsi kegemilangan

- Muka 16 dan 17

45 pelajar terima sijil 'Brilliance Award'

- Muka 19

Gejala sosial jejakkan kehidupan masyarakat, negara

- Muka 4 ANEKA

TAHUKAH AWDA

NEGARA Brunei Darussalam buat pertama kali telah menghantar dua orang wakil negara ke Musabqah Tilawatil Qur'an Peringkat Antarabangsa di Malaysia pada tahun 1961 atas undangan Kerajaan Malaysia pada waktu itu. Awang Muhd. Yusof bin Latif yang kini dikenali sebagai Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Haji Awang Muhd. Yusof dan Awang Haji Sabtu bin Ahmad, sementara qariah negara yang pertama kali dihan-tar mewakili negara pada tahun 1965, Dayang Hajah Aminah binti Siling. - Sumber dari Bahagian Perhubungan dan Kemajuan Syiar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.



20 JUN 2007 BERSAMAAN 1428 5 جمادى الآخر

ERA BARU KERJASAMA EKONOMI BRUNEI - JEPUN

KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Tokyo, Jepun selama tiga hari dari 17 hingga 19 Jun lalu khusus bagi menandatangani Perjanjian Rakankongsi Ekonomi Brunei-Jepun (BJEPA) merupakan satu lagi mercu tanda dalam hubungan dua hala Negara Brunei Darussalam dan negara matahari terbit itu.

Lawatan baginda itu juga sebagai 'tinta sejarah' yang amat berharga bila mana Bandar Seri Begawan dan Tokyo bersetuju menandatangani perjanjian ke arah kelangsungan hubungan ekonomi antara kedua-dua buah negara sejak termeterainya hubungan diplomatik pada 2 April 1984. Kota raya, Tokyo tetap menjadi saksi yang sangat signifikan dalam hubungan kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara yang bersahabat.

Perjanjian bersejarah itu ditandatangani sendiri oleh pemimpin kedua-dua negara - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shinzo Abe.

Inisiatif untuk mengadakan BJEPA terbit semasa perjumpaan baginda dengan bekas Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Junichiro Koizumi semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-11 di Kuala Lumpur pada tahun 2005. Sejak itu rundingan susulan dan rundingan intensif telah dijalankan banyak kali yang melibatkan menteri-menteri luar dan pegawai-pegawai kanan kedua-dua negara sehingga membawa kepada pemeteraian perjanjian di kota metropolitan, Tokyo pada 18 Jun 2007.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika bertitah selepas perjanjian itu menegaskan bahawa perjanjian BJEPA memberi 'signal' jelas betapa Negara Brunei Darussalam dan Jepun berhasrat menjadi 'rakan sepakat' yang dinamik dalam memperteguh ekonomi kedua-dua negara.

Lebih bermakna lagi, perjanjian pakatan ekonomi antara kedua-dua negara akan terus dapat meningkatkan landskap aktiviti perdagangan dan pelaburan khususnya di kalangan sektor swasta kedua-dua negara.

Maka terpujalah kepada sektor swasta negara ini untuk mempergunakan dan memanfaatkan 'peluang' yang terhidang luas itu. Apa yang diharapkan agar semua pihak mengambil inisiatif ke hadapan bagi merebut peluang yang terbuka luas hasil pemeteraian perjanjian itu.

Sementara itu, Perdana Menteri Jepun pula menyuarakan keyakinan yang perjanjian itu pastinya meningkatkan 'volume' perdagangan dan kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara. TYT penuh yakin perjanjian itu sangat signifikan dalam rangka meningkatkan perdagangan dan pelaburan di antara BSB dan Tokyo yang sudah sedia terjalin sekian lama itu.

Era baru hubungan ekonomi Brunei - Jepun pastinya akan terpacu dalam tinta hubungan persahabatan di antara kedua-dua negara yang bersahabat. Lebih bermakna lagi ianya sudah barang tentu akan mengukuhkan dan meningkatkan lagi hubungan yang sedia terjalin mesra dan akrab sejak 22 tahun lalu antara BSB dan Tokyo.

Mengimbas kembali sejarah hubungan tradisi dua hala antara Brunei - Jepun sememangnya tidaklah dapat dinafikan dengan kedua-dua buah negara mempunyai dimensi hubungan kerjasama dalam pelbagai bidang yang meliputi bidang perdagangan, pelaburan, pertanian, politik, ekonomi, pertahanan dan pendidikan.

Di samping itu, BSB - Tokyo juga mempunyai hubungan kebudayaan yang mesra terutama sekali melalui Program Persahabatan Jepun Bagi Abad Ke-21 dan Program Pertukaran Belia ASEAN - Jepun yang Brunei sertai sejak tahun 1985 lagi.

Keakraban yang digandungi dengan kemesraan antara kedua-dua pemimpin banyak menyumbang kepada terlaksananya pelbagai kerjasama dijalin yang banyak mendatangkan kemanfaatan yang bernilai kepada rakyat kedua-dua negara itu.

Apa yang membanggakan kepada kita semua ialah, Jepun merupakan pengimport utama minyak dan gas cecair asli. Sehingga tahun lalu, eksport Brunei ke Jepun mencecah BND\$3.815 bilion yang kebanyakannya dari penjualan gas cecair asli dan minyak mentah.

Lembaran baru yang ditinta itu akan menjadi titik tolak dan jambatan bagi meningkatkan hubungan dua hala yang lebih kerap antara BSB dan Tokyo. Perjanjian BJEPA yang ditandatangani itu sememangnya akan membawa hubungan Brunei - Jepun terus berkembang maju. Kita pasti keberangkatan baginda ke Tokyo dalam waktu yang singkat tetap terus memahat persahabatan dan keakraban yang dijalin sejak dua dekad yang lalu.

HASRAT NEGARA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbil 'Aalameen, wabihee nasta'eenu 'ala umuuriddunya waddeen, Was-salaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een. Waba'du.

Alhamdulillah, segala puji-pujian dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua dapatlah kita berkumpul mendengar dan menghayati bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an di Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan pada malam ini.

Pertandingan membaca Al-Qur'an ini merupakan salah satu acara kebangsaan yang antara lain untuk memartabat dan mengembangkan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.

Al-Qur'an adalah sumber utama ajaran Islam yang diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang merupakan satu rahmat kepada seluruh alam khusus kepada manusia. Al-Qur'an adalah pelita yang memandu ke jalan cahaya Islam dan iman. Al-Qur'an adalah satu-satunya wahyu dan asas ilmu tulen yang menjadi sumber rujukan dan panduan yang membawa manusia ke jalan yang benar lagi diredai Allah.

Dari itu, umat manusia memerlukan panduan Al-Qur'an bagi menghindari diri dari kebatilan dan kesesatan. Al-Qur'an yang benar-benar dihayati tidak syak lagi akan memberikan kebahagiaan dunia dan akhirat. Dengan membaca dan memahami maksudnya, umat manusia akan dapat menghayati ajaran kitab suci Al-Qur'an sebagai asas panduan yang syumul terutamanya dalam perkara akidah dan ibadah.

Umat Islam yang tidak



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri di Majlis Perasmian Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1428 Hijrah / 2007 Masihi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Rabu 7 Jamadilawal 1428 / 23 Mei 2007.

mempunyai akidah yang kukuh akan mudah terpesong dan menyeleweng dari ajaran agama yang sebenar. Dalam golongan orang Islam sendiri pernah terjadi perbuatan memesongkan akidah di antara mereka. Ini jelas menunjukkan orang-orang yang mudah terpesong dan anasir-anasir yang memesongkan, tiada pengangan teguh kepada Al-Qur'an.

Pekara-perkara yang melibatkan kelunturan aki-

dah dan penyelewengan dari ajaran agama yang sebenar di kalangan umat Islam adalah permasalahan yang membimbangkan dewasa ini. Lebih-lebih lagi dengan elemen-elemen negatif yang berleluasa yang boleh menjejaskan pegangan dan kepercayaan umat Islam. Inilah di antara cabaran yang perlu dihadapi umat Islam pada masa ini.

Di samping itu, cabaran dan tarikan materialisme

KETUA KELUARGA BERPERANAN BINA KELUARGA BAHAGIA

semakin mencengkam dan menghakis kekuatan pegangan umat Islam. Jika tidak berhati-hati, sifat materialisme yang melampau-lampau akan menghancurkan kekuatan dan perpaduan ummah.

Di sinilah letaknya kepentingan kita kembali kepada Al-Qur'an yang di dalamnya terkumpul wahyu Ilahi yang menjadi petunjuk, pedoman dan ajaran yang betul.

Keluarga adalah institusi yang sangat penting dalam pembinaan sahsiah seorang insan. Institusi keluarga dengan nilai-nilai murni, serta hubungan kekeluargaan yang akrab dan saling hormat-menghormati adalah wadah bagi mencapai wawasan pembentukan institusi keluarga dalam Islam. Ciri-ciri ini diperlukan untuk melahirkan masyarakat luhur di mana ahlinya terdiri dari modal insan yang memiliki akhlak yang mulia.

Penyalahgunaan dadah, sumbang mahram, pergaulan bebas, keruntuhan akhlak, kurangnya disiplin dan tiada keharmonian dalam institusi keluarga adalah antara gejala sosial yang melanda masyarakat pada masa ini, tidak terkecuali di negara kita.

Di sinilah, perlunya ketua keluarga, suami isteri, ibu atau bapa, anak atau ahli keluarga berperanan bersungguh-sungguh untuk membina keluarga yang bahagia serta diredai Allah dengan sama-sama mendalami ajaran agama yang dituntut Islam termasuklah soal-soal fardu 'ain dan

fardu kifayah.

Amalan kekeluargaan berlandaskan kehidupan yang diredai Allah dan mengikut acuan Islam akan membawa masyarakat seperti yang dikehendaki Islam dengan menyebarkan keperluan ukhrawi dan duniawi, bukan sekadar memenuhi tuntutan duniawi semata-mata.

Untuk melahirkan generasi masyarakat yang beragama, berbudaya dan mengekalkan tradisi kehidupan dalam suasana harmoni dan sejahtera, maka adalah perlu ahli-ahli keluarga dan seluruh lapisan masyarakat memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing serta mempunyai sikap pemeliharaan yang tinggi.

Dengan peranan secara optima dan bersepadu maka generasi baru yang dibimbing sebagai aset penting masa mendatang akan membawa negara ke arah kecemerlangan, insya-Allah.

Akhirnya dengan melafazkan kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim' dan dengan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, maka saya dengan sukacita merasmikan Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1428 Hijrah.

Sekian, Wallahitau-fiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Brunei ahli ke-180 dalam ILO

GENEVA, Sabtu, 14 Jun. - Kemasukan Negara Brunei Darussalam secara rasmi sebagai ahli ke-180 kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) merupakan satu penghormatan masyarakat antarabangsa.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan menyatakan demikian ketika berucap pada Sidang Plenari Persidangan Buruh Antarabangsa Kali Ke-96 dan Mesyuarat Menteri-menteri Buruh Bagi Negara-Negara Berkecuali (NAM) di Geneva, Switzerland.

Persidangan tersebut di-buka rasmi oleh Tuan Yang Terutama Juan Somavia, Pengarah Agung ILO.

Semasa berucap Yang Berhormat menyatakan, ILO memberikan perhatian berat dalam membukakan peluang kepada masyarakat untuk mendapatkan pekerjaan yang baik dan produktif (decent and productive work) dalam suasana pekerjaan yang penuh

kebebasan, keadilan, keselamatan dan kemuliaan insan.

Yang Berhormat juga menekankan bahawa Negara Brunei Darussalam mempunyai hubungan kerja yang baik di kalangan tiga rakan sosial terdiri daripada pihak kerajaan, majikan dan pekerja.

Jelas Yang Berhormat, sudah menjadi satu kebiasaan bagi ketiga-tiga pihak berkenaan mengamalkan hubungan kerja secara permutakarah dalam memupuk kerjasama berasaskan kepada prinsip saling hormat-menghormati dan penuh kepercayaan.

Suasana pekerjaan di Negara Brunei Darussalam ujar Yang Berhormat adalah dalam keadaan yang positif dan kondusif, di mana para pekerja dilindungi oleh pelbagai undang-undang dan peraturan seperti Akta Buruh (Labour Act) 1954, Akta Pampasan Pekerja (Workmen's Compensation Act) 1957, Akta Kesatuan Sekerja (Trade Unions Act) 1962, Perintah Agensi Pekerjaan (Employment

Agencies Order) 2004 dan Perintah Perdagangan dan Penyeludupan Manusia (Trafficking and Smuggling of Persons Order).

Yang Berhormat berkata, ILO dalam tahun-tahun kebelakangan ini memberikan perhatian yang khusus bagi inisiatif negara-negara ahli untuk merangka pelan kebangsaan bagi pekerjaan yang baik (decent work) yang membawa maksud kerja yang produktif di mana hak-hak asasi (fundamental rights) dijaga dan gaji pekerja serta hak-hak sosial sentiasa terpelihara.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam katanya, mempromosikan pekerjaan yang baik adalah merupakan salah satu objektif yang utama dalam perkembangan strategi kebangsaan dan juga sebagai usaha dalam mendukung dasar serantau dan antarabangsa.

Negara Brunei Darussalam antara lain juga berusaha mempertingkatkan daya saing, menjaga pekerjaan dalam sektor swasta, mem-

promosikan keseimbangan jantina (gender equalities), perlindungan sosial (social protection) dan mempertingkatkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja (occupational safety and health in the workplace), maklumat mengenai migrasi perburuhan serta memperkukuhkan pasaran buruh yang diharapkan dapat membantu kepada pembangunan negara serta perintegrasian serantau dan antarabangsa.

Yang Berhormat menjelaskan ia merupakan usaha berterusan ke arah mewujudkan tenaga kerja yang lebih produktif dan baik untuk membasmi kemiskinan serta memastikan pembangunan sosioekonomi yang berdaya tahan.

Rombongan Yang Berhormat disertai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Pemangku Pesuruhjaya Buruh, pegawai-pegawai kanan KHEDN wakil pihak majikan dan wakil kesatuan sekerja.

Penubuhan ILO antara lain bertujuan mempromosi-

kan hak-hak pekerja, menggalakkan peluang-peluang pekerjaan yang baik, mempertingkatkan perlindungan sosial dan memperkukuhkan sesi dialog dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan hak ehwal perburuhan dan pekerjaan.

Pada masa ini, ILO membantu dalam mempertingkatkan pekerjaan yang baik dalam suasana kerja dan perekonomian yang mampu membantu menjaga ke arah keamanan, kemajuan dan kemakmuran sesebuah negara.

Semasa berada di Geneva, Switzerland, Yang Berhormat juga menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Buruh NAM.

Yang Berhormat juga berkesempatan mengadakan kunjungan hormat kepada TYT Juan Somavia, Pengarah Agung ILO dan bertukar-tukar fikiran mengenai usaha mempertingkatkan hubungan rakan kerja sosial, di samping berbincang mengenai bidang kerjasama dan bantuan teknikal yang dapat dihulurkan oleh ILO kepada Negara Brunei Darussalam.

Memantapkan sistem pertahanan negara

ANALISIS TITAH

Oleh : Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

PAMERAN dan Forum Antarabangsa (BRIDEX) 2007 yang baru saja berlangsung merupakan salah satu daripada acara bagi memeriahkan sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-46.

BRIDEX 2007 ini dilihat sebagai satu pendekatan yang bermanfaat kepada masyarakat untuk melihat dan mengetahui pelbagai perkara di bidang pertahanan sebagaimana antara lain titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah di Majlis Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-46 di Stadium Negara Hassan Bolikiah, Berakas yang bertitah, menyatakan bahawa Pameran

dan Forum Antarabangsa itu banyak manfaat kepada masyarakat, berupa pengetahuan dan pendidikan mengenai bentuk-bentuk ancaman dan teknologi terkini, yang ada hubungan dengan pertahanan dan keselamatan dari pelbagai perspektif.

Perkara ini jelas sekali, pertahanan dan keselamatan bagi sesebuah negara amat penting dan semestinya ditangani bersama oleh semua pihak. Persiapan dan kewaspadaan perlu ada pada setiap masa bagi menghadapi sebarang kemungkinan. Anggota-anggota yang terlatih, berpengetahuan serta berkecekapan menggunakan peralatan senjata merupakan satu kelebihan dalam menghadapi ancaman musuh.

Justeru melalui BRIDEX ini sudah tentu memperluaskan lagi pengetahuan masyarakat ter-

hadap perkembangan terkini teknologi pertahanan masa kini. Peralatan-peralatan pertahanan yang dicipta bermutu tinggi oleh industri-industri dan syarikat-syarikat pengeluaran amat canggih dan terkini dipamerkan sebagai tatapan.

Negara-negara luar yang menyertai pameran ini mempromosikan hasil-hasil buatan industri negara masing-masing dan dalam masa yang sama pula memasarkan produk tersebut bagi keperluan sistem pertahanan. Usaha ini akan membawa keuntungan terhadap syarikat-pengeluar yang berlumba-lumba memperkenalkan hasil produk mereka.

Secara tidak langsung produk yang mereka hasilkan ini mendapat pasaran antarabangsa untuk kemudahan pertahanan negara dalam menghadapi apa juga ancaman atau pencerobohan.

Kita sebagai negara pengeluar sungguh bertuah dapat melihat dengan jelas bentuk kemudahan dan kekuatan teknologi persenjataan terkini dan kesempatan ini pula mungkin dapat dimanfaatkan dalam mengemaskinikan dan mengukuhkan sistem pertahanan negara.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk tidak ramai, kita memerlukan sebuah pasukan pertahanan yang

mantap dan kukuh bagi menjaga keselamatan lautan dan daratan. Kekukuhan sistem pertahanan akan dapat membendung segala anasir yang memperorak-perandakan negara.

Satu segi pula, pengusahaan tempatan akan dapat manfaat mengusahakan syarikat industri tempatan dengan menyelenggarakan bersama syarikat luar melalui hubungan kerjasama. Kerjasama dalam hubungan akan dapat memberikan pengetahuan selain menghasilkan produk sendiri. Jika ini dapat diusahakan setentunya akan dapat mengembangkan lagi industri pembuatan, memberikan tenaga kerja kepada rakyat tempatan, mengurangkan pergantungan dari luar dan sekali gus juga turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Apabila usaha ini

dapat dilaksanakan, setentunya akan dapat memenuhi hasrat ke arah pencapaian perancangan industri pertahanan tempatan, yang merupakan salah satu aspirasi yang mahu dijayakan melalui pengemaskinian Kertas Putih Pertahanan Tahun 2007.

Selain bahan-bahan pameran, forum BRIDEX yang disampaikan oleh beberapa orang pakar bidang pertahanan juga sangat menarik untuk dijadikan panduan dan pengetahuan bersama. Pembentangan kertas kerja mengenai strategi pertahanan, pengawalan sempadan, logistik, menangani pencerobohan dan tindakan keganasan adalah antara topik berguna untuk dijadikan sandaran atau kaedah menjaga keselamatan negara.

Forum tersebut juga melahirkan pandangan

berguna dalam pelbagai perkara termasuk pembentukan anggota pasukan pertahanan yang lengkap dengan fizikal dan mental, berdisiplin dan berwibawa. Dengan terdapatnya aspek-aspek berkenaan setentunya akan dapat membentuk sebuah pasukan pertahanan yang mantap.

BRIDEX yang baru saja dikelolakan itu nyata banyak memberikan faedah kepada semua pihak. Berfaedah kepada sistem pertahanan negara, memberikan pengetahuan berguna dalam menjaga dan mengekalkan keamanan negara, memperkembangkan pertahanan dengan teknologi tinggi dan membuka ruang kepada pengusaha dan syarikat tempatan untuk menceburi bidang industri pertahanan dan pekerjaan selain membuka ruang pertumbuhan ekonomi.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berkenan berangkat ke Majlis Kenaikan Pangkat Empat Pegawai Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) termasuk anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Pegawai Kadet Abdul Fattaah dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Pegawai Kadet Abdul Mu'min (kiri). Sementara gambar tengah, DYTM berkenan menerima junjung ziarah YAM Pengiran Muda Pegawai Kadet Abdul Mu'min dan gambar kanan, Majlis Kenaikan Pangkat disempurnakan oleh Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei, Kolonel Pengiran Dato Paduka Haji Rosli. - Foto : Ampuan Haji Mahmod Ampuan Haji Tengah.

SEMARAKKAN PERAYAAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DYMM DENGAN MENGIBARKAN BENDERA

BANGAR. Isnin, 4 Jun.- Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan menyeru rakyat dan penduduk di negara ini supaya mengibarkan bendera kebangsaan sama ada di bangunan-bangunan dan rumah-rumah persendirian dalam menyemarakkan dan memeriahkan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-61.

Yang Berhormat selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan membuat seruan tersebut semasa Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-61 bagi Daerah Temburong yang diadakan di rumah kediaman rasmi Pegawai Daerah Temburong.

Antara lain mesyuarat tersebut diadakan ialah untuk meninjau persediaan dan perkembangan terkini mengenai dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk di daerah berkenaan.

Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk di daerah ini dijangka berlangsung pada hari Selasa, 17 Julai akan datang yang bertempat di kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan.

Turut hadir di mesyuarat itu ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Terdahulu dari itu Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohd. Abdoh selaku Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan bagi Daerah Temburong dalam taklimatnya menjelaskan bahawa sambutan perayaan akan melibatkan lebih 1,000 orang penuntut termasuk yang bakal membuat persembahan padang.

Berangkat ke Majlis Kenaikan Pangkat

BERAKAS. Jumaat, 8 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berangkat ke Majlis Kenaikan Pangkat Empat Pegawai Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) di Mes Pegawai, Berakas Garrison.

Kenaikan pangkat empat pegawai kadet ABDB tersebut adalah atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Antara yang menerima kenaikan pangkat ialah anakanda DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikiah dan YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Pegawai Kadet Abdul Fattaah dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Pegawai Kadet Abdul Mu'min.

YAM Pengiran Muda Pegawai Kadet Abdul Fattaah dinaikkan ke pangkat

Oleh :
Aliddin Haji Moktal

aliddin.moktal@information.gov.bn
Hezlinawati Haji Abd. Karim

Leftenan Penuh dan YAM Pengiran Muda Pegawai Kadet Abdul Mu'min pula dinaikkan ke pangkat Leftenan Muda berkuata kuasa pada 13 April.

Mereka sebelum ini pernah menghadiri Kursus Pegawai Kadet di Royal Military Academy of Sandhurst, United Kingdom.

Ketika ini YAM Leftenan Pengiran Muda Abdul Fattaah bertugas sebagai Ketua Platoon Batalion Kedua Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), sementara YAM Leftenan Muda Pengiran Muda Abdul Mu'min bertugas sebagai Ketua Platoon Batalion Pertama TDDB.

Dua orang lagi Pegawai Kadet yang menerima kenaikan pangkat ialah Pegawai Kadet Haji Mohd. Aisamuddin Ali yang dinaikkan ke pangkat Leftenan Penuh dan Pegawai Kadet Md. Nur Hidayat Dhiyurrahman Jamil yang dinaikkan ke pangkat Leftenan Muda.

Kebawah DYMM berangkat lawat Tokyo, Jepun



1. KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat tiba di Tokyo bagi keberangkatan lawatan selama tiga hari.

TOKYO, Ahad, 17 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat tiba di Tokyo bagi keberangkatan lawatan selama tiga hari.

Keberangkatan baginda ke sini ialah bagi menandatangani Perjanjian Pakatan Ekonomi Brunei - Jepun (BJEPA) dengan Tuan Yang Terutama Shinzo Abe, Perdana Menteri Jepun yang akan berlangsung di Pejabat Perdana Menteri Jepun pada esok hari, 18 Jun.

Berangkat sama mengiringi baginda ialah anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Sejurus keberangkatan tiba baginda di Lapangan Terbang Haneda, Tokyo dengan pesawat khas kira-kira jam 9.30 malam waktu tempatan (8.30 malam waktu Negara Brunei Darussalam), baginda dijunjung berangkat turun dari pesawat khas oleh Ketua Protokol Kementerian Hal

Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Awang Haji Mohd. Nor bin Jeludin dan Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Jepun, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Adnan bin Buntar.

Berada di lapangan terbang bagi menjunjung dan mengalu-alukan keberangkatan baginda ialah Timbalan Menteri di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Jepun, Tuan Yang Terutama Masayoshi Hamada.

Turut hadir mengalu-alukan keberangkatan baginda ialah Duta Besar

Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Itsuo Hashimoto serta pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Jepun.

Juga mengiringi rombongan baginda ialah Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng.

Laporan Oleh :
Jaafar Ibrahim

jaafar.ibrahim@information.gov.bn

Foto :

Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar,
Hernie Suliana Haji Othman
dari Tokyo, Jepun

Dari lapangan terbang, baginda dan rombongan kemudiannya dijunjung menaiki kenderaan khas menuju ke Imperial Hotel yang terletak di tengah-tengah kota Tokyo, tempat persemayaman baginda sepanjang berada di sini.

Sejurus berangkat tiba di hotel tersebut, baginda dijunjung oleh Pengarah Urusan Hotel berkenaan, Tuan Takeshi Tsukamoto serta pegawai-pegawai dari Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Tokyo.

Sepanjang berada di sini, pada keesokannya, 18 Jun baginda akan berkenan mengadakan perjumpaan dua hala dengan Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shinzo Abe di Pejabat Perdana Menteri Jepun.

Selepas itu, baginda dan Perdana Menteri Jepun akan menandatangani Perjanjian Rakan Kongsi Ekonomi Brunei-Jepun (BJEPA) diikuti dengan Majlis Santap Rasmi yang diberikan oleh Tuan Yang Terutama Shinzo Abe di kediaman rasmi Perdana Menteri Jepun.

Terdahulu sebelum itu di sebelah paginya, baginda akan berangkat mengadakan lawatan ke Tokyo Gas Sodegaura LNG Terminal dan ke Tokyo Electric Sodegaura Thermal Power yang terletak di kota Sodegaura.

Baginda juga akan berkenan berangkat menaiki kapal LNG Bubuk, salah sebuah kapal pengangkut LNG Brunei Shell Tanker yang sedang berlabuh di Teluk Jepun.

Pada keesokan harinya, 19 Jun, baginda berkenan pula berangkat ke Istana Imperial bagi mengadakan perjumpaan dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Akihito dan Maharani Michiko, dan seterusnya berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Diraja.

Keberangkatan baginda ke Jepun adalah merupakan kali kelima di mana baginda telah mengadakan lawatan negara pada tahun 1984, keberangkatan lawatan pada tahun 1995 dan 2000 dan yang terakhir sekali keberangkatan menghadiri Sidang Kemuncak Memperingati Penubuhan Hubungan ASEAN - Jepun Ke-30 pada bulan Oktober 2003.



2. KEBERANGKATAN tiba baginda dijunjung oleh Timbalan Menteri di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Jepun, Tuan Yang Terutama Masayoshi Hamada.



3. BAGINDA ketika berkenan menerima junjung ziarah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Awang Lim Jock Hoi.



4. KEBERANGKATAN baginda dijunjung oleh pegawai-pegawai dari Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Tokyo dan pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

5. BAGINDA ketika dijunjung oleh Presiden Imperial Hotel, Tetsuya Kobayashi, sejurus berangkat tiba di hotel berkenaan.

6. BAGINDA dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim berkenan menerima junjung ziarah. Sejurus berangkat tiba di Hotel Imperial dengan diiringi oleh Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Jepun, TYT Dato Paduka Awang Adnan bin Buntar dan Ketua Protokol Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Awang Haji Mohd. Nor Jeludin.

7. BAGINDA ketika berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai Shell dan BLNG sejurus berangkat tiba di Hotel Imperial.



Lawatan Kerja Kebawah DYMM ke Tokyo, Jepun

Brunei - Jepun tandatangani perjanjian BJEPA

TOKYO, Isnin, 18 Jun. - Negara Brunei Darussalam dan Jepun mencipta sejarah dengan termeterainya Perjanjian Pakatan Ekonomi Brunei-Jepun (BJEPA).

Perjanjian bersejarah itu ditandatangani oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shinzo Abe sejeurus berangkat tiba sebelum memulakan rundingan dua hala.

Perjanjian BJEPA itu bertujuan untuk membuka lebih banyak peluang pasaran baru bagi barangan dan perkhidmatan, di samping untuk menarik lebih banyak pelaburan di antara kedua-dua buah negara.

Dengan termeterainya perjanjian itu, Bandar Seri Begawan dan Tokyo boleh bekerjasama dalam bidang tenaga, perkem-

banagan tenaga manusia dan peningkatan keupayaan.

Sejeurus selepas perjanjian itu, kedua-dua pemimpin berkenaan mengadakan Sidang Akhbar.

Berangkat menyaksikan perjanjian itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Juga hadir menyaksikan perjanjian berse-

jarah itu ialah Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Haji Awang Yahya; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng dan Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Jepun, TYT Dato

Paduka Awang Haji Adnan serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Tokyo.

Selepas penandatanganan perjanjian itu, baginda berkenan pula berangkat ke Majlis Santap Rasmi yang diberikan oleh Perdana Menteri Jepun.



1. KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman bersama Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shinzo Abe sejeurus berangkat tiba sebelum memulakan rundingan dua hala.
2. TANDATANGANI PERJANJIAN ... Baginda bersama Perdana Menteri Jepun semasa menandatangani Perjanjian Pakatan Ekonomi Brunei - Jepun (BJEPA).
3. BAGINDA dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan delegasi Negara Brunei semasa mengadakan perjumpaan dua hala di Jabatan Perdana Menteri Jepun.
4. SIDANG AKHBAR ... Baginda bersama dengan Perdana Menteri Jepun semasa mengadakan Sidang Akhbar sejeurus selepas penandatanganan BJEPA.
5. BAGINDA ketika bertitah di Majlis Santap Rasmi.
6. BAGINDA bersama Perdana Menteri Jepun ketika berangkat ke Majlis Santap Rasmi.

Laporan : Jaafar Ibrahim
jaafar.ibrahim@information.gov.bn
Foto :
Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar,
Hernie Suliana Haji Othman
dari Tokyo, Jepun



TINJAUAN

SEKTOR PERTAHANAN BERPOTENSI MAJUKAN EKONOMI NEGARA

NEGERA Brunei Darussalam telah berjaya menjadi tumpuan bagi lebih 108 buah syarikat pembekal pertahanan terkemuka dari 18 buah negara dan juga memukau lebih 30,000 pengunjung dalam Pameran Pertahanan Antarabangsa (BRIDEX) 2007 yang telah berlangsung pada 31 Mei hingga 2 Jun lepas di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

BRIDEX 2007 telah disertai oleh entiti perniagaan global, pegawai-pegawai kerajaan dan tentera, para ahli profesional pertahanan, para penyelidik, para penganalisis pertahanan, kakitangan perkhidmatan dan syarikat-syarikat swasta tempatan.

Pameran yang antara lainnya telah memaparkan peralatan-peralatan ketenteraan terkini dan sofistikated bersempena sambutan Hari Ulang Tahun Penubuhan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pengiran Dato Paduka Mashor bin Pengiran Ahmad menyentuh mengenai peluang-peluang perniagaan dalam bidang pertahanan. Dengan menerokai bidang ini memberikan minat bukan sahaja kepada para peniaga tetapi kepada belia-belia untuk menceburi bidang pekerjaan yang mungkin terbuka luas, katanya kepada Pemberita PELITA BRUNEI.

Ini adalah selaras dengan aktiviti Kementerian Pertahanan menganjurkan BRIDEX 2007, dengan Dasar Pertahanan Negara Brunei Darussalam seperti mana yang terkandung dalam Kertas Dasar Pertahanan (Defence White Paper) yang dikeluarkan dua tahun yang lalu yang memfokuskan dua elemen penting iaitu Rancangan Peningkatan Perkembangan Keupayaan ABDB.

"Rancangan Peningkatan Perkembangan Keupayaan ABDB merupakan satu usaha untuk melihat mengenai dengan masa depan ABDB dan elemen kedua ialah untuk melihat sektor pertahanan sebagai pilihan bagi sektor swasta untuk dimajukan bagi pertumbuhan ekonomi negara," tambah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan.

Inilah harapan Kementerian Pertahanan agar kegiatan-kegiatan pertahanan itu juga turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan juga membukakan peluang-peluang baru bagi rakyat dan penduduk negara ini. Maksudnya di sini kementerian juga akan turut menyumbang kepada negara sebagai sebuah agensi dalam mempelbagaikan ekonomi.

Sehubungan itu, dengan kewujudan pelbagai peralatan canggih pertahanan,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengingatkan supaya Kementerian Pertahanan lebih bijaksana dalam menilai keutamaan-keutamaan yang diperlukan, selaras dengan perkembangan semasa serta penilaian ancaman atau 'threats assessment' terhadap negara seperti yang dititahkan baginda di Majlis Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-46 pada 31 Mei lepas bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Ketika ditemui Awang Yahya bin Haji Idris, Pengarah Dasar Pertahanan yang juga Pengurus Forum Kementerian Pertahanan juga menyentuh mengenai forum sempena pameran BRIDEX 2007 telah membincangkan mengenai penubuhan Pusat Pengoptimuman (Performance Optimisation Centre) yang akan merangkumi disiplin 'Sports Science' dan 'Sports Medicine' sebagai pendekatan bagi penjagaan dan peningkatan keupayaan anggota.

Menurutnya pusat ini

Oleh :
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn
Foto : Haji Mohd. Yusof Mohd. Yassin,
Ak. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

akan menggunakan pengetahuan saintifik dan teknologi terkini bagi mengoptimumkan kemampuan tentera melalui penggunaan latihan sains yang sudah dibuktikan oleh kajian saintifik dalam Makmal Kemampuan Manusia, dalam reka bentuk dan kaedah latihan tentera.

Beliau menambah, kertas kerja yang disampaikan mengenai forum termasuk mengenai penubuhan ini juga telah menarik minat para peserta forum kerana pusat ini akan dibina cukup dengan sokongan pakar fisioterapi dan keupayaan pemulihan komprehensif bagi memudahkan penyembuhan yang tepat pada masanya untuk tentera yang cedera serta penggunaan strategi mengelak kecederaan yang berdasarkan bukti dalam latihan ketenteraan dan sebagainya.

MENYAMBUT BAIK

Menyentuh pameran ini, Tan Sri Dato' Ahmad Johan, Presiden National Aerospace and Defence Industries Bhd. (NADI) menyambut baik penyertaan Malaysia dalam BRIDEX 2007, dan begitu terharu yang pertama kali Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah dalam pameran bertaraf antarabangsa adalah begitu sukses dibandingkan negara-negara lain mengadakan pameran dalam keadaan tergesa-gesa.

Menyentuh mengenai hubungan kedua-dua buah negara, Persurujaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Ali Abdullah, Malaysia bersedia berkongsi pengalaman dengan Brunei yang banyak berguna kepada Malaysia begitu juga Malaysia sebaliknya. Ianya bukan sahaja di bidang pertahanan malah kebudayaan, dan agama.

"Apa saja keupayaan Malaysia termasuk kemudahan yang ada sudah menawarkan kepada Brunei. Brunei juga menggunakan pesawat latihan mereka Mark II, baru-baru ini Malaysia tukar mark I ke mark II untuk tingkatkan keupayaan kita. Kita tawarkan kepada Brunei kemudahan dan keupayaan termasuk latihan teknikal," jelas Tuan Yang Terutama dan Tan Sri.

Hadir sama dalam temu ramah ini ialah Jeneral Dato' Seri Mohd. Shahrudin Nordin, Pengarah Eksekutif Defence & Precision Engineering, NADI dan Kolonel Salleh Ahmad dari Airod Sdn. Bhd.

Bagi Pengiran Dato Paduka Abidin bin Pengiran Ahmad, pameran ini dialu-alukan terutama keadaan sekuriti, keselamatan serantau. Sebagai sebuah negara kecil, Brunei seperti juga Singapura mudah ditekan oleh negara-negara yang lebih otonomi. Kita mesti mengetahui keadaan kejadian sekitar bersangkut de-

ngan keselamatan. Dengan adanya 'direct involvement' tegasnya ini menunjukkan satu platform untuk meninjau lebih jauh bagaimana kecanggihan yang kita boleh buat tanpa menggunakan tenaga manusia terlampau banyak, teknologi penting baik ketahanan dalam negeri bagi mengelakkan aktiviti keganasan seperti negara-negara yang pernah dikuasai, kita mestilah fikirkan supaya tidak mengancam negara kita."

Pengiran Dato Paduka Haji Abidin adalah Pemerintah ABDB sejak tahun 1995 hingga 1999. Sebelumnya adalah Pemerintah Tentera Udara sejak tahun 1991 hingga 1995. Secara umumnya bertugas selama 34 tahun dalam kerajaan termasuk tiga tahun menjadi juruhebah pertama iaitu pada tahun 1960-an.

Beberapa syarikat tempatan yang juga menyertai acara yang julung-julung kalinya ini ialah Royal Brunei Technical Services (RBTS) yang beribu pejabat di Kompleks Setia Kenangan, yang diketuai oleh Pengurus Kanan dan Ketua Bahagian Perkembangan Perniagaan RBTS, Awang Haji Mohd. Don bin Haji Omar berkata, RBTS akan mempunyai perancangan sedikit masa lagi untuk menghasilkan produk pelbagai produk membekalkan makanan halal untuk mendukung industri pertahanan sejajar dengan aspirasi Kertas Putih Pertahanan.

Dalam hubungan ini RBTS juga akan mengorak langkah, ke arah perniagaan baru ke arah memperkembangkan perniagaan baru dengan strategi dan aspek keselamatan dan jangka masa yang panjang.

RBTS sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh kerajaan pada tahun 1987 adalah untuk menangani pembelian dan perolehan alat-alat sensitiif dan strategik seperti peluru dan senjata api, di samping mempunyai pegawai yang berkelayakan profesional dalam menangani peralatan merbahaya, di samping memberikan perkhidmatan teknikal kepada pelanggan-pelanggannya. RTBS menghulurkan perkhidmatan nilai tambah dengan menggunakan perisian canggih dan sofistikated.

Tiga syarikat yang lain ialah MMS Tekad Engineering Company yang masing-masing diketuai oleh Awang Shoukry bin Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny, Ketua Eksekutifnya, CIGS Enterprise, Pengiran Haji Sahrifuddin bin Pengiran Haji Abbas, Pengurus Perniagaan dan Brustream Co. yang diwakili oleh Pengiran Hajah Tuti Noryoul Irwani binti Pengiran Haji Ibnu ber-



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pengiran Dato Paduka Mashor bin Pengiran Ahmad.



PENGIRAN Dato Paduka Haji Abidin bin Pengiran Ahmad, bekas Pemerintah ABDB sejak tahun 1955-1999.



PENGARAH Dasar Pertahanan Kementerian Pertahanan, Awang Yahya bin Haji Idris.

2007 dapat memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha serta pembekal pertahanan dari pelbagai rantau dan global untuk sama-sama berinteraksi; mempamerkan dan mempromosikan produk terkini.

Mereka juga berpendapat, pameran ini juga sebagai medan untuk mendalami potensi bagi menubuhkan perusahaan pertahanan dan pembangunan industri pertahanan tempatan serta kesempatan untuk menubuhkan rangkaian di kalangan rakan-rakan sejawat pertahanan.



PENGURUS MMS Tekad Engineering Company, Awang Shoukry bin Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny (tiga dari kiri) bersama para peserta yang menyertai pameran BRIDEX 2007.



PENGIRAN Hajah Tuti Noryoul Irwani bersama Pengurus Umum EMS Asia Group Sdn. Bhd., V. Sivaramakrishnan (kiri) dan wakil dari EMS Asia Group.



PRESIDEN NADI, Tan Sri Dato' Ahmad Johan.



PESURUHJAYA Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, TYT Datuk Ali Abdullah.



PRESIDEN Rohde & Schwarz Vertriebs - GmbH, Achim Klein.



PENGURUS Kanan dan Ketua Perkembangan Bahagian, Perkhidmatan Teknik, Awang Haji Mohd. Don bin Haji Omar.



PENGURUS Umum ELS Defence Equipment Pte. Ltd., Andy Ting Kiong Poh.



Pengurus Perniagaan CIGS Enterprise, Pengiran Haji Sahrifuddin bin Pengiran Haji Abbas.



MENCUBA ... Senjata canggih.

SEMPENA ISTIADAT PERKAHWINAN DIRAJA

Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Jun. - Istiadat Perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari telah berlangsung dengan sempurna dengan penuh istiadat diraja.

Dengan sempurnanya Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja tersebut satu Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia untuk dimulakan.

YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela kemudian menjunjung anugerah mengadap ke hadapan majlis Kebawah DYMM untuk menjunjung kurnia perkenan bagi memulakan Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga.

Selepas itu, YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela menyebarkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah tith perkenan Kebawah DYMM supaya Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.

YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah kemudian menyabdakan kepada YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela menyebarkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah tith perkenan Kebawah DYMM supaya Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

Abdullah Asgar

abdullah.asgar@information.gov.bn

Abu Bakar Haji Abdul Rahman

bakar.rahman@information.gov.bn

Foto : Jurugambar Jabatan Penerangan

Setelah itu YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela menyebarkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah tith perkenan Kebawah DYMM supaya Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia untuk dimulakan.

Selepas itu, YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela menyebarkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah tith perkenan Kebawah DYMM supaya Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.

Selepas itu, YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela menyebarkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah tith perkenan Kebawah DYMM supaya Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.

YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah kemudian menyabdakan kepada YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela menyebarkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah tith perkenan Kebawah DYMM supaya Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.

Selepas itu, YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela menyebarkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah tith perkenan Kebawah DYMM supaya Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.

Selepas itu, YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela menyebarkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah tith perkenan Kebawah DYMM supaya Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.

Selepas itu, YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela menyebarkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah tith perkenan Kebawah DYMM supaya Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.

Setelah itu YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela menyebarkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah tith perkenan Kebawah DYMM supaya Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.

Selepas itu YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah kemudian menyabdakan kepada YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela menyebarkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah tith perkenan Kebawah DYMM supaya Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.

Kemudian YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela menjunjung anugerah mengadap ke hadapan majlis Kebawah DYMM untuk menjunjung kurnia perkenan supaya majlis ditutup.

Setelah diperkenan, YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela sekali lagi menyebarkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah tith perkenan Kebawah DYMM supaya Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.



1. DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ketika berkenan menerima sembah daripada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Haji Awang Yaakub bahawa Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.

YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah kemudian menyabdakan kepada YDM Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela menyebarkan kepada YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah tith perkenan Kebawah DYMM supaya Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.

Sementara itu, Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga sempena sempurnanya Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil yang berlangsung di Darul Karamah, Beribi di sini.

Berangkat di majlis istiadat berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dialakukan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggama Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof dan Yang Mulia Pengiran Syed Haji Jaafari bin Pengiran Syed Haji Mashor.

Majlis istiadat di Darul Karamah bermula dengan YDM Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Haji Awang Yaakub menyebarkan kepada YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad bahawa pada menjunjung sabda DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura bahawa DYTM menyabdakan supaya istiadat dimulakan.

YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad kemudian menyabdakan kepada YDM Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna, mengadap serta menyebarkan ke hadapan majlis DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura bahawa Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.

Selepas itu YDM Pehin Orang Kaya Maharaja



2. YANG Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim ketika berangkat di Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga.

Kerna mengadap ke hadapan majlis DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura bahawa pada menjunjung sabda DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura bahawa DYTM menyabdakan supaya istiadat dimulakan.

Setelah itu DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura menyabdakan kepada YDM Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna seterusnya menyebarkan kepada YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad bahawa pada menjunjung sabda DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura bahawa DYTM menyabdakan supaya istiadat dimulakan.

YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad kemudian menyabdakan kepada YDM Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna, mengadap serta menyebarkan ke hadapan majlis DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura bahawa Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna balik ke tempat duduk.

Empat orang Awang-Awang masuk ke dalam majlis untuk meletakkan Dian Empat yang sedia terpasang (bertunu) dan selepas meletakkan Dian dan kemudian Surat Dikir, Bantal Geguling dan Pabarahan dibawa masuk oleh tiga orang Awang-Awang dan diletakkan di tempat

yang telah ditentukan.

Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah dimulakan dengan Dikir Syarafil Anam (Dikir Marhaban) oleh pegawai-pegawai masjid dan bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah yang diketuai oleh YDM Pehin Khatib Haji Awang Mat Jaya dan diikuti kemudian diakhiri dengan tembak meriam sebanyak 17 das.

Doa dikir dibacakan oleh YDM Pehin Khatib Haji Awang Mat Jaya, manakala doa selamat di istiadat itu dibacakan oleh YDM Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

Selepas itu YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad menyabdakan kepada YDM Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna mengadap serta menyebarkan ke hadapan majlis DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura bahawa Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah sempurna dilaksanakan.

DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura kemudian menyabdakan kepada YDM Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna mengadap serta menyebarkan ke hadapan majlis DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura bahawa Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga telah sempurna dilaksanakan.



3. MAJLIS istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.



4. MEMOHON KEBERKATAN ... Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

5. SEBAHAGIAN daripada jempunan di Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga di Istana Nurul Iman.

6. PEGAWAI-PEGAWAI Masjid mempersembahkan Dikir Syarafil Anam.



Lawatan Kerja Kebawah DYMM ke Tokyo, Jepun

Berangkat lawat Tokyo Electric, Tokyo Gas Sodegaura LNG

TOKYO, Isnin, 18 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Tokyo Electric Sodegaura Thermal Power Station dan Tokyo Gas Sodegaura LNG Terminal yang terletak di Teluk Tokyo, kira-kira 50 kilometer dari pusat Bandar Tokyo.

Berangkat sama mengiringi baginda ialah anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Sejurus berangkat tiba di Terminal Sodegaura, baginda dijunjung oleh Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri yang juga selaku Pengerusi Gas Cecair Asli Brunei (BLNG) dan Brunei Shell Tankers (BST), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Beganwan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Juga mengalu-alukan keberangkatan baginda dan rombongan ialah Timbalan Presiden Tokyo Electric, Tuan Susumu Shirakawa; Presiden Tokyo Gas, Tuan

Laporan : Jaafar Ibrahim
jaafar.ibrahim@information.gov.bn

Foto :

Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar,
Hernie Suliana Haji Othman
dari Tokyo, Jepun

Mitsunori Torihara; Presiden Syarikat Mitsubishi, Tuan Yorihiro Kojima; Presiden Shell Gas dan Power, Tuan Minoru Take-da.

Hadir sama turut meng-alu-alukan keberangkatan ialah Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Brunei, Grahaeme Henderson, Pengarah Urusan BLNG, Fred Smeenk, serta pegawai-pegawai dan Tokyo Electric, Tokyo Gas, Syarikat Mitsubishi dan BLNG.

Selepas itu, baginda disembahkan taklimat oleh Presiden Tokyo Electric bagi pihak pembeli Syarikat Tokyo Electric Power dan Tokyo Gas mengenai latar belakang dan aktiviti-aktiviti pusat Terminal Sodegaura.

Syarikat Tokyo Electric Power yang ditubuhkan pada tahun 1951 adalah merupakan utiliti elektrik

terbesar di Jepun dan keti-ga di dunia dan mempunyai tenaga kerja lebih 38,000 orang.

Syarikat itu juga mempunyai 190 buah janakuasa dengan keupayaan membekalkan tenaga elektrik berjumlah 63,000 MW kepada 27.7 juta pelanggan di Tokyo, Yokohama dan sebahagian kawasan Kan-to.

Sementara itu, Syarikat Tokyo Gas yang ditubuhkan pada tahun 1885 dan telah menjadi pelanggan gas cecair asli Negara Brunei Darussalam sejak tahun 1973. Setiap tahun syarikat berkenaan membeli sejumlah 4.2 juta tan atau 44 peratus jumlah Gas Cecair asli (LNG) dibekalkan dari Negara Brunei Darussalam.

Selepas taklimat, baginda dan rombongan dibawa melawat meninjau kemudahan-kemudahan

yang terdapat di Tokyo Electric dan Tokyo Gas dengan menggunakan bas.

Menurut BLNG, lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke terminal berkenaan adalah kali pertama sejak tahun 1973 itu bertujuan untuk memperkukuhkan rakan kongsi di antara BLNG sebagai pembekal LNG dan juga pengguna Jepun.

Dalam hubungan ini, BLNG kini berusaha membangunkan pelantar kedua dan juga berusaha gigih serta meningkatkan keupayaan selaku pembekal LNG yang 'reliable'.

Jurucakap BLNG menjelaskan jika projek berkenaan siap kelak, BLNG akan terus menjadi kukuh bagi meneruskan operasi sungguhpun kontrak bagi pembekalan LNG ke Syarikat berkenaan berakhir pada tahun 2013.

Juga hadir mengiringi baginda melawat kedua-dua terminal tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng; Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Jepun, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Adnan bin Buntar dan Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Itsuo Hashimoto.

Melawat kapal 'Bubuk'

TOKYO, Isnin, 18 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat melawat menaiki Kapal Tangki 'Bubuk,' iaitu, salah sebuah kapal pengangkut gas cecair asli (LNG) kepunyaan Syarikat Brunei Shell Tankers (BST) yang sedang berlabuh di Terminal Sodegaura, yang terletak kira-kira 50 kilometer dari pusat Bandar Tokyo.

Keberangkatan baginda dengan diiringi anakanda baginda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dijunjung dan dialu-alukan oleh Pengurus Pemasaran BLNG, Awang Mohammad bin Haji Awang Damit; Pengurus Armada Kapal Bubuk, Tuan Phil Lewthwaite dan kapten kapal berkenaan, Kapten Ayres d Costa dan pegawai-pegawai serta anak-anak kapal warga Brunei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula dibawa melawat meninjau ke 'Navigation Bridge' atau 'wheel house' yang terletak di tingkat lima kapal berkenaan tentang peralatan-peralatan yang digunakan.

Sebelum berangkat balik, baginda berkenan menandatangani plak bagi memperingati keberangkatan baginda



1. **KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam** ketika merakamkan gambar kenangan bersama pembeli gas BLNG dan pemegang saham di Tokyo Gas LNG Plaza. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.
2. **MENANDATANGANI PLAK** ... Baginda ketika berkenan menandatangani plak sebagai kenangan keberangkatan ke Kapal Bubuk.
3. **BAGINDA** ketika berkenan menerima penerangan ringkas mengenai pameran yang terdapat di LNG Plaza sambil diiringi oleh Presiden Tokyo Gas, Mitsunori Torihara.
4. **BAGINDA** ketika berkenan menerima junjung ziarah sejurus berangkat tiba di Pusat Perhubungan Awam Tokyo Electric.
5. **BAGINDA** disembahkan penerangan oleh 2nd Officer Kapal Bubuk, Awang Hairul Ghani, mengenai perjalanan yang direntas oleh kapal berkenaan sebelum tiba di Terminal Sodegaura semasa baginda berangkat melawat kapal tersebut.



Majlis Menjunjung Pengantin Diraja Lelaki di Majlis Istiadat Muleh Tiga Hari

Liputan :

Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

Foto :

Jurugambar Jabatan Penerangan



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Jun. - Rombongan menjunjung Pengantin Diraja Lelaki Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalid berangkat tiba di Istana Nurul Iman sempena Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari telah berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Majlis bermula dengan menjunjung rombongan pengantin Diraja Lelaki yang dikepalai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irsyad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim dengan diulauluan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin dan Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalid berangkat ke Balai Singgahsana Indera Buana dengan diapit oleh Yang Mulia



Awangku Khairil Khalid dengan didahului oleh 12 Sinipit, Sebatang Dian Tunggal dibawa oleh Awang-Awang berjalan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalid dan dua orang Kanak-Kanak Pahawai Lelaki, seorang membawa Kiap dan seorang membawa Pasigupan, didahului oleh Yang Mulia Juru Bini Dayang Hajah Rokiah dan diikuti oleh 2 orang Pengangun Pengantin

Diraja, 4 orang Pengiran Peranakan dengan diiringi oleh Yang Dimuliakan Pehin Penyurat Haji Awang Maidin dan Yang Dimuliakan Pehin Penyurat Haji Awang Osman diikuti seorang Pengiran Perempuan berbaju Gadong dan diikuti oleh seorang Dayang-Dayang yang membawa Kaskol Langgawai serta tujuh orang Pahawai Lelaki yang memegang satu Puan, Tarian, Kabok dan Panastan,

Kiap, Chupu, Pasigupan dan Kaskol.

Sambil Dian 16 dibawa oleh 16 Awang-Awang serta Alat-Alat Kebesaran Diraja terdiri dari enam Pedang dan Perisai, enam Tumbak Benderangan dan empat Kabok dan Panastan dibawa oleh empat orang Awang-Awang, sementara 12 Sinipit beratur di tempat telah ditentukan.

Yang Amat Mulia Pe-

ngiran Anak Khairul Khalid dengan diiringi oleh YM Awangku Khairul Khalid masuk sehingga ke Singgahsana kemudiannya duduk di atas Pataratna sambil disaksikan oleh para pembesar negara dan jemputan-jemputan yang hadir.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

1. YANG Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalid menadah tangan ketika doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan.
2. PENGANTIN Diraja Lelaki berangkat ke Balai Singgahsana Indera Buana bagi Majlis Menjunjung Pengantin Diraja Lelaki di Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari.

Majlis Menjunjung Pengantin Diraja Lelaki Muleh Tiga Hari di Darul Karamah

Liputan :

Ak. Jefferi Pg. Durahman
jefferi.durahman@information.gov.bn

Foto : Jurugambar Jabatan Penerangan

3. PENGANTIN Diraja Lelaki menadah tangan ketika doa selamat dibacakan seurus tiba di Darul Karamah, Beribi.
4. YANG Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari tiba di Darul Karamah dari Istana Nurul Iman bagi Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari.
5. PARA pembesar negara sama-sama mendoakan kesejahteraan dan kebahagiaan mempelai diraja.
6. DOA selamat di Darul Karamah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Jun. - Aturcara majlis Istiadat Perkahwinan Diraja diteruskan dengan Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari bagi Istiadat Perkahwinan Diraja, puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dan Yang

Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari.

Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari bermula dengan rombongan menjunjung Pengantin Diraja Lelaki dari Darul Karamah berangkat tiba di Istana Nurul Iman yang dikepalai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith dan disertai oleh beberapa orang pembesar negara dan keluarga Pengantin Diraja Lelaki.

Di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bahawa Istiadat Menjunjung Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil telah siap sedia.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil kemudian berangkat ke Balai Singgahsana Indera Buana dengan diapit oleh adinda Yang Amat Mulia iaitu, Yang Mulia Awangku Khairil Khalid dengan didahului oleh 12 sinipit, sebatang Dian Tunggal dibawa oleh Awang-Awang, diiringi oleh 2 orang Kanak-Kanak Pahawai Lelaki, se-

orang membawa Kiap dan seorang membawa Pasigupan. Mereka diiringi oleh Juru Bini, dua orang Pengangun Pengantin Diraja, empat orang Pengiran Peranakan, dan disertai oleh Pehin-Pehin Penyurat.

Rombongan juga terdiri daripada seorang Pengiran Perempuan Berbaju Gadong, seorang Dayang-Dayang yang membawa Kaskol Langgawai, serta tujuh orang Pahawai Lelaki yang memegang satu Puan, satu Tarian, satu Kabok dan satu Panastan, satu Kiap, satu Chupu, satu Pasigupan dan satu Kaskol.

Sementara Dian 16 pula dibawa oleh 16 Awang-Awang, selain daripada Awang-Awang yang membawakan Gangsa Alu-Aluan. Antara Alat-Alat Kebesaran Diraja termasuk 6 Pedang dan Perisai, 6 Tumbak Benderangan dan 4 Kabok dan Panastan.

Doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith kemudian menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah bagi menjunjung anugerah membawa muleh Pengantin



Diraja Lelaki.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil dan rombongan kemudian berangkat meninggalkan majlis, untuk kembali ke Darul Karamah di Kampong Beribi, kemudian Pengantin Diraja Lelaki.

Rombongan didahului oleh 12 Sinipit, sebatang Dian Tunggal, disertai oleh Pahawai Lelaki yang mem-

bawa Kiap dan Pasigupan. Mereka diiringi oleh alat-alat perhiasan Diraja dan ahli-ahli keluarga Pengantin Diraja Lelaki yang diiringi oleh Alat-alat Kebesaran Diraja berangkat tiba di Darul Karamah.

Doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.



HALUAN

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat-Nya jua mengizinkan kita hadir beramai-ramai di majlis yang berkebakikan pada pagi ini.

LATAR BELAKANG TEMA HARI KAJICUACA SEDUNIA 2007

Saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis kerana menganjurkan Sambutan Hari Kajicuaca Sedunia pada pagi ini dengan tema dipilih oleh Pertubuhan Kajicuaca Sedunia (WMO), 'Polar Meteorology: Understanding Global Impact' ataupun 'Meteorology Kutub: Memahami Impak Sejagat'.

Komuniti antarabangsa termasuk negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom telah menyuarakan rasa bimbang terhadap isu-isu perubahan iklim atau 'climate change' yang dijangka akan memberikan kesan-kesan negatif terhadap sosioekonomi sesebuah negara dan menyeru supaya dasar-dasar digubal bagi menangani penyebab-penyebab perubahan iklim berkenaan 'greenhouse gases'.

Selaras dengan perutusan Setiausaha Agung Pertubuhan Kajicuaca Sedunia pada tahun 2007 ini, saya juga ingin menyeru supaya kita bersama-sama dengan warga dunia lain memainkan peranan kita secara kolektif dalam menyumbang ke arah mengurangkan kesan-kesan buruk terhadap iklim sejagat dengan mengamalkan cara hidup yang lebih mesra alam.

Ini dapat dilaksanakan dengan mengamalkan cara hidup kita semula mahupun dengan cara penjimatan penggunaan kereta bagi mengurangkan pencemaran udara.

KESAN KEPADA CUACA BRUNEI DARUSSALAM

Kedudukan geografi bukanlah menjadi batas kepada hubungan iklim sejagat sama ada di antara negeri, rantau mahupun benua. Iklim sejagat tidak mempunyai sempadan. Sebagai contoh kesan fenomena El-Nino yang menyebabkan peningkatan turun hujan di kawasan Pasifik Timur memberikan kesan yang berbeza di rantau ini.

Kesan El-Nino pada tahun-tahun 1972-1973, 1982-1983 dan 1997-1998 yang melanda rantau kita mengakibatkan Negara Brunei Darussalam telah mengalami cuaca kering atau kemarau. Ini bermakna keadaan cuaca ekstrim dan buruk bukan terhad atau eksklusif pada sesuatu kawasan sahaja.

Sebagai sebuah negara yang terletak berdekatan Khatulistiwa

ataupun 'equator', kita mengalami cuaca yang dipengaruhi oleh pelbagai sistem atmosfera dan laut. Keadaan angin kencang dan hujan lebat berpanjangan yang kadangkala mengakibatkan berlakunya tanah susur dan banjir kilat ataupun keadaan kemarau yang menyebabkan kekurangan air dan menimbulkan keimbangan dan secara langsung memberi kesan kepada kehidupan seharian penduduk. Oleh yang demikian, peranan Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam sebagai agensi unggul menangani isu-isu cuaca dan iklim adalah kritikal dan mustahak dan tidaklah dapat diperkecilkan.

KERJASAMA PELBAGAI PIHAK

Selain dari peranan Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Jabatan Penerbangan Awam juga menyediakan khidmat

kaji cuaca kepada penerbangan dan menjadi sumber maklumat dan agensi penasihat kepada pelbagai pengguna baik dalam kerajaan mahupun pihak swasta.

Dalam hal ini, penyediaan khidmat maklumat dan amaran cuaca adalah menjadi satu peranan yang sangat penting bagi pusat tersebut untuk merancang dan membuat tindakan-tindakan bagi meringankan kesan-kesan bencana. Memandangkan penyediaan khidmat cuaca yang dimaksudkan tadi bukanlah satu perkara yang mudah dan ringan, saya ingin menekankan supaya Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam meneruskan usahanya ini dan meningkatkan lagi tahap khidmat nasihat, amaran dan ramalan cuaca yang disediakan supaya penyampaian, ketepatan dan penggunaannya dapat dimanfaatkan secara maksima dan lebih berkesan

AMALKAN CARA HIDUP MESRA ALAM



UCAPAN Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong di Majlis Sambutan Hari Kajicuaca Sedunia 2007 bertempat di Ruang Berlepas Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, pada hari Sabtu, 24 Mac 2007.

lagi oleh para pengguna.

HALA TUJU PERKHIDMATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM

Setelah menjangkau 40 tahun sejak penubuhannya dan lebih 23 tahun Negara Brunei Darussalam menjadi Ahli kepada WMO, saya rasa pihak Perkhidmatan Kajicuaca, Jabatan Penerbangan Awam perlu mewujudkan perancangan strategik jangka pendek dan jangka panjang bagi menentukan hala tuju yang patut diikuti Perkhidmatan Kajicuaca Negara Brunei Darussalam, demi untuk memenuhi kehendak nasional yang semakin bertambah sesuai dengan peredaran masa dan keperluan Pertubuhan Kajicuaca Sedunia. Perancangan strategik yang dimaksudkan itu nanti mestilah secara 'holistic', merangkumi perkara-perkara yang menyentuh kekuatan, ke-

lemahan dan peluang-peluang, sekali gus mengambil kira bidang-bidang dan Perkhidmatan Kajicuaca yang terdapat dalam konvensyen WMO yang bersesuaian dengan kepentingan Negara Brunei Darussalam dan juga berdasarkan sukat-sukat Perkhidmatan-perkhidmatan Kajicuaca di peringkat rantau ASEAN.

PENGUMUMAN PROJEK-PROJEK YANG SEDANG DIUNGKAYAHKAN DAN PROJEK-PROJEK RKN-9 KAJI CUACA YANG DILULUSKAN

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Jabatan Penerbangan Awam yang begitu giat dalam usahanya mempromosikan khidmat-khidmat dan produk kaji cuaca yang disediakan bagi pengguna-pengguna melalui Program Promosi dan

Kesedaran Cuaca Awamnya yang semata-mata bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dan memaksimumkan manfaat yang diperolehi dari khidmat-khidmat yang diberikan.

Projek peningkatan talian perhubungan kaji cuaca di antara Brunei dan Singapura dengan menggunakan 'International Private Leased Circuit (IPLC)' membolehkan penerimaan dan penghantaran isi padu data projek pemasangan sistem penerimaan maklumat melalui satelit iaitu 'International Satellite Communication System (ISCS)' memberikan kemampuan jabatan untuk menerima maklumat cuaca penerbangan terus-menerus dari Pusat Ramalan Dunia di Washington, Amerika Syarikat melalui satelit.

Bagi rancangan masa hadapan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah pun meluluskan dua projek kaji cuaca baru di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-9 iaitu Projek Pemasangan LLWAS dan Projek Pemasangan 'System for Wind Profiling and Echo Registering (SWiPER)'. Projek pertama, 'Low Level Wind Alert System (LLWAS)' bertujuan memberikan kemampuan pengesanan dan amaran 'wind shear' yang bahaya di dalam dan persekitaran zon-zon pendaratan dan berlepas Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei Darussalam. Melalui projek ini nanti keselamatan penerbangan udara akan dapat dipertingkatkan dan

sekali gus dapat memenuhi kehendak Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO). Manakala projek kedua, SWiPER akan membolehkan penceraian angin di udara atas secara berterusan dapat dibuat dan melalui sistem ini sebarang perubahan yang mendadak dapat dikesan dan digunakan bagi maklumat keselamatan operasi penerbangan dan juga penyelidikan cuaca negara.

PENUTUPAN DAN PERASMIAN HARI KAJICUACA SEDUNIA 2007

Bagi mengakhiri ucapan ini, saya ingin menyeru supaya kita haruslah bekerjasama dalam memastikan negara kita ini sentiasa di dalam keadaan selamat. Sebagai langkah bagi menangani segala apa jua dugaan dan cabaran yang dihadapi adalah amat penting kita membuat perancangan yang rapi dan segala langkah-langkah persediaan yang cukup.

Dengan mendahulukan kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim' dan bertawakal kepada Allah serta selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan sukacita melancarkan Hari Kajicuaca Sedunia Tahun 2007 dengan bertemakan 'Polar Meteorology: Understanding Global Impact'.

KUALA BELAIT, Ahad, 20 Mei. - Warga Perkhidmatan Awam (PA) perlu menghormati pelanggan tanpa memandang status dan jawatan mereka, kata Pemangku Ketua Kampong Sungai Mau.

Pemangku Ketua Kampong Sungai Mau, Dr. Haji Ismail Opak menambah dalam menjalankan tugas setiap warga PA perlu ada keyakinan dalam diri mereka serta merasa diri mereka berguna meskipun hanya sebagai buruh.

Beliau juga menasihatkan agar menjaga keteguhan diri kerana ia menggambarkan personaliti seseorang itu. Berucap semasa menyampaikan ceramah motivasi dalam Program 'Sayangi dan Hormati Pelanggan' bagi warga Jabatan Perkhid-

matan Kesihatan bertempat di Jabatan Perkhidmatan Kesihatan.

Program anjuran Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Cawangan Daerah Belait merupakan susulan daripada sambutan Hari Perkhidmatan Awam jabatan berkenaan. Program dihadiri lebih 50 orang kakitangan termasuk doktor dan jururawat jabatan tersebut bertujuan antara lain menanamkan sikap saling menyayangi dan menghormati bila berhadapan dengan pelanggan.

Di samping itu program tersebut juga memberikan pengetahuan asas dalam memberikan perkhidmatan pelanggan yang bermutu dan berkualiti tinggi sejajar dengan prinsip jabatan yang mengutamakan pelanggan da-

Utamakan kehendak pelanggan

lam semua aspek pengurusan termasuk layanan kepada pesakit dan keluarga mereka.

Melalui program tersebut mereka akan lebih bersikap prihatin dan sensitif kepada kehendak pelanggan dengan membuat perubahan kepada proses, kerja, peraturan, sistem dan prosedur dalam memberi perkhidmatan yang boleh memanfaatkan kepada kedua-dua belah pihak. Dengan demikian akan dapat mengurangkan aduan yang diterima dari pihak pelanggan mengenai perkhidmatan kesihatan yang diberikan.

Juga diundang menyampaikan ceramah 'Etika Kerja dan Rukun

Akhlak Dalam Perkhidmatan Awam', Pegawai Latihan Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Awang Dahri bin Haji Muntol menerangkan satu persatu sebelas Rukun Akhlak dan Etika Kerja PA yang perlu diketahui dan dipraktikkan oleh setiap warga PA.

Salah satu rukun akhlak dan etika kerja yang diterangkannya bersih, jujur dan amanah amalan mulia. Menurut Awang Dahri pekerja yang mempunyai sikap tersebut mempunyai hati yang ikhlas, niat yang baik dan jiwa yang murni.

"Pekerja yang bersih, jujur dan amanah sentiasa mentaati undang-undang dan boleh diberi keper-

cayaan sepenuhnya untuk melaksanakan sesuatu tugas, walau bagaimanapun sulit dan rahsiannya sesuatu tugas itu," ungkapnya.

Dua lagi penceramah turut diundang menyampaikan ceramah masing-masing bertajuk 'Budaya Kerja Perkhidmatan Kesihatan' disampaikan oleh Pegawai Jururawat Pusat Latihan Kesihatan Asasi Subok, Dayang Hajah Jaliha binti Haji Momin, manakala 'Cara-cara Menangani Stres Sewaktu Bekerja' disampaikan oleh Ketua Bahagian Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Dayang Alinah binti Haji Tamin.

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn



PEGAWAI Latihan Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Awang Dahri bin Haji Muntol menyampaikan ceramah bertajuk 'Etika Kerja dan Rukun Akhlak Dalam Perkhidmatan Awam'.

Budaya mencerminkan identiti bangsa

IDENTITI sesebuah bangsa itu dapat dikenali melalui budaya dan tamadunya. Malah kegemilangan dan keunggulan masa silam sesebuah kerajaan dan bangsa itu juga dapat dilihat melalui peninggalan tamadun, warisan budaya dan tradisinya.

Semua bangsa di dunia ini mempunyai budaya dan tradisi masing-masing yang diwarisi dari nenek moyang mereka. Cuma pada masa ini ada di antara mereka yang sudah tidak lagi mengamalkannya sama ada dalam kehidupan seharian mahupun pada majlis-majlis rasmi dan beradat.

Sebilangan negara atau bangsa pula masih kuat menjaga serta mempertahankan keunggulan dan keunikan budaya serta tradisi dalam kehidupan mereka terutama pada majlis-majlis tertentu.

Ketika ini keunikan dan ketinggian nilai budaya dan tradisi itu dijadikan sebagai bahan kajian oleh pakar-pakar budaya. Ia juga mendapat perhatian dari masyarakat umum. Kini budaya dan tradisi juga diangkat sebagai tarikan pelancong untuk menjana ekonomi oleh kebanyakan negara.

Memperkatakan mengenai budaya dan tradisi ini, bangsa kita sememangnya mempunyai nilai budaya dan tradisi yang tinggi dan unik. Ini dipamerkan melalui penggunaan bahasa halus serta gerak laku yang sopan dan beradab.

Ia juga dapat dilihat dari tatacara dan peralatan-peralatan tradisi yang digunakan dalam kehidupan seharian mahupun pada majlis keramaian, majlis rasmi dan majlis beradat istiadat.

Budaya dan tradisi bangsa Brunei ini umumnya dapat kita lihat melalui majlis-majlis seperti, pertabalan, perpuspaan, pengurniaan gelaran, perkahwinan, menyambut kelahiran kanak-kanak damit, mandi balawat, papat jambul, bertindik, berkhitan, khatam Al-Qur'an, membina rumah, pindah ke rumah baru dan bermacam-macam lagi.

Dalam majlis-majlis seperti inilah terselarnya budaya dan tradisi sama ada melalui bahasa-bahasa yang digunakan, tatacara pengendalian majlis, cara berpakaian, peralatan, kelengkapan yang digunakan dan seumpamanya.

Pelaksanaan majlis-majlis seperti itu lebih lengkap dan tersusun lagi bagi majlis-majlis istiadat diraja yang dilengkapi pelbagai peralatan kebesaran dan perhiasan diraja dengan penuh suasana gilang-gemilang.

Bagi masyarakat umum mereka juga mengamalkan budaya dan tradisi yang sama (bagi majlis-majlis tertentu), cuma tatacara dan perhiasan, peralatan serta kelengkapan yang digunakan adalah mengikut orang kebanyakan.

UNIK

Salah satu keunikan dan keunggulan budaya bangsa Brunei itu baru sahaja kita saksikan pada Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil pada (1 hingga 14 Jun lepas).

Kita sebutkan kembali secara ringkas Majlis-majlis Istiadat Perkahwinan Diraja yang penuh beradat istiadat dan gilang-gemilang itu. Ia bermula dengan Majlis Istiadat Bersuruh Diraja diikuti Majlis Istiadat Membuka Gandang Jaga-Jaga dan Majlis Istiadat Menjunjung Kurnia Gendang Jaga-Jaga di kediaman Pengantin Diraja Lelaki.

Seterusnya diikuti dengan Majlis Istiadat Menghantar dan Menerima Tanda Diraja, Majlis Istiadat Menghantar dan Menerima Pertunangan Diraja, Majlis Istiadat Berbedak Diraja (di Istana Nurul Iman dan di Darul Karamah), Majlis Istiadat Akad Nikah, Majlis Istiadat Berinai Diraja (di Istana Nurul Iman dan di Darul Karamah), Majlis Istiadat Bersanding Diraja, Majlis Istiadat Berarak Pengantin Diraja, Majlis Persantapan Diraja, Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari, Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga (di Istana Nurul Iman dan di Darul Karamah).

Semua majlis-majlis itu diadakan dengan penuh beradat istiadat melibatkan para pembesar negara, orang-orang bergelar, Awang-Awang, Dayang-Dayang serta penggunaan pelbagai peralatan dan perhiasan kebesaran diraja.

ALAT-ALAT PERHIASAN DAN KEBESARAN DIRAJA

Secara umum dan ringkas kita sebutkan nama Alat-alat Perhiasan dan Kebesaran Diraja yang digunakan dalam majlis-majlis tertentu (majlis-majlis beradat istiadat). Peralatan Gendang Kebesaran Diraja yang digunakan pada istiadat tertentu terdiri dari: Nekara, dua buah Gendang Labik, empat buah Serunai, tiga biji Canang, dan dua biji Gong.

Titir Gendang Jaga-Jaga ini mengandungi

Gendang Perang, Alihan-Alihan Tengah dan Alihan-Alihan Ujung termasuk Gendang Raja Lalu, Gendang Arak-Arakan. Lagu-lagu Serunai dalam Gendang Jaga-Jaga pula ialah Liu-Liu, Kudidi dan Sangga Bunuh.

Sementara itu Alat-Alat Kebesaran Diraja (Perhiasan Tunggal) terdiri dari Payung Diraja, Tombak Tunggal, Kaskul, Perisai Tunggal dan Pedang Tunggal; Dian Majlis, Dian Empat, Dian Enam Belas, Tikar, Bintang Petian, Pasigupan Emas, Kasur Nemat, Sandang, Sirat, Kiap, Pedang Enam Belas dan Perisai, Pemuras dan Karga, Kelasak dan Kampilan, Tombak Benderangan, Sinipit dan Taming, Gangsa, Puan Kerajaan, Tarian Kerajaan, Tarian, Cupu, Puan, Kaskul Languai, Kabuk Panastan, Pangkupan, Singgahsana, Langit-Langit, Pemanjangan, Rawai Lidah, Kindua, Puadai dan Usongan.

Secara tradisinya antara alat-alat perhiasan yang dipakai oleh Pengantin Diraja Lelaki pada majlis istiadat tertentu terdiri daripada Kupiah Berpinnin, Dastar, Serbang, Kuas, Kancing, Mudapun, Puntu, Gimat, Sigup Berbujung, Gelang Pengaluan, Panding, Keris, Kain Jong Sarat dan Gelang Geroncong.

Alat-alat perhiasan tradisi yang dipakai oleh Pengantin Diraja Perempuan pada majlis istiadat tertentu pula terdiri daripada Tajok, Ayam-Ayam, Sisir, Bunga Goyang, Serbang, Subang, Karang Tembusa, Gagatar, Kancing, Mudapun Sindat, Panding, Gelang Pengaluan, Kain Jong Sarat dan Gelang Geroncong.

SENI

Paparan di atas baru merupakan sebahagian dari berbagai macam adat dan tradisi serta peralatan dan perhiasan warisan bangsa kita. Sebenarnya dalam kehidupan sehari-hari pun kita mempunyai tatacara dan tradisi positif yang masih relevan dalam kehidupan kita.

Umpamanya bahasa yang digunakan (panggilan) apabila menyapa individu dari pelbagai peringkat dan umur. Bahasa dalam, bahasa halus, bahasa berlapik atau kiasan atau 'perambahan orang Brunei' dan seumpamanya.

Kita juga mempunyai bermacam-macam jenis kraf tangan tradisi yang dihasilkan dari emas, perak, tembaga, besi, kayu, kain, anyaman yang diberikan berbagai nama. Hasil kraf tangan yang cantik, halus, unik, berkualiti dan mempunyai nilai reka seni yang tinggi itu cukup dikagumi oleh masyarakat luar.

Selain dari itu kita juga mempunyai keunikan



Oleh : Sahari Akim
sahari.akim@information.gov.bn

amalan-amalan keagamaan dan budaya serta kesenian umpamanya Dikir Brunei, lagu-lagu tradisi, syair, pantun, diang dangan, di samping itu kita juga mempunyai beraneka jenis tarian, muzik, permainan tradisi dan sebagainya.

PERTAHANKAN

Khazanah warisan budaya bangsa yang positif dan tidak bertentangan dengan ajaran Islam perlu kita pertahankan. Ia perlu didedahkan kepada masyarakat terutama generasi muda kita supaya mereka mengetahui dan mengamalkan nilai-nilai murni yang terdapat di dalamnya.

Dalam hal ini semua pihak, bukan sahaja agensi-agensi yang terlibat malah pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan serta semua kaum dan masyarakat di negara ini perlu mempertahankan nilai-nilai positif warisan budaya bangsa.

Jika ini dapat kita lakukan melalui berbagai cara seperti 'diamalkan dan diguna pakai', didokumentasikan, ditontonkan melalui pertunjukan, pameran dokumentari dan seumpamanya maka ia akan tetap subur untuk diwariskan kepada anak cucu kita di masa akan datang.

Sebenarnya adat dan budaya yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam itu bukan penghalang kepada kita untuk mengapi kemajuan dan kecemerlangan. Banyak bangsa yang maju, contohnya Jepun dan Republik Korea masih mengamalkan budaya dan tradisi mereka.

Sebaliknya adat resam dan budaya yang berunsurkan akhlak mulia, sopan santun, berawar galat, kasih-mengasihi dan nilai-nilai murni itu akan dapat menjadi pemangkin kepada keamanan, kesejahteraan, keharmonian dan kececernglangan kehidupan berbangsa dan bernegara.

Kita akhiri FOKUS kali ini dengan kunci kata: 'Pelihara Khazanah Warisan Bangsa'.

Berikan kerjasama dan komitmen yang tinggi

Oleh : Norliah Md. Zain

TUTONG, Sabtu, 2 Jun.- Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-61 disaran supaya akan sentiasa menanamkan semangat kerjasama yang erat dengan komitmen yang tinggi dalam suasana harmoni dalam melaksanakan apa jua bentuk acara yang telah disusun dan dirancang.

Dalam hal ini, apa yang penting ialah penyelarasan dan pemantauan yang berterusan serta komitmen sepenuhnya daripada mereka yang berkenaan yang perlu diambil perhatian bersama.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan membuat arahan itu di Majlis Perjumpaan bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam Ke-61 bagi Daerah Tutong di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong, di sini.

Yang Berhormat menambahkan, mana-mana masalah dan kewahaman yang berbangkit hendaklah diselesaikan melalui perundingan dan permuafakatan disusuli dengan tindakan.

"Dengan mengamalkan kaedah-kaedah sedemikian, insya-Allah majlis yang diadakan itu nanti akan menjadi lebih teratur, sempurna, meriah, di samping akan dapat menjalinkan hubungan silaturrahim, persefahaman serta mengeratkan lagi perpaduan dan kerjasama yang sudah lama wujud," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menegaskan melalui mesyuarat 'post-mortem' yang telah dilaksanakan, segala permasalahan yang timbul hendaklah dijadikan sandaran bagi sama-sama memperbaiki dan mempertingkatkan mutu acara yang diunkayahkan

nanti.

Perjumpaan itu jelas Yang Berhormat, juga bertujuan untuk meninjau secara lebih dekat lagi persediaan dan perkembangan mutakhir yang diunkayahkan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja Perayaan bagi acara-acara perayaan yang telah dirancang dan diatitkan.

Menurut Yang Berhormat, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Daerah Tutong bagi Majlis Ramah, Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk, insya-Allah dijangka akan diadakan pada 19 Julai 2007 bertempat di kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong.

Yang Berhormat berharap perjumpaan itu akan dapat menjana pemikiran positif untuk sama-sama membina lagi acara-acara dan aktiviti-aktiviti yang dirancang semata-

mata bagi memeriah dan menyemarakkan lagi sambutan tersebut.

Sambutan itu nanti akan melibatkan kira-kira 600 ke 700 orang penuntut dan lebih kurang 15,000 orang peserta keseluruhannya.

Juga hadir di perjumpaan itu Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Haji Awang Idris bin Haji Belaman, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Jamain bin Haji Momin selaku Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-61 bagi Daerah Tutong, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan penghulu-penghulu mukim serta ketua-ketua kampung daerah ini.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan ketika hadir di Majlis Perjumpaan Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-61 bagi Daerah Tutong di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong. - Foto: Hernie Suliana Haji Othman.

Dihadapkan ke Mahkamah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Jun.- Seorang warganegara Indonesia, Sunardi Tukinem telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan atas pertuduhan di bawah Seksyen 6(a) Akta Pencegahan Rasuah.

Dalam pertuduhan tersebut, tertuduh didakwa bahawa pada 9 Jun 2007, di Pos Kawalan Imigresen Kuala Lurah, Negara Brunei Darussalam telah memberi wang suapan sebanyak BND\$100.00 (Satu Ratus Ringgit) kepada seorang Pegawai Imigresen sebagai dorongan untuk tidak mengambil apa-apa tindakan ke atas kesalahan yang bercanggah di bawah Akta Imigresen.

Semasa dihadapkan di mahkamah, tertuduh mengaku bersalah terhadap pertuduhan tersebut. Tertuduh ditahan reman dipenjar sementara menunggu sehingga 18 Jun 2007 untuk Mahkamah Majistret menjatuhkan hukuman.



1. ISTIADAT Bersanding merupakan kemuncak bagi Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari di antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.



3. KEBERANGKATAN Yang Teramat Mulia di Balai Singgahsana Indera Buana diapit oleh YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain.

4. PENGANTIN Diraja Lelaki, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil dijunjung masuk ke Balai Singgahsana Indera Buana bagi Istiadat Bersanding bagi Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari.

5. YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah yang manis dan jelita.

6. PELBAGAI Alat-Alat Kebesaran Diraja yang dibawa oleh Awang-Awang dan Dayang-Dayang menyerikan suasana Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari.

7. KASUR Namat diletakkan di tengah-tengah Dian Empat oleh Awang-Awang.



MAJLIS PENGANTIN MULIA BAGI PERKAHWINAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 Jun. - Istiadat persandingan merupakan kemuncak bagi Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari bagi Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari yang berlangsung di Istana Nurul Iman di ibu negara.

Majlis yang penuh adat istiadat itu disempurnakan di hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato' Haji Nasir.

Majlis bermula dengan Yang Dimulikan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bahawa Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.

Setelah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah menyembahkan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura, maka Duli Yang Teramat Mulia menyabdakan supaya istiadat tersebut dimulakan.

Seterusnya isteri-isteri pembesar negara yang dititahkan beredat ke Panggungan Pengantin Diraja Perempuan bagi menjunjung Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah berangkat ke Balai Singgahsana Indera Buana.

Kebangkitan Yang Teramat Mulia yang diapit oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain telah didahului dengan sebatang Dian Tunggal dibawa oleh Dayang-Dayang serta diikuti oleh perhiasan Pengiran Anak Puteri yang terdiri daripada tiga

Dayang-Dayang membawa... Kain... orang... raja, isteri... yang dititah... oleh Yang... teri Bini dan... hin Jawatan... ran Perempuan... seorang... bawa Kask... hawai Perem... memegang... satu Kabok... Kiap, satu... dan satu... yang dibawa... Dayang.

Berangkat... ialah Yang... Seri Peng... Rashidah Sa... Teramat Mu... ran Anak P... Sururul Bu... Mulia Padu... Puteri Haj... Al-Islam; Y... Paduka Ser... Hajah Am... Teramat Mu... ran Anak P... sani serta... yang lain.

Rombongan... Yang Amat... Khairul K... Yang Amat... gamara Dir... Pengiran H... hulul oleh... Rokiah, se... dibawa ole... orang kan... laki masing... Kiap dan P... ngan dua P... Diraja, se... puan berb... Dayang-Day... kol Langga... Pahawai Le... satu Puan,...

S ISTIADAT NTIN DIRAJA H TIGA HARI ISTIADAT WINAN DIRAJA

nt: Bolhassan Haji Abu Bakar
an.abubakar@information.gov.bn
Haji Mohd. Yusof Mohd. Yassin,
Haji Awang Damit, Masri Osman
n Pg. Ibni Pg. Haji Hidup

ing-masing
Kaskol dan
serta dua
ngantin Di-
besar negara
gan diiringi
Pehin Man-
maliakan Pe-
orang Pengi-
aju Gadong,
yang mem-
ai, tujuh Pa-
sing-masing
satu Tarian,
nastan, Satu
u Pasigupan
ta 16 Dian
16 Dayang-

dan Panastan, satu Kiap, satu
Chupu, satu Pasigupan dan satu
Kaskol serta Dian 16 yang dibawa
oleh 16 Awang-Awang dan Gang-
sa Bawa-Bawaan yang dibawa
oleh Awang-Awang.

Yang Amat Mulia Pengiran
Anak Khairul Khalil seterusnya
duduk di tempat yang dikhaskan
sebaik sahaja Pembawa Dian
Tunggal, Pengiran Perempuan
berbaju Gadong dan Dayang-
Dayang yang membawa Kaskol
Langguai, Pahawai tujuh, Dian 16
dan Gangsa Bawa-Bawaan duduk.

Doa selamat dibacakan oleh
Mufti Kerajaan, Yang Berhormat
Pehin Datu Seri Maharaja Dato
Paduka Seri Setia Ustaz Haji
Awang Abdul Aziz bin Juned.

Setelah itu Yang Dimuliakan
Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya
Digadong Seri Lela kemudiannya
menyembahkan kepada Yang
Amat Mulia Pengiran Lela Chete-
ria Sahibun Najabah bahawa Majlis
Istiadat Pengantin Diraja Mu-
leh Tiga Hari telah sempurna
dilaksanakan.

Yang Amat Mulia Pengiran
Lela Cheteria Sahibun Najabah
seterusnya menyembahkan ke
hadapan majlis Duli Yang Teramat
Mulia Paduka Seri Pengiran Ben-
dahara Seri Maharaja Permaisura
telah sempurna dilaksanakan dan
setelah itu Duli Yang Teramat
Mulia menyabdakan agar majlis
ditutup.

Majlis istiadat itu dihadiri oleh
Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran
Cheteria, Menteri-menteri
Kabinet, Ahli-ahli Majlis Me-
syuarat, Timbalan-timbalan Men-
teri, Pengiran-pengiran Peranakan,
Pehin-pehin Manteri, Manteri-
manteri Hulubalang dan Manteri-
manteri Pendalaman, Duta-duta
Besar, Pesuruhjaya-pesuruhjaya
Tinggi, Ahli-ahli Majlis Me-
syuarat Negara, Setiausaha-setia-
usaha Tetap dan ketua-ketua
jabatan.



8. MAJLIS Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari berlangsung di hadapan majlis DYTM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkliah dan YAM Pengiran Bini Hajah Faizah.

9. MEMPELAI Diraja bersanding di Pataratna Balai Singgahsana Indera Buana.



10. YTM dan YAM berangkat dari Balai Singgahsana Indera Buana sejeurus selesai Istiadat Bersanding Pengantin Diraja sempena Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari.

11. PENGANTIN Diraja yang sama cantik dan tampan.



12. BERANGKAT sama di majlis itu ialah YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkliah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bulqliah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain.

13. YANG Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria berangkat ke Balai Singgahsana Indera Buana bagi Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari.

14. DIAN 16 dibawa oleh 16 Awang-Awang di Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari.



PENDIDIKAN

Penyemakan ke arah pendidikan lebih berkualiti

JERUDONG, Isnin, 28 Mei. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman berkata Kementerian Pendidikan ketika ini sedang melaksanakan semua sektor pendidikan untuk merealisasikan wawasan pendidikan berkualiti untuk semua.

Yang Berhormat berucap demikian ketika melancarkan Suruhanjaya Kebangsaan Brunei Darussalam Bagi Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) di sebuah hotel di sini.

Menurut Yang Berhormat UNESCO menggalakkan negara-negara untuk membangunkan masyarakat berpengetahuan melalui pendidikan berkualiti dan membaharui sistem pendidikan.

Menyentuh suruhanjaya kebangsaan yang baru ditubuhkan bagi UNESCO, Yang Berhormat menjelas-

Oleh : Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

kan, terdapat keperluan segera bagi pegawai-pegawai yang menangani Suruhanjaya Kebangsaan dan empat sektoral hal ehwal jawatankuasa untuk membiasakan diri mereka bukan hanya berkenaan operasi Suruhanjaya Kebangsaan malah perlu berpengetahuan mengenai UNESCO secara umum.

Oleh itu Yang Berhormat mencadangkan supaya pejabat UNESCO serantau mengadakan bengkel yang bersesuaian kepada pegawai-pegawai yang terlibat.

Yang Berhormat menambah, adalah diharapkan supaya empat jawatankuasa Suruhanjaya Kebangsaan Brunei Darussalam bagi UNESCO dengan segera mewujudkan kontak secara formal selain dari meneroka kemungkinan-kemungkinan bagi menganjurkan kegiatan-kegiatan bersama sama ada

dengan UNESCO di Jakarta atau di Bangkok.

Suruhanjaya Kebangsaan itu mempunyai enam fungsi utama antaranya untuk menasihati Kerajaan Brunei Darussalam mengenai semua hal yang berkaitan dengan dasar-dasar dan rancangan-rancangan UNESCO.

Ia juga untuk menggalakkan dan mempromosikan penyertaan aktif organisasi kerajaan dan bukan kerajaan, pertubuhan, sektor swasta dan individu di negara ini dalam program-program dan kegiatan-kegiatan UNESCO.

Selain itu ia akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Kebangsaan lain untuk UNESCO dari ahli-ahli negara lain, terutamanya di rantau kecil Jakarta dan untuk menyertai kegiatan-kegiatan yang berkaitan untuk menambah pengetahuan dan merapat-

kan persefahaman dalam hal-hal yang bersangkutan, di samping melaksanakan rancangan-rancangan dan kegiatan-kegiatan kebangsaan dalam bidang-bidang di mana UNESCO berkeupayaan.

Pada masa yang sama ia juga berperanan menyebarkan maklumat mengenai objektif dan fungsi UNESCO kepada masyarakat Brunei Darussalam selain untuk menyokong dan membantu kegiatan-kegiatan UNESCO di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Jawatankuasa ini juga berfungsi membuat rekomendasi kepada Menteri Pendidikan mengenai delegasi Brunei Darussalam bagi Persidangan Am dan Mesyuarat dan Persidangan UNESCO.

Kata Yang Berhormat, seperti yang diketahui, kompetensi UNESCO termasuk dalam bidang pendidikan, sains, budaya dan komunikasi serta maklumat.


Tambah Yang Berhormat, dalam pendidikan, UNESCO menekankan perlunya pendidikan asas untuk semua dan negara-negara memenuhi komitmen Tindakan Rangka Kerja Dakar dan Deklarasi Jomtien Dalam Pendidikan untuk semua.

Menteri Pendidikan menerangkan, UNESCO menyelaras dan menyediakan langkah susulan bagi Tindakan Rangka Kerja Dakar dan berusaha bagi mengukuhkan pendekatan-pendekatan yang inklusif dan sistem diversiti serta pengantaraan.

"Kita sudah memulakan sebahagian inisiatif-inisiatif ini contohnya pendidikan inklusif dan penggunaan ICT dalam pendidikan," jelas Yang Berhormat.

Laporan tahun 2004 bagi Rancangan Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) menempatkan negara ini di tangga ke-33 dari 177 negara dalam Pembangunan Indeks

Foto : Mohd. Zulfitri Haji Duraman.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman melancarkan Suruhanjaya Kebangsaan Brunei Darussalam Bagi Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Manusia UNDP.

Bagaimanapun ujar Yang Berhormat, kita tidak seharusnya berasa lega dan berpuas hati tetapi meneruskan kerja keras dalam usaha memperbaiki kedudukan itu, di samping memenuhi target MDGs dalam bidang pendidikan,

pembangunan sosial, kesihatan, sosial dan pembangunan ekonomi, pengurangan kemiskinan dan alam sekitar.

Negara ini menjadi ahli ke-191 UNESCO pada Mac 2005 semasa Persidangan Am UNESCO Ke-33 di Paris, Perancis.

Kemahiran diperolehi melalui latihan berterusan



Foto : Pg. Ibtisam Pg. Haji Hidayat.

MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menyampaikan piala kepada pemenang Pertandingan Peringkat Akhir Pidato Kenegaraan.

BERAKAS, Isnin, 28 Mei. - Kebolehan untuk menarik perhatian penonton bukan satu anugerah tetapi merupakan satu kemahiran yang diperolehi melalui latihan secara berterusan serta pemikiran yang tangkas.

Berpidato, sama ada dalam bentuk pembentangan dan memberi ceramah atau ucapan boleh memberikan pengalaman yang menakutkan kepada sebilangan orang.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman di Pertandingan Peringkat Akhir Pidato Kenegaraan '1st Information Department and BELTA Oratory Competition 2007' berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah, di sini.

Sebab itulah tambah

Yang Berhormat, kita perlu menuntut rasa takut itu demi mendapatkan faedahnya.

Di peringkat persediaan ujar Yang Berhormat, berpidato boleh membantu pemidato menjadi seorang pemikir yang terurus.

"Proses merancang, menulis dan membentangkan sebuah penyelidikan, ucapan yang terancang mempunyai kesan limpahan dalam bidang yang lain bagi kehidupan mereka, sama ada dalam bidang akademik, sosial atau bidang profesional," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, seseorang yang berpidato itu akan mengalami proses transformasi, di mana bagi mereka yang mempunyai pengalaman dalam memberikan ucapan di depan penonton akan dapat mengimbas kembali pengalaman pertama dalam

berpidato dan apa saja pengalaman yang diperolehi akan membolehkan kita melakukannya selepas itu.

Pertandingan itu merupakan usaha sama Jabatan Penerangan dan Persatuan Guru-Guru Bahasa Inggeris Brunei Darussalam (BELTA).

Majlis pada dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah dan doa selamat disusuli dengan ucapan Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni selaku Pengerusi Bersama Ahli Jawatankuasa Kerja pertandingan.

Awang Haji Mahrub antara lain menjelaskan bahawa pertandingan tersebut adalah sebagai wadah bagi para pelajar yang ingin mengasah bakat berpidato mereka khususnya di dalam bahasa Inggeris.

Oleh : Norlia Md. Zain

Selain itu tambah beliau, ia adalah sebagai satu usaha menanam dan menanamkan semangat cintakan raja, negara, agama dan bangsa di kalangan pelajar melalui pengucapan awam.

Beliau menjelaskan, pertandingan tersebut dibahagikan kepada dua peringkat di mana pusingan pertama berlangsung pada 11 Mei 2007 di Sekolah Menengah Rimba disertai oleh 31 penuntut dari 31 buah sekolah menengah dan maktab yang mengambil bahagian.

Dalam pusingan pertama itu menurut beliau, para pelajar menunjukkan tahap keyakinan yang tinggi dalam menyampaikan hujah melalui tajuk pidato yang mereka pilih sendiri.

Menurut Pemangku Pengarah Penerangan, dari 31 peserta tersebut, 13 pelajar telah dipilih untuk menyertai pertandingan di peringkat akhir di mana mereka diberikan masa enam minit untuk berpidato mengenai tajuk yang telah diberikan.

Juara pertandingan disandang oleh Awang Yusof Fadli bin Haji Sidek dari Sekolah Menengah PDS dengan tajuk pidato 'How Far Has The Use Of English Language In Your Country Enriches Your Life?'

Beliau menerima Piala Pusingan 'Piala Pehin Abdul Rahman Taib' yang disumbangkan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, sebuah piala iringan, pingat emas, wang tunai B\$200.00 berserta sijil dan buku untuk perpustakaan sekolah.

Awangku Mohammad Fadhil bin Pengiran Haji Ali dari Sekolah Menengah Chung Hwa yang terpilih sebagai naib juara dengan tajuk pidato 'Brunei Darussalam - A Nation I Am Proud Of' menerima hadiah berupa piala iringan, pingat

gangsa, wang tunai B\$150.00 berserta sijil dan buku untuk perpustakaan sekolah.

Tempat ketiga, Fidelia Tee Ching Huey dari Sekolah St. George dengan tajuk pidatonya 'The Secret To A Happy Life Is Moderation In All Things' menerima piala iringan, pingat gangsa, wang tunai B\$100.00 berserta sijil dan buku.

Sementara itu Ian Chan Zhao Xiang dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan menyandang tempat

keempat dengan tajuk pidato 'Reading Is Succeeding' menerima piala iringan, pingat gangsa, wang tunai B\$50.00 berserta sijil dan buku bagi sekolah tersebut.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad; Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Sheikh Haji Adnan; Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan dan Jabatan Penerangan, guru-guru serta para pelajar.

'Tabung Syiling Untukmu' dilancarkan

Oleh : Zahrani Haji Bojong

GADONG, Sabtu, 2 Jun. - Jawatankuasa Tabung Bantuan Tajaan Kanak-Kanak Sekolah (JTBTBKS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melancarkan 'Tabung Syiling Untukmu' berlangsung di salah sebuah restoran di sini.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Pengarah Pembangunan Masyarakat, Datin Hajah Adina binti Othman.

'Tabung Syiling Untukmu' merupakan salah satu projek bagi mengumpul seberapa banyak kutipan derma untuk membantu serta membiayai persekolahan kanak-kanak yatim, kanak-kanak berkeperluan khas, kanak-kanak dari keluarga yang susah dan anak-anak yang tidak berstatus (stateless) yang ditempatkan di rumah perlindungan (rumah-rumah kebajikan).

Ia juga dihasratkan untuk memberikan kesempatan kepada orang ramai yang berkunjung ke bangunan-bangunan, di mana tabung itu diletakkan menderma seangkatan-hati dengan memasukkan duit syiling atau wang kertas ke dalam tabung tersebut.

Tabung-tabung tersebut akan diletakkan di pasar-pasar raya, jabatan-jabatan kerajaan, ruang berlepas dan ketibaan lapangan terbang antarabangsa, bangunan-bangunan bank, stesen-stesen minyak dan di beberapa tempat yang sering menjadi tumpuan dan kunjungan orang ramai.

Tabung tersebut dibukakan bagi penerimaan derma orang ramai selama enam bulan, bermula 1 Jun 2007 hingga 31 Disember 2007.

JAPEM menyeru orang ramai agar dapat sama-sama menghulurkan derma melalui tabung itu.

Untuk maklumat lanjut orang ramai boleh menghubungi Pegawai Pembangunan Masyarakat, Awang Haji Mohd. Zahari bin Haji Adis di talian 2380667/668 sambungan 130.

SEMPENA ISTIADAT PERKAHWINAN DIRAJA

Istiadat Perkahwinan Diraja jadi ristaan rakyat jelata kongsi kegemilangan



BAGAI 'PINANG DIBELAH DUA' ... Mempelai Pengantin Diraja, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari sentiasa memberikan senyuman dan membalas lambaian orang ramai.

TARIKH 10 Jun 2007 menjadi satu lagi ristaan bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam apabila Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Jaafari melangsungkan Istiadat Bersanding Perkahwinan Diraja dengan penuh beradab istiadat dan meriah.

Majlis Istiadat Persandingan Perkahwinan Diraja dilangsungkan di Istana Nurul Iman dan seterusnya Bandar Seri Begawan pula menjadi tumpuan dengan mempelai Pengantin Diraja

diarak dengan menaiki kenderaan khas mengelilingi ibu negara.

Kesibukan ibu negara yang sebelum ini sentiasa padat dengan laluan kenderaan bertukar wajah kepada kesesakan ribuan rakyat jelata dan penduduk dari semua peringkat usia yang datang berpusu-pusu sejak awal pagi dengan berbaris di tepi jalan raya sepanjang laluan utama perarakan dan tidak sabar menantikan untuk menatapinya secara dekat mempelai Diraja yang bagai 'pinang dibelah dua'.

"Alhamdulillah, sekali-pun usia sudah mencecah 120 tahun, saya masih sihat dan berkesempatan hadir bersama-sama ribuan rakyat menyaksikan secara dekat Majlis Perarakan Pengantin Diraja yang penuh

Liputan dan Foto :
Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

meriah dan bersejarah ini," Dayang Hajah Afsah binti Ibrahim berasal dari Kampung Lambak.

Beliau yang terkenal Istiadat Perkahwinan Diraja pada zaman mudanya dulu menjelaskan arus kemodenan yang dicapai oleh negara ketika ini telah membawa banyak perbezaan cara suasana sambutan dan kemeriahan tetapi keunikan istiadatnya tetap unggul.

Dayang Hajah Afsah yang ditemani oleh anak dan beberapa orang cucunya datang lebih awal bagi mengelakkan kesesakan merasakan bertuah kerana dapat menyaksikan mempelai Diraja diarak dengan penuh istiadat.

"Pengantin Diraja ini memang sepadan dan sentiasa membalas lambaian kepada orang ramai dengan penuh mesra dan memberikan senyuman yang menawan," jelasnya sambil mendoakan agar pasangan Pengantin Diraja itu dikekalkan jodoh.

Dayang Hajah Siti Zaina Ganggar berusia 73 tahun dari Kampung Beribi juga merasa kagum dengan keunikan perarakan Pengantin Diraja yang lengkap diiringi dengan Alat-Alat Kebesaran Diraja sebagai satu warisan budaya turun-temurun yang tersohor.

"Budaya sebegini merupakan salah satu khazanah bangsa kitani. Ia sangat berharga malah merupakan satu warisan yang perlu dikekalkan untuk ikutan generasi akan datang," jelasnya yang tidak sabar menanti saat mempelai Pengantin Diraja diarak melintasi ibu negara.

Beliau mengakui istiadat itu juga merupakan peluang semua rakyat jelata, penduduk dan pelancong untuk menyaksikan

secara dekat mengenai budaya itu malah berkongsi keceriaan sempena Istiadat Perkahwinan Diraja.

"Kehadiran rakyat dan penduduk yang sama-sama memeriahkan lagi Istiadat Perkahwinan Diraja ini juga didorong dengan rasa taat setia ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan keluarga baginda," ujarnya.

Pengiran Md. Iskandar bin Pengiran Mohd. Said selaku penyelaras pasukan hadrah terdiri 800 orang penuntut sekolah juga melahirkan gembira dengan penyertaan mereka dalam memeriahkan lagi istiadat gilang-gemilang itu.

Katanya, inilah masa untuk semua rakyat jelata bergembira dan menceria-kan suasana Istiadat Perkahwinan Diraja dalam pelbagai bentuk malah generasi muda juga perlu menjadikan istiadat ini sebagai satu lagi sejarah negara untuk ristaan mereka di hari kemudian.

Beliau menyarankan istiadat bersejarah ini perlu didokumentasikan dan dijaga agar dapat menjadi bahan rujukan dan ristaan sepanjang zaman.

Sementara itu, Dayang Siti Nur Ezzah dan Dayang Siti Nur Hafizah yang mewakili Sekolah St. George merupakan di antara kira-kira 12 ribu orang penuntut dari 24 buah institusi pengajian tinggi dan maktab dan sekolah menengah yang sama-sama mengalu-alukan perarakan Pengantin Diraja dengan mengibarkan bendera kecil perkahwinan Diraja.

Lihat muka 17



2. RISTAAN SEJARAH ... Mempelai Pengantin Diraja menaiki kenderaan khas diarak mengelilingi ibu negara dalam suasana yang begitu meriah dan bersejarah.



3. "MASA untuk rakyat berkongsi kegemilangan," Pengiran Md. Iskandar bin Pengiran Mohd. Said.



4. KAGUM dengan keunikan Istiadat Perkahwinan Diraja yang masih unggul, Dayang Siti Zaina Ganggar, 73 tahun.




5. DAYANG Hajah Afsah binti Ibrahim (120 tahun) mendoakan agar pasangan Pengantin Diraja dikekalkan jodoh.



6. AWANG Mohd. Aqlel Waie Hashan baru berusia dua bulan di antara kanak-kanak kecil yang dibawa menyaksikan Istiadat Perarakan Perkahwinan Diraja.

SEMPENA ISTIADAT PERKAHWINAN DIRAJA



Dari muka 16

"Inilah kali pertama saya menyaksikan Istiadat Perkahwinan Diraja diarak mengelilingi ibu negara. Mempelai Pengantin Diraja nampak anggun dan sepadan. Kami bertuah kerana dapat menyaksikan secara dekat. Ia merupakan satu pengalaman paling manis," jelas Siti Nur Ezzah.

Pasukan hadrah dari Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja juga berbangga dengan penyertaan mereka dalam menyemarakkan lagi suasana dengan mengalu-alukan perarakan dengan pukulan hadrah dengan penuh bersemangat.

"Kami bangga terlibat dalam memeriahkan lagi suasana. Ia menyeronokkan, sangat meriah dan suasana sebegini belum dapat dirasakan sebelum ini," jelas Ahmad Tamizie bagi mewakili pasukannya dengan penuh kegembiraan.

Ketika rakyat jelata dan penduduk sama-sama berkongsi kegembiraan, pelancong asing yang berada di negara ini juga tidak melepaskan peluang untuk hadir menyaksikan dan berkongsi keceriaan detik bersejarah itu.

Antony Shebolte dari New Zealand yang datang ke negara ini bagi menghadiri mesyuarat dengan sebuah syarikat swasta di negara ini menyatakan rasa bertuah kerana secara kebetulan dapat menyaksikan Istiadat Perkahwinan Diraja berlangsung di negara ini.

"Inilah pertama kali saya datang ke negara ini dan inilah juga pertama kali saya menyaksikan Perkahwinan Diraja yang sungguh menarik," jelasnya.

Beliau mengakui kebudayaan Perkahwinan Diraja sangat unik, penuh warna-warni dan saat kegembiraan orang-orang rakyat Brunei.

Katanya, pengalaman manis ini akan menjadi bahan untuk dikongsikan kepada keluarga dan rakan-rakan apabila beliau pulang ke negara asal nanti.

Sementara itu, pasangan suami isteri dari United Kingdom, Julie dan Steve Comas yang sedang melancong ke negara ini tidak sangka akan dapat merasakan keseronokan seperti apa yang mereka duga sebelum datang ke negara ini.

Pasangan yang gemar dalam bidang fotografi itu juga tidak melepaskan peluang untuk memetik gambar-gambar suasana kemegahan dan detik istimewa buat rakyat Brunei.

"Kami datang ke Brunei sebenarnya bercadang untuk memetik gambar-gambar keindahan alam semula jadi tetapi kali ini beralih pula merakam suasana yang indah terutama di ibu negara dan Majlis Perarakan Pengantin Diraja yang penuh gilang-gemilang," jelas Comas.

Warga negara Republik Filipina, Kate Susel Tinga yang bekerja di sebuah firma pula rasa gembira kerana dapat berkongsi

kegembiraan sambil menyifatkan Istiadat Perarakan Pengantin Diraja itu mencerminkan betapa tingginya harga warisan kebudayaan Perkahwinan Diraja Brunei dan sangat unik.

Perarakan Pengantin Diraja itu berarak sejauh kira-kira enam kilometer itu juga diserikan dengan persembahan-persembahan kebudayaan dan nyanyian yang menghiburkan dari penduduk-penduduk keempat-empat daerah di beberapa pentas yang dibina di tepi jalan laluan perarakan.

Perarakan Pengantin Diraja telah didahului oleh gabungan Pasukan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei yang diikuti oleh 40 Sinipit yang dibawa oleh Awang-Awang, dua orang Hulubalang, Hulubalang Diraja membawa Pemuras dan Karga dan Hulubalang Asgar membawa Kalasak dan Kampilan.

Istiadat yang akan menjadi ristaan sejarah bagi generasi akan datang tentunya akan menjadi kenangan yang sangat berharga kepada ribuan kanak-kanak apabila mereka menjangkau usia remaja nanti terutama Mohd. Akmal Firdaus yang baru berusia satu tahun dua bulan, Mohd. Aqlle Waie Hashan (dua bulan) dan Mohd. 'Ata' Syahmi Mohd. Nur Aisamuddin yang baru berusia tiga tahun telah menyaksikan bersama keluarga detik yang bersejarah itu.

7. JADI KEBANGGAAN RAKYAT ... Orang ramai berpeluang menyaksikan keunikan Alat-Alat Kebesaran Diraja sepanjang Istiadat Perarakan Mempelai Pengantin Diraja.

8. BANGGA sama-sama memeriahkan Istiadat Perarakan Mempelai Pengantin Diraja ... Pasukan hadrah dari Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja.

9. MOHD. 'Ata' Syahmi Mohd. Nur Aisamuddin (tiga tahun) di antara kanak-kanak yang ghairah untuk menyaksikan mempelai Pengantin Diraja secara dekat.

10. MOHD. Akmal Firdaus (satu tahun dua bulan) penuh minat melihat bendera kecil sempena Istiadat Perkahwinan Diraja.

11. SITI Nur Ezzah dan Siti Nur Hafizah merasa bertuah kerana dapat menyaksikan Istiadat yang penuh gemilang secara dekat.

12. WARGANEGARA Republik Filipina, Kate Susel Tinga dan anak, berkongsi kegembiraan menyaksikan Istiadat Perarakan Pengantin Diraja.

13. ANTONY Shebolte dari New Zealand berkongsi kegembiraan bersama rakyat Brunei dalam memeriahkan Perkahwinan Diraja.

14. PASANGAN suami isteri, Julie dan Steve Comas dari United Kingdom tidak melepaskan peluang untuk sama-sama merakamkan suasana kemegahan dan gemilang sempena Istiadat Perkahwinan Diraja.

AGAMA



Foto : Haji Masaleh Haji Mohd. Ali.

MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah hadir menjadi tetamu kehormat di Musabaqah Tilawatil Qur'an Secara Berlagu dan Murattal Bagi Pelajar-pelajar Kelas Dewasa Al-Qur'an di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Kumpulan Khairunnisa, SRPMM juarai Pertandingan Nadwah Belia



Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

TIMBALAN Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Ahmad menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang.

TUTONG, Jumaat, 25 Mei. - Pasukan Kumpulan Khairunnisa dari Sekolah Menengah Sufri Bolkih, Tutong dan Kumpulan Sekolah Rendah Pengiran Muda Mahkota (SRPMM), Tutong 1 masing-masing menjuarai Pertandingan Nadwah Belia Kali Ke-II.

Kumpulan Khairunnisa yang menjuarai kategori 'A' menewaskan sembilan pasukan yang lain dengan memperolehi markah 90 peratus, manakala SRPMM juara kumpulan 'B' juga menewaskan lima pasukan lain setelah memperolehi markah 80 peratus.

Menduduki tempat kedua kategori 'A' ialah Kumpulan An-Nuur dari Jabatan Pengajian Islam, Tutong dan ketiga Kumpulan An-Nasr dari Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong.

Tempat kedua kategori 'B' ialah Kumpulan Fatayatun Najah dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain Tutong, sementara tempat ketiga disandang oleh Kumpulan Wardah dari Sekolah

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Salcha, Tutong.

Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman menyampaikan hadiah-hadiah selaku tetamu kehormat yang berzangsung di Dewan Seri Kenangan Kompleks Dewan Kemasyarakatan di sini.

Pertandingan Nadwah Belia adalah anjuran Jabatan Belia dan Sukan (BELIA) Cawangan Daerah Tutong. Antara tujuan pertandingan tersebut untuk mendukung hasrat Dasar Belia Negara 'Belia Kita Masa Depan Kita', untuk memupuk rasa kepercayaan, patriotisme, beriltizam, berazam dan berhaluan yang jelas dan untuk memberi peluang serta pendedahan para belia termasuk tunas belia melalui penampilan dalam mendengarkan lagu-lagu dakwah.

Pembacaan Al-Qur'an dititikberatkan

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 27 Mei. - Kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, penghayatan ajaran Islam terutama sekali dalam pembacaan Al-Qur'an amatlah dititikberatkan di kalangan umat Islam di negara ini.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah menjelaskan, kita amatlah berbangga bila melihat semua umat Islam di negara ini berupaya dan berkebolehan untuk membaca Al-Qur'an.

"Apa yang perlu kita usahakan sekarang ialah pembacaan Al-Qur'an itu hendaklah dengan penghayatan dan pelaksanaan isi kandungannya dalam kehidupan seharian kita yang merangkumi soal-

soal akidah, ibadat, akhlak dan hukum-hukum amali," kata Yang Berhormat ketika merasmikan Musabaqah Tilawatil Qur'an Secara Berlagu dan Murattal Bagi Pelajar-pelajar Kelas Dewasa Al-Qur'an yang berlangsung di Masjid Omar Ali Saifuddin di sini.

Yang Berhormat menjelaskan kita perlu menyemai kesedaran kepada seluruh masyarakat yang Al-Qur'an itu mempunyai nilai pengajaran yang tinggi dan amat berharga yang sentiasa relevan dalam kehidupan seharian kita dan kehidupan bermasyarakat serta dalam pekerjaan seharian.

"Penghayatan ajaran-ajaran Al-Qur'an yang berkesan harus boleh menghasilkan umat Islam yang bukan sahaja beriman dan patuh kepada ajaran-ajaran agama, malah ianya harus

menjadi ahli masyarakat yang boleh membantu dan menghargai usaha-usaha kerajaan, sayangkan harta dan kemudahan awam, alam sekitar, gigih berdedikasi dan berusaha ke arah kecemerlangan insan bagi kesejahteraan negara," ujarnya.

Seramai 15 orang peserta berjaya memasuki peringkat akhir setelah menjalani peringkat saringan yang lebih awal dipertandingkan. Dari jumlah itu sepuluh peserta akhir lelaki dan wanita bahagian bacaan secara murattal dan lima lagi peserta bacaan secara berlagu lelaki memperdengarkan bacaan masing-masing.

Bahagian lelaki bacaan secara murattal dijuarai oleh Awang Haji Jumat bin Nasir dan bahagian wanita pula dimenangi oleh Dayang Hajah Halimah binti

Mohd. Yaakub yang mereka masing-masing menerima piala pusingan (bahagian murattal) yang disumbangkan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad.

Sementara bahagian bacaan secara berlagu lelaki dijuarai oleh Awang Haji Masri bin Haji Mohammad yang juga menerima piala pusingan sumbangan Penasihat dan Guru Pengasas Kelas Dewasa Aflahal Mukminuun. Mudim Awang Haji Matassim bin Haji Metussin.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Menteri Pembangunan selaku tetamu kehormat. Pertandingan Musabaqah Tilawatil Qur'an Secara Berlagu dan Murattal Bagi Pelajar-pelajar Kelas Dewasa Al-Qur'an, anjuran bersama Kelas Dewasa Al-Qur'an Aflahal Mukminuun dan Setia Motor Sendirian Berhad bagi kali ketiga peringkat akhir bagi tahun 2007.

152 guru tamat latihan diraikan

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 30 Mei. - Seramai 152 orang guru pelatih yang terdiri dari 73 guru pelatih lelaki dan 79 guru pelatih perempuan telah menamatkan latihan perguruan mereka selama tiga tahun di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (MPUSB).

Sementara itu 12 peserta Kursus Lanjutan Seni Al-Qur'an iaitu tiga lelaki dan sembilan orang perempuan berjaya menamatkan kursus mereka di bidang seni Al-Qur'an.

Sebagai menyatakan rasa syukur warga MPUSB atas selamat dan berjaya para guru pelatih dan peserta kursus menamatkan pengajian mereka di maktab tersebut Majlis Kesyukuran telah diadakan di maktab berkenaan.

Hadir di Majlis Kesyukuran Tamat Pengajian

Tiga Tahun Latihan Perguruan Ugama Sesi 2004 - 2007 dan Kursus Lanjutan Seni Membaca Al-Qur'an Sesi 2006 - 2007 itu, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Faatihah diikuti dengan bacaan Surah Ar-Ruum dari ayat 1 - 30 oleh guru pelatih lelaki yang diraikan.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Ar-Ruum dari ayat 31 hingga 60 oleh guru pelatih perempuan.

Peserta Kursus Lanjutan Seni Al-Qur'an juga mempersembahkan bacaan Al-Qur'an dari Surah Al-Balad.

Doa selamat selesai membaca Al-Qur'an dibacakan oleh salah seorang peserta yang dirai-



Foto : Halim Haji Sulaiman.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman menyampaikan cenderamata kepada guru-guru pelatih yang diraikan.

kan iaitu Awang Haji Mohd. Khairuddin bin Haji Meraji.

Majlis diserikan dengan Dikir Marhaban dan Ya Man Hadar.

Acara menabur bunga rampai diadului oleh Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin diikuti oleh para jemputan khas, penasihat MPUSB, ibu bapa,

penjaga dan keluarga guru-guru yang diraikan.

Selain menyatakan rasa syukur, majlis tersebut juga diadakan bagi meraikan ibu bapa dan penjaga para guru pelatih serta keluarga mereka atas kejayaan dan kemampuan anak serta keluarga mereka mengikuti dan menamatkan kursus di maktab berkenaan.

Majlis Pengislaman

Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn



Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

DAYANG Ajeerah Iwani binti Abd. Rahman Tinjub ketika melafazkan ikrar pengislamannya di hadapan Pegawai Pusat Da'wah Islamiah.

KASAT, Jumaat, 18 Mei. - Seorang wanita berbangsa Iban memeluk agama Islam yang berlangsung di rumah kediaman Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Marbugi di Kampung Buang Sakar di sini.

Majlis Pengislaman itu bagi seorang anggota Pasukan Polis Diraja Brunei, WPC 5141 Dayang Mastiniwati anak Tinjub 21 tahun.

Dayang Mastiniwati melafazkan ikrar pengislamannya di hadapan Pegawai Pusat Da'wah Islamiah dan disaksikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato

Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal dan Pesuruhjaya Polis, Yang Dimulihkan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani.

Dayang Mastiniwati telah memilih nama Islamnya sebagai Dayang Ajeerah Iwani binti Abd. Rahman Tinjub.

Seterusnya Dayang Ajeerah Iwani binti Abd. Rahman Tinjub diraikan dengan Dikir Syarafil Anam oleh Pasukan Dikir Polis Cawangan Daerah Belait.

Bagi memberkati majlis pada hari itu, doa selamat telah dibacakan.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman ketika menyampaikan hadiah dan sijil kepada seorang pelajar di Majlis Penyampaian Sijil 'Brilliance Award'.

Foto: Ak. Amrullah Pg. Haji Mohd. Ali.

45 pelajar terima sijil 'Brilliance Award'

Oleh : Zahrani Haji Bojeng

BERAKAS, Rabu, 6 Jun. - Seramai 45 orang penuntut diraikan dalam Majlis Penyampaian Sijil 'Brilliance Award' bagi penuntut-penuntut 'Top Ten In The World dan Top Ten In Brunei' dalam peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'O', 'AS' dan 'A' Level November 2006.

Dari jumlah tersebut, 31 orang penuntut menduduki Peperiksaan GCE 'O' manakala 14 orang penuntut lagi menduduki peperiksaan GCE 'AS' dan 'A' Level.

Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin

Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Quek Juinn Huei dari Sekolah Menengah Sayyidina Ali merupakan pelajar yang mencapai markah tertinggi dalam peperiksaan peringkat 'A' bagi mata pelajaran Biologi daripada 5,156 calon, Matematik daripada 16,294 calon dan mata pelajaran Kimia daripada 7,910 calon dari 66 buah negara termasuk Negara Brunei Darussalam.

Juga tersenarai sebagai pelajar yang memperolehi markah tertinggi di dunia dan di Negara Brunei Darussalam ialah Aidah binti Suleiman dan Charlene Bong Yin Siet dari Sekolah

Menengah Sayyidina Ali, manakala Amiza Haji Zainal Abidin dari Pusat Tingkatan Enam Berakas.

Sementara itu, Yeoh Jie Ming dari Sekolah Menengah Chung Hwa telah mencapai markah paling tertinggi di dunia dalam peperiksaan peringkat 'O' Level bagi mata pelajaran Pengajian Perdagangan dari 1,283 calon dan Matematik (Sukatan Pelajaran D).

Menurut pihak Universiti Cambridge International Examinations, Quek Juinn Huei dan Charlene Bong Yin Siet mencapai sepuluh tertinggi di dunia bagi Matematik, Fizik dan Kertas Am.

Majlis 'Brilliance Award' diselenggarakan oleh Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan buat kali pertama bagi meraikan murid-murid yang mencapai kecemerlangan dalam Peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'O', 'AS' dan 'A' Level November 2006.

Juga hadir di majlis tersebut Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman; Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Sheikh Haji Adnan bin Sheikh Mohammad dan Timbalan Setiausaha Tetap, Dayang Apah binti Haji Abdul Majid.

Peserta bengkel disaran tubuhkan pasukan dikir



Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

PEGAWAI Tugas-Tugas Khas, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Anak Datin Hajah Masnah binti Pengiran Anak Saffuddin ketika menyampaikan sijil Bengkel Dikir Brunei.

SERUSOP, Isnin, 4 Jun. - Pegawai Tugas-Tugas Khas, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Anak Datin Hajah Masnah binti Pengiran Anak Saffuddin menyarankan agar guru-guru agama yang menerima sijil Bengkel Dikir Brunei menubuhkan pasukan dikir masing-masing.

Pengiran Anak Datin Hajah Masnah membuat saranan itu di Majlis Penyampaian Sijil Bengkel Dikir Brunei Bagi Guru Agama Perempuan Kedua, berlangsung di Masjid Mohammad Bolkiah, di sini.

Menurutnya, membawakan lagu dikir yang mengandungi selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bukan mudah, ia memerlukan usaha sama atau 'teamwork' atau dengan erti kata lain tidak boleh dibawa secara perseorangan.

Ke arah itu jelasnya, membawakan lagu dikir memerlukan pasukan dan latihan berterusan sehingga membuahkan hasil yang memuaskan.

"Dengan cara demikian tentunya akan dapat memudah atau menyebarkan lagi pengetahuan ilmu dikir yang ada kepada anak didik sehingga dapat mencapai tujuan dan matlamat bengkel," ujarnya.

Jelasnya, dalam usaha mengekalkan dan mempertahankan khazanah warisan

Oleh :
Hezlinawati Haji Abd. Karim

bangsa Melayu Brunei yang sangat berharga itu, beberapa langkah telah diambil, antaranya menerbitkan buku-buku dikir dan cakera padat bagi mengumpulkan lagu-lagu Dikir Brunei lama yang diwarisi sejak zaman-berzaman.

Seramai 81 orang guru agama perempuan melibatkan 41 orang dari Daerah Brunei dan Muara, 20 dari Daerah Tutong dan 20 dari Daerah Belait yang menghadiri bengkel sejak 14 Mei lalu menerima sijil mereka di majlis tersebut.

Bengkel tersebut antara lain merupakan salah satu usaha bagi menggerakkan aktiviti Masjid Mohammad Bolkiah, Kampong Serusop sesuai dengan perannya sebagai Pusat Pengajian Dikir Brunei selain untuk menggalakkan orang ramai supaya terus memperbaiki dan meningkatkan mutu bacaan Dikir Brunei dari segi fasahah, lagu dan suara yang dapat melahirkan individu atau kumpulan dikir yang mampu mempersembahkan Dikir Brunei dengan baik dan sempurna.

Bengkel yang pertama kalinya diadakan tahun lepas ini dianjurkan oleh Masjid Mohammad Bolkiah, Kampong Serusop dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Integriti dan moral tunggak penting mencegah rasuah



Foto: Harnie Sullana Haji Othman.

PEGAWAI Penguat Kuasa Undang-undang yang menerima Surat Penghargaan bergambar ramai.

BERAKAS, Khamis, 7 Jun. - Nilai integriti dan moral yang tinggi perlu ada pada setiap pegawai dan kakitangan kerajaan sebagai satu tunggak penting untuk mencegah mereka dari melakukan perbuatan rasuah dan menggalakkan orang ramai untuk menghindari perbuatan rasuah.

Pengarah Biro Mencegah Rasuah (BMR), Pengiran Kashmir bin Pengiran Haji Tahir menekankan perkara tersebut di Majlis Penghargaan Di Atas Kerjasama Cemerlang Pegawai Penguat Kuasa Undang-undang, berlangsung di Bilik Persidangan BMR di sini.

Menurutnya, ini kerana usaha membanteras gejala rasuah adalah tanggungjawab bersama yang perlu dipertingkatkan bagi menjadikan negara ini aman makmur dan bebas daripada perbuatan rasuah.

Ketika berucap beliau juga menegaskan bahawa walau sekecil manapun perbuatan rasuah itu, ia hendaklah dilaporkan dan diambil tindakan bagi mengelakkan dari menular.

Oleh : Zahrani Haji Bojeng

Ke arah itu katanya, jalinan mesra dan kerjasama yang padu dari jabatan-jabatan kerajaan yang lain adalah sangat-sangat diperlukan oleh BMR dalam membanteras rasuah dan juga membantu siasatan sehingga yang tertuduh berjaya dijatuhi hukuman di mahkamah.

Penerima sijil dan surat penghargaan ialah Pegawai Imigresen, Awang Kamarul Zaman bin Haji Bakar; PC 3549, Razulan bin Haji Abdul Samad dan PC 4926, Awangku Haji Mohd. Amrol bin Pengiran Haji Raimi.

Sementara itu penerima surat penghargaan terdiri dari Awang Muhsin bin Haji Ahmad, Awang Haji Abidin bin Haji Serudin, Awang Haji Jemin bin Haji Maidin, Awang Yaakub bin Amit dan Awang Asrin bin Tahir kesemuanya dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan SM 862 Pengiran Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Ismail dan Penguasa Polis, Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam dari Pasukan Polis Diraja Brunei.

KEMASYARAKATAN



Projek Amal Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Sumbangan Berita dan Foto :
Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Jumaat, 25 Mei. - Sebuah rumah kediaman milik Awang Rati bin Abdullah telah dibaiki secara bergotong-royong dengan anggaran belanja lebih kurang \$8,000.00 bertempat di Kampung Long Mayan, Mukim Ukong, di sini.

Perbelanjaan membaiki rumah tersebut adalah melalui Tabung Amal Jabatan Daerah Tutong di mana antara yang turut memberi sumbangan peribadi ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah dan doa selamat kemudiannya disusuli dengan kerja-kerja gotong-royong yang dimulakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Jamain bin Momin yang juga selaku tetamu kehormat majlis.

Projek Amal ini juga selaras dengan pelan strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, agar jabatan-jabatan daerah melaksanakan projek-projek kemasyarakatan terutama sekali kepada keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan.

Projek Amal Jabatan Daerah Tutong itu merupakan projek ketiga dan dilaksanakan secara bergotong-royong yang melibatkan kakitangan Jabatan Daerah Tutong, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Tutong serta Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Long Mayan, Tutong.

Sebelum ini, projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Daerah Tutong adalah mendirikan sebuah kediaman rumah baru bagi Awang Mohd. Johari bin Mohd. Rosli di Kampung Luagan Dudok dan Dayang Malum bin Ilan masing-

masing pada bulan April 2007 dan 18 Mei 2007 yang lalu.

Projek Amal itu adalah usaha berterusan bagi membantu keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan bagi membaiki atau membina rumah yang sudah usang tanpa mengira agama dan bangsa keluarga tersebut.

Juga hadir ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Awang Haji Muhammad Taha bin Rauf, Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Haris bin Othman, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Tutong, Jabatan Bomba dan Penyelamat Tutong, penghulu dan ketua-ketua kampung di Mukim Ukong, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim Ukong, Kampung Bukit dan Kampung Long Mayan serta penduduk di Kampung Long Mayan.



MAJLIS Bergotong-Royong membaiki rumah kediaman milik Awang Rati bin Abdullah dimulakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Jamain bin Momin.

Mangsa kebakaran berek Seria terima sumbangan

SERIA, Rabu, 30 Mei. - Seramai 19 buah keluarga yang terlibat dalam kebakaran di berek kerajaan Blok 387 Lorong Tiga Selatan Seria menerima sumbangan daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Pejabat Hal Ehwal Ugama dan orang perseorangan.

JAPEM menyumbangkan sebanyak \$9,800.00, disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat

Berita dan Foto :

Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud, manakala YSHHB menyumbangkan \$18,200.00 disampaikan oleh Ahli Lembaga Pengarahnya, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh Haji Hidup.

Para mangsa berkenaan juga menerima sumbangan dari seorang hamba Allah yang disampaikan oleh Pe-

gawai Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman dan derma berupa keperluan asas dapur daripada Badan Kebajikan dan Akitviti Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Belait dan bahagian-bahagian di bawahnya disampaikan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Mohd. Salleh. Majlis bertempat di

Dewan Pejabat Daerah tersebut.

Kebanyakan penghuni blok tersebut terdiri daripada saudara-saudara baru. Menurut Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Belait mereka menerima panggilan pada pukul 3.19 petang, lapan buah kereta bomba termasuk Bomba Syarikat Minyak Brunei Shell bergegas ke tempat kejadian.

Bahagian tingkat atas berek dilaporkan musnah teruk dan kebanyakan para penghuni tidak sempat menyelamatkan harta benda mereka kecuali penghuni tingkat bawah berjaya menyelamatkan beberapa barang yang mudah dicapai seperti pakaian dan peralatan elektrik. Menurut pihak bomba, api berjaya dikawal dalam masa 30 minit. Para mangsa kini tinggal bersama sanak saudara mereka.

Kebakaran yang berlaku di berek berkenaan merupakan yang kedua dalam masa lebih dua bulan, pada 13 Mac lalu kebakaran juga berlaku di bangunan blok berdekatan menyebabkan 18 buah keluarga kehilangan tempat tinggal.



BERTUNGKUS LUMUS ... Anggota bomba dan penyelamat berusaha memadamkan kebakaran di berek terbabit.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman semasa meninjau di tempat kejadian.

Mangsa kebakaran terima sumbangan MUIB

Berita dan Foto :

Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

melahirkan rasa simpati terhadap mereka yang ditimpa musibah itu, dan dalam pada itu beliau juga mengingatkan bahawa apa pun yang berlaku segalanya telah ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

"Yang penting kita perlulah menerima apa jua yang ditakdirkan itu dengan penuh keredaan, kesabaran dan keinsafan kerana setiap yang berlaku itu merupakan ujian daripada Allah," katanya.

Insya-Allah dengan berkat kesabaran itu apa yang berlaku akan diganti dengan yang lebih baik lagi oleh Allah Subhanahu Wata'ala, di samping itu berkat kesabaran dan penuh keikhlasan mereka itu juga mudah-mudahan mereka akan mendapat darjat yang tinggi di sisi Allah, ujunya.

Dengan bantuan tersebut, tambahnya akan dapat sedikit sebanyak menampung perbelanjaan harian mereka termasuk perbelanjaan anak-anak mereka bersekolah dengan harapan masalah keciciran persekolahan tidak akan berlaku.



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Sapar menyampaikan sumbangan kepada mangsa-mangsa yang terlibat (atas dan bawah).





PENGARAH Belia dan Sukan, Awang Haji Metassim menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan.

SMCC paling menyerlah di Pertandingan B@ktif

Oleh : Maslina Awang Kurus

JALAN KEBANGSAAN, Sabtu, 26 Mei. - Kumpulan Sekolah Menengah Chung Ching (SMCC) muncul sebagai kumpulan paling menyerlah pada Pertandingan B@ktif dengan memenangi pingat perak dan hadiah sebanyak \$1,000.00.

Kumpulan Belia Pro-active, Kumpulan Ecowise dan Kumpulan 3B (Belia Bukit Beruang) masing-masing memenangi pingat gangsa dan tiada kumpulan yang memenangi pingat emas.

Pertandingan B@ktif anjuran Jabatan Belia dan Sukan (JBS) adalah sebuah pertandingan kertas kerja dan pelaksanaan projek yang bertujuan untuk menyediakan peluang kepada belia merancang serta melaksanakan projek secara bersistematis mengikut cita rasa belia, di mana me-

reka dapat belajar dan di dalam pengurusan projek.

Di samping itu, ianya bertujuan untuk menyemarakkan api perjuangan kreatif yang dapat dimanfaatkan oleh para belia.

Menurut Pegawai Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Maslina binti Haji Sulaiman pertandingan tersebut adalah juga bagi menyebarkan 'Sense of Ownership' dalam diri belia, di samping rasa bertanggungjawab dalam pengendalian projek.

Beliau menyatakan dengan kebolehan yang ada itu, dapatlah membantu jabatan mengenal pasti projek yang berpotensi tinggi untuk dipertandingkan di peringkat dalam mahupun luar negara.

"Pada dasarnya, ia merupakan satu bentuk ke-

pimpinan yang menjana penambahbaikan ketara sehingga sesebuah masyarakat ditransformasi menurut visi dan misi kepimpinan tersebut," ujarnya lagi.

Pertandingan B@ktif terbahagi kepada tiga fasa iaitu Fasa Pertama merupakan penilaian kertas kerja yang diterima daripada penyertaan kumpulan belia. Daripada penilaian tersebut, kertas kerja yang disenaraikan pendekkan layak untuk masuk ke peringkat seterusnya.

Manakala, Fasa Kedua pula ialah pembentangan kertas kerja di mana kertas kerja yang telah dipilih akan yang layak masuk ke fasa seterusnya.

Fasa Ketiga adalah melaksanakan projek dan tempoh diberikan tiga bulan bermula 1 Januari hingga 31 Mac 2007 dengan di-

berikan bantuan peruntukan kewangan sebanyak \$500.00.

Setiap kumpulan yang terpilih dalam fasa tiga disediakan seorang penyelia bagi setiap kumpulan yang terdiri dari tenaga profesional bagi tujuan membantu pasukan sebagai rujukan, di samping seorang mentor yang dilantik oleh pasukan itu sendiri.

Tugas seorang penyelia adalah untuk memantau perkembangan kumpulan tersebut, sebagai perantaraan jabatan dengan kumpulan dalam menjawab sebarang persoalan mengenai dengan pelaksanaan projek.

Majlis Penyampaian Sijil dan Hadiah Pertandingan B@ktif tersebut disempurnakan oleh Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Metassim bin Haji Jibah berlangsung di Dewan Digadong, bangunan kementerian tersebut.

Doa Kesyukuran MPK Lumut II

LUMUT, Sabtu, 26 Mei. - Pegawai Daerah Belait, Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman berharap Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lumut II akan dapat meneruskan semangat yang gigih dan jitu untuk memperjuangkan kemajuan kampung mereka.

Pegawai Daerah menyatakan MPK merupakan wadah untuk menabur bakti menyumbangkan tenaga dan buah fikiran ke arah kemajuan sesebuah kampung dan masyarakat sekeliling serta negara amnya. Berucap di Majlis Doa Kesyukuran MPK Lumut II bertempat di Dewan Sekolah Agama Sungai Tar-

Oleh : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

akan sentiasa melihat dan memantau keperluan yang dikehendaki penduduk kampung bagi menambahkan lagi MPK.

"Setiap keluhan penduduk kampung akan diambil perhatian, di samping itu pihak Jabatan Daerah sentiasa mengemukakan apa jua pandangan yang dikemukakan melalui majlis perundingan tentang apa jua kehendak yang perlu dirancang bersama untuk diadakan," ujar beliau.

Majlis bertujuan bagi meraikan jogaton amal Tabung Anak-anak Yatim Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah (DANA) dan Tabung MPK Lumut II. Hasil dari jogaton mereka telah berjaya mengutip sejumlah

\$5,000.00 dan lima peratus daripada kutipan akan disumbangkan kepada Tabung Anak-Anak Yatim DANA berkenaan, manakala separuh hasil kutipan akan dimasukkan ke dalam Tabung MPK.

Majlis dimulakan dengan penerangan mengenai kegiatan MPK Lumut II sejak ianya mula ditubuhkan pada tahun 90-an hingga kini telah berjaya melaksanakan lebih kurang 15 acara termasuk acara keagamaan, kebudayaan, sosial dan kemasyarakatan yang melibatkan penduduk kampung berkenaan yang disampaikan oleh Timbalan Pengerusi MPK, Awang Abdullah Osman. Di majlis tersebut Pegawai Daerah telah menyampaikan surat lantikan Ahli Jawatankuasa dan Biro MPK.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bersama Majlis Perundingan Kampung Lumut II di Majlis Doa Kesyukuran MPK Lumut II.

Baca doa untuk sembuh

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Rabu, 23 Mei. - Seramai lebih 190 orang jururawat Hospital Suri Seri Begawan yang mengikuti Kursus Menghalusi Doa dan Adab Ziarah Orang Sakit menerima sijil mereka.

Kursus selama lapan minggu bermula 2 April lalu berakhir dengan Majlis Penyampaian Sijil yang disempurnakan oleh Ketua Pegawai Agama Daerah Belait, Pengiran Haji Yunus bin Pengiran Haji Mohd. Salleh bertempat di Dewan Kuliah Blok Perempuan dan Kanak-kanak hospital berkenaan.

Kursus dikendalikan oleh tiga orang guru agama hospital tersebut bertujuan bagi mengemaskinikan bacaan doa para peserta untuk diajarkan kepada pesakit agar mereka mengamalkannya supaya mereka sembuh di samping memakan ubat yang disediakan. Menurut seorang peserta kursus, sedikit sebanyak memberi kefahaman kepada mereka tentang kepentingan, tujuan, fadilat dan hikmat doa.

Katanya, doa merupakan satu ibadat yang besar artinya dalam kehidupan setiap orang Islam dan



KETUA Pegawai Agama Daerah Belait, Pg. Haji Yunus Pengiran Haji Mohd. Salleh menyampaikan sijil kepada peserta kursus.

dengan mengikuti kursus tersebut beliau akan dapat mempertingkatkan lagi taraf layanan, penjagaan serta pemeduliannya kepada pesakit.

"Layanan, penjagaan dan pemeduliaan yang penuh rasa muhibah dan mengambil berat tentang pesakit akan memberi ketenangan dan keyakinan kepada pesakit, di samping dapat mengurangkan rasa sakit yang mereka alami," jelasnya.

Majlis diserikan dengan ceramah khas yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Ustaz Haji Sahroni antara lain menyatakan doa hendaklah dibaca dengan khusyuk, suara yang rendah dan perlahan.

Bacaan doa katanya hendaklah pendek, tepat dan faham akan maksud doa yang dibaca kerana bacaan yang kurang tepat sebutannya akan membawa pengertian dan maksud yang berlainan. Menurutnya lagi doa orang sakit makbul, oleh itu beliau menyarankan agar mengembirakan hati pesakit dengan menunjukkan adab yang baik kepada mereka.

Warga TelBru hadir taklimat TAP

BERAKAS, Selasa, 22 Mei. - Seramai 80 orang pegawai dan kakitangan Telekom Brunei Berhad (TelBru) menghadiri sesi taklimat Jerayawara 'Financial Planning' Tabung Amanah Pekerja (TAP) ke sektor swasta yang diadakan di Dewan Wijaya di sini.

Acara dimulakan dengan tayangan video korporat TAP diikuti taklimat oleh Pengurus Komunikasi Korporat, Awang Irwandy bin Haji Lois yang antara lain menerangkan mengenai kepentingan TAP untuk digunakan terutamanya dalam mengekalkan cara hidup yang samu atau selesa setelah bersara.

Seorang lagi penceramah

Oleh :
Zahrani Haji Bojeng

undangan sukarela, Penolong Pengurus The Royal Bank of Canada, Dayang Hajah Suhaila Kani seorang Profesional Certified Financial Planner juga memberikan penerangan yang terperinci mengenai konsep 'Financial Planning' serta beberapa tips dalam memulakan perancangan kewangan.

Jerayawara ini akan diteruskan kepada organisasi-organisasi sektor swasta dan sektor kerajaan serta penuntut-penuntut dari institusi pendidikan untuk memberikan kesedaran mengenai kepenti-

ngan perancangan kewangan.

Ia juga dihasratkan untuk mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda ke-60 pada 15 Julai 2006 yang menyasarkan mengenai 'Financial Planning' bagi keperluan akan datang.

Jerayawara 'Financial Planning' yang dilancarkan pada 31 Mac 2005 ditujukan kepada pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan secara berterusan dan dilancarkan kepada penuntut-penuntut institusi pendidikan bermula April tahun lepas.



PENGURUS Komunikasi Korporat, Awang Irwandy ketika menyampaikan taklimat Jerayawara 'Financial Planning' Tabung Amanah Pekerja.

SEMPENA ISTIADAT PERKAHWINAN DIRAJA

Perkahwinan Diraja memperlihatkan kegembiraan rakyat jelata

Berita dan Foto: Dk. Hajah Fatimah
Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

*Adat tradisi jangan dilupakan,
Memohon sembah 'menjunjung
anugeraha';
Adat istiadat kita makmurkan,
Agar negara aman sentosa.*



"BAGAIKAN pinang dibelah dua, Yang Teramat Mulia dan Yang Amat Mulia jika kita lihat profil dan keduanya berjaya dalam pengajian masing-masing, sama cantik dan sama padan," kata Pengiran Anak Hajah Kamariah binti Pengiran Salfuddin.



"DENGAN adanya Perkahwinan Diraja ini, Bandar Seri Begawan bermandikan cahaya," Dayangku Siti Aishah Norpemar binti Pengiran Haji Abu Bakar.



"TAHNIAH disembahkan kepada kedua-dua mempelai diraja dan semoga Allah memberkati keduanya," Dayang Hajah Shamsiah binti Haji Abdi Manaf.

NEGERA Brunei Darussalam mencatat satu lagi sejarah Perkahwinan Diraja di antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil yang berlangsung dengan penuh gilang-gemilang dari bermulanya Istiadat Bersuruh Diraja hinggalah ke kemuncaknya iaitu Majlis Istiadat Persandingan Diraja telah memperlihatkan kegembiraan seluruh rakyat dan penduduk negara ini.

Pemberita PELITA BRUNEI sempat menemu bual beberapa rakyat dan penduduk negara ini bagi mendapatkan pandangan dan perasaan yang mereka rasakan ketika berlangsungnya istiadat tersebut. Rata-rata mereka melahirkan perasaan yang amat gembira, melihat pasangan yang sama padan, cantik dan menawan serta sama-sama memanjatkan doa agar Pengantin Diraja itu akan kekal buat selama-lamanya hingga ke akhir hayat.

'KEDUA-DUANYA SAMA CANTIK DAN PADAN'

"Saya amat terharu apabila dengan pasangan diraja yang keduanya ternyata bagaikan pinang dibelah dua, Yang Teramat Mulia dan Yang Amat Mulia jika kita lihat profil dan keduanya berjaya dalam pengajian masing-masing, sama cantik dan sama padan. Ini adalah salah satu acara yang bersejarah bagi negara kita yang kaya dengan adat istiadat diraja Brunei yang masih bertahan hingga kini," kata Pengiran Anak Hajah Kamariah binti Pengiran Anak Salfuddin ketika ditemui bersama suaminya Pengiran Haji Hassan bin Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Haji Damit dan kedua anak mereka tidak ketinggalan menghidangkan diri setiap atur cara yang mana keluarganya turut diundang.

Menurut Pengiran Anak Hajah Kamariah, memang agak unik Perkahwinan Diraja Brunei kerana adat istiadat kita mengandungi bagaimana kita mengekalkan adat dan perkara-perkara yang dapat membina minda dan melengkapkan sesuatu acara itu baik dari segi perhiasan, gelaran, alat dan suunan mereka yang meng-

hadiri sesuatu majlis beradat atau beristiadat. Ringkasnya adat istiadat punyai peraturan, tata tertib, peralatan, cara dan tingkah laku tertentu dikenakan kepada yang menjalankan sesuatu majlis bertambah bisai dan indah.

"Kita juga mengucapkan tahniah kepada Jabatan Grand Chamberlain dan Adat Istiadat yang memang bertanggungjawab kepada adat istiadat diraja yang penuh gilang-gemilang ini."

'MALAM BAGAIKAN GEMERLAPAN'

Alhamdulillah, jodoh dan pertemuan di tangan Tuhan, begitulah juga Yang Teramat Mulia dan Yang Amat Mulia merupakan pasangan yang romantis. Dengan adanya Perkahwinan Diraja ini, Bandar Seri Begawan bermandikan cahaya. "Saya sangat kagum dengan kekayaan budaya diraja ini bukan sahaja Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja, juga majlis-majlis istiadat yang lain seperti Istiadat Pemasyhuran Pengiran Muda Mahkota, Istiadat Berkhatan, Istiadat Bertindik Diraja, Istiadat Khatamal Al-Qur'an dan sebagainya adalah menggambarkan kewujudan adat yang kita warisi sejak terubuhnya Kesultanan Melaju Brunei seperti yang



PENGIRAN Haji Hassan bin Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Haji Damit dan isteri, Pengiran Anak Hajah Kamariah binti Pengiran Anak Salfuddin serta kedua-dua anak mereka, Pengiran Nadia Mumtazah dan Pengiran Muhd. Eyazi Zil Hakim.



"SEMBAH ucapan tahniah ke hadapan majlis Yang Teramat Mulia dan Yang Amat Mulia, semoga berkekalan hingga ke akhir hayat," daripada rakan sejawat YTM.

pernah saya baca." Begitulah pandangan Dayangku Siti Aishah Norpemar binti Pengiran Haji Abu Bakar.

"Saya cukup kagum dengan adat Brunei ini iaitu yang jelas penghormatan kepada golongan tua dan memuliakan orang-orang tertentu. Penilaian keutamaan seseorang adalah mengikut darjat, taraf, kedudukan, pangkat, kelayakan. Kebiasaan adat istiadat diraja Brunei seperti Perkahwinan Diraja dapat membezakan budaya orang-orang Brunei daripada budaya masyarakat negara

lain.
'ALLAH SELAMATKAN
MEMPELAI DIRAJA'

Bagi Dayang Hajah Mordiah binti Haji Jackia, Perkahwinan Diraja juga kita dapat membezakan dari segi pakaian dalam menghidangnya iaitu sepengadak hitam di waktu siang dan sepengadak putih di waktu malam, serta disesuaikan diri mengikut kedudukan adalah kekaguman adat istiadat diraja kita. Ini adalah sesuatu kenangan dalam sejarah Brunei dalam istiadat diraja.

Beliau bersama rakan-rakannya tidak lupa menyembahkan tahniah ke hadapan majlis Yang Teramat Mulia dan Yang Amat Mulia kerana dipertemukan jodoh dan berdoa semoga berkekalan hingga ke akhir hayat.

Bagi Dayang Hajah Shamsiah binti Haji Abdi Manaf bagi pihak Pengantin Diraja Lelaki juga menyembahkan tahniah kepada kedua-dua mempelai diraja dan Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa akan memberkati Yang Teramat Mulia dan Yang Amat Mulia.

Mesyuarat Ketiga J'kuasa Kebangsaan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-61

JERUDONG, Isnin, 28 Mei.- Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' merupakan salah satu acara yang akan dimasukkan ke dalam atur cara keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk di daerah-daerah.

Tujuan memasukkan lagu kebangsaan ke dalam atur cara tersebut adalah untuk sama-sama melaungkan lagu kebangsaan tersebut, di samping bersama-sama mendoakan keselamatan dan kesejahteraan negara yang mana terkandung dalam lagu kebangsaan.

Oleh : Abu Bakar Haji Abd. Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

dung dalam lagu kebangsaan berkenaan.

Selain itu ia juga dihasratkan untuk mengukuhkan lagi semangat patriotisme dan ketaatsetiaan kepada raja dan negara serta menunjukkan perpaduan semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini akan lagu serta isi kandungan lagu kebangsaan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan menyatakan perkara tersebut di Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Kebangsaan

Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-61 di Empire Hotel and Country Club di sini.

Yang Berhormat yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-61 dalam sembah ucapannya menyatakan bahawa keberangkatan Duli Yang Ter-

amat Mulia ke mesyuarat itu mencerminkan keprihatinan dan pemedulian Duli Yang Teramat Mulia mengenai persediaan-persediaan dan atur cara-atur cara yang telah dan akan diangkayahkan sama ada oleh jawatankuasa di peringkat kebangsaan mahupun jawatankuasa di peringkat daerah.

Antara atur cara mesyuarat termasuklah meneliti dan mengesahkan minit Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-61, di

samping menerima laporan mutakhir mengenai persediaan-persediaan cadangan format persembahan dan atur cara keberangkatan

Kebawah DYMM ke daerah-daerah.

Selain itu sidang juga menerima laporan mutakhir mengenai dengan

persediaan-persediaan Majlis Ilmu, Perhimpunan Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta Malam Serumpun.



AHLI Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-61 penuh perhatian merangkakan atur cara sambutan menarik. Foto : Masri Osman.

SUKAN



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi mengetuai walkaton sejauh 1.5 kilometer semasa Program Mukim Sihat bagi Mukim Bukit Sawat.

Lebih 100 warga MJPA PRSB sertai walkaton

Oleh : Zahrani Haji Bojeng

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 Mei. - Lebih 100 warga Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MJPA PRSB) termasuk kakitangan, tenaga pengajar serta pelajar maktab menyertai Walkaton Hari Jururawat dan Hari Bidan Antarabangsa 2007 yang diadakan di Tasek Lama di sini.

Sebelum acara walkaton dimulakan, para peserta mengikuti senaman ringan bagi memanaskan

badan selama setengah jam.

Walkaton kira-kira sejauh lima kilometer itu diketuai oleh Pengetua MJPA PRSB, Dayang Hajah Thaibah binti Pehin Dato Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abd. Rahim.

Antara objektif walkaton tersebut ialah bagi memeriahkan lagi Sambutan Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa 2007, di samping mengeratkan lagi silaturahim di antara warga maktab.

Hari Jururawat dan Bidan Antarabangsa 2007 bagi tahun ini bertemakan 'Positive Practice Environments; Quality Practice Environments; Quality Workplaces Equal Quality Patient Care and 'Midwives reach out to women - wherever they live'.

Walkaton ini merupakan salah satu aktiviti tahunan sempena Hari Bidan dan Jururawat sedunia yang kemudiannya disusuli dengan seminar sehari.

Warga emas sertai Program Mukim Sihat

LABI, Jumaat, 1 Jun. - Warga emas merupakan golongan yang berisiko tinggi mendapat pelbagai penyakit seperti penyakit darah tinggi, kencing manis dan serangan jantung.

Justeru aktiviti di kalangan warga emas perlu diterapkan secara tetap melalui kaedah senaman dan promosi gaya hidup sihat di usia emas. Dalam hubungannya ini Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kuala Belait menganjurkan Program Mukim Sihat bagi Mukim Bukit Sawat.

Program 'Bersama Membina Masyarakat Sihat' bertempat di Taman Rekreasi Sungai Mau di hadiri oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat

Berita dan Foto:
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi. Turut hadir Timbalannya, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan.

Bersempena dengan program tersebut satu forum diadakan dengan mengundang tiga ahli panel dari Jabatan Perkhidmatan Kesihatan terdiri daripada Pegawai Perubatan Pusat Kesihatan Sungai Liang, Dr. Hajah Budi Rositawati, Pakar Pe-

makanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Bandar Seri Begawan, Ilham Haji Ali dan Guru Ugama Hospital Suri Seri Begawan, Jabatan Pengajian Islam, Ustaz Aliomar bin Haji Muhd. Yusuf.

Ketiga-tiga ahli panel membincangkan penjagaan kesihatan bagi warga emas. Di samping itu beberapa pemeriksaan kesihatan bergerak percuma dibukakan kepada semua golongan terutama golongan warga emas di mukim berkenaan. Antara pemeriksaan yang dilakukan seperti tekanan darah, gula, kesihatan men-

tal dan pemeriksaan buah pinggang.

Lebih seratus warga emas di mukim tersebut menjalani pemeriksaan percuma itu. Program Mukim Sihat itu dimulakan dengan senaman disusuli dengan walkaton sejauh 1.5 kilometer yang diketuai oleh Menteri Kesihatan.

Program bertujuan memberi kesedaran dan kefahaman berkenaan cara hidup sihat kepada masyarakat setempat serta meningkatkan taraf kesihatan bagi mencegah penyakit berisiko tinggi. Selain itu program juga bagi merapatkan silaturahim di kalangan warga Kementerian Kesihatan dengan penduduk mukim tersebut.

PLK Zombies kekalkan rekod tanpa kalah

JERUDONG, Ahad, 17 Jun. - PLK Zombies menamatkan persaingan pusingan awal Kejohanan Bola Lesut Kebangsaan Kumpulan 'B' Lelaki, dengan tidak mengalami sebarang kekalahan.

Selepas mengakhiri enam perlawanan peringkat kumpulan di Padang Kelab Polo Jerudong, PLK Zombies memperolehi keseluruhan 18 mata dengan 39 larian berbalas 5 dan pada perlawanan terakhir mereka menumpaskan Pasukan Knights 4 - 1.

Pengantar kejohanan ini Banzai menduduki tempat kedua, memenangi empat perlawanan dan tewas dengan mengutip 12 mata dari lima perlawanan dan Knights pula mengeduk di tempat ketiga dengan tiga kemenangan tewas dua dan mengutip 9 mata.

Dalam Kumpulan 'A', Gunners yang juga belum mengalami sebarang kekalahan dalam empat perlawanan setakat ini terus mengungguli kumpulan tersebut dengan meraih 12 mata.

Oleh : Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

Black Arrows bersama Wanderers mengeduk tempat kedua dengan kedua-dua pasukan itu masing-masing memperolehi 9 mata dari tiga kemenangan sekali tewas.

Sementara itu dalam bahagian wanita Kumpulan 'A' memperlihatkan persaingan cukup sengit untuk menduduki carta teratas antara Pasadena, Divas dan QD Vixens yang masing-masing sudah mengumpul 9 mata.

Cuma yang membezakan mereka ialah Pasadena yang membelasah Tornado 27 - 1 pada saingan terakhir peringkat kumpulan memperolehi 67 larian berbalas 23. Divas turut mempamerkan permainan cemerlang pada saingan terakhir menundukkan QD Vixens 10 - 2, mencatatkan 64 larian berbalas 20, manakala QD Vixens pula mencatatkan 57 larian berbalas 20.

Bagi Kumpulan 'B', Comets yang bermain cemerlang mengatasi Sapphire 13 - 3 pada perlawanan terakhir peringkat kumpulan tersebut mendahului dua pasukan yang lain dengan meraih 9 mata.

Wildcats yang juga bermain cemerlang menyingkirkan Red Arrows 15 - 4 pada saingan terakhir peringkat Kumpulan 'B' itu hanya mampu mencatatkan 4 mata selepas 1 kemenangan, 1 seri dan 1 kalah, sementara Red Arrows hanya memperolehi 1 kemenangan, 2 kalah dan memperolehi 3 mata.

Kejohanan Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-61 itu disertai oleh 13 buah pasukan lelaki dan sembilan pasukan wanita.

HASRAT Brunei DPMM FC untuk terus bersaing bersama Perak dan Kedah bagi mengungguli kelompok teratas Liga Super Malaysia 2007 kelihatan pudar selepas tumpas kepada Terengganu 0 - 2 di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah.

Kekalahan tersebut sekali gus menjejaskan terus impian Brunei DPMM FC untuk memburu tangga teratas liga dan kini peluang tersebut hanya terbuka kepada Sang Seladang dan Kenari untuk bersaing mengungguli carta teratas selepas kedua-dua pasukan masing-masing mencatatkan 49 mata.

Baki dua perlawanan terakhir liga ini nanti akan menjadi penentu juara sebenar Liga Super.

Brunei DPMM FC yang memerlukan kemenangan pada pertemuan dengan Terengganu itu, mempamerkan permainan cemerlang dengan banyak melancarkan percubaan namun, kesemua gagal menepati sasaran sebaliknya tuan rumah pula memanfaatkan kesempatan menjaringkan dua gol melalui Md. Ashaari Shamsuddin.

Dengan baki dua perlawanan saja lagi iaitu bertemu Pulau Pinang dan Kedah sebelum menamatkan saingan liga musim ini, tumpuan Brunei DPMM FC terarah kepada tangga ketiga.

Seandainya DPMM FC berjaya mengatasi Pulau Pinang pada 1 Ogos

di Pulau Pinang dan Kedah pada 4 Ogos di Stadium Negara Hassan Bolkiah, Berakas, tempat ketiga menjadi milik Brunei DPMM FC.

Bagaimanapun, jika hanya memenangi salah satu daripada dua perlawanan itu peluang menduduki tempat ketiga masih terbuka, dengan mengharapakan Terengganu mengalami kekalahan pada perlawanan terakhir nanti.

Terengganu yang kini memperolehi 43 mata mempunyai satu perlawanan lagi sebelum menutup tirai Liga Super, manakala Brunei DPMM FC yang mencatatkan 41 mata mempunyai dua lagi perlawanan.

Selepas mengharungi



Foto : Hatzel Hazmi Abd. Hamid.

IMBAS kembali perlawanan Brunei DPMM FC dengan Sarawak yang menyaksikan Sarawak tersungkur di Stadium Negara Hassan Bolkiah, Berakas.

22 perlawanan setakat ini, Brunei DPMM FC memenangi 12 perlawanan, 6 seri dan kalah 4 dengan jumlah jaringan 40 berbalas 27.

Prestasi pencapaian ini

merupakan yang terbaik dicapai oleh Brunei DPMM FC dalam saingan Liga Super Malaysia selain meletakkan Mohd. Shahrizen Said sebagai penjaring terbanyak musim ini.

Karnival bola sepak Piala Milo

Oleh : Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

MAJLIS Perundingan Kampong Kilanas dengan Kerjasama Jabatan Daerah Brunei Muara (JDBM), Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dan Pertubuhan Bolasepak Daerah Brunei dan Muara (PBDBM) sedang membukakan penyertaan kepada pasukan, kelab, persatuan dan pertubuhan bagi Karnival Bola Sepak 5 Sepasukan Piala Milo, bersempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-61.

Pasukan-pasukan yang berminat untuk menyertai karnival ini bolehlah menghubungi Haji Lamat bin Haji Abd Rahman, Ketua Kampong Kilanas, Telefon: 8878286; Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas, Telefon: 8723077 atau Haji Md. Noor bin Haji Abd. Hamid di Stadium Negara Hassan Bolkiah, Berakas, Telefon: 8633368.

Kesemua penyertaan hendaklah dihantar tidak lewat pada 30 Jun 2007.



Foto : Pg. Ibtel Pg. Haji Hidayat.

PERTARUNGAN antara Wildcats dengan Red Arrows pada saingan akhir perlawanan kumpulan 'B' bahagian wanita yang berkesudahan Wildcats membelasah Red Arrows 15 - 4.

Kebawah DYMM berangkat adakan lawatan kerja ke Jepun

BERAKAS, Ahad, 17 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Tokyo, Jepun bagi lawatan kerja tiga hari.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Menyertai rombongan baginda ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

Sebelum berangkat, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Menurut sumber akhbar tempatan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shinzo Abe dijangka mengadakan perbincangan mengenai beberapa isu hubungan dua hala kedua-dua buah negara termasuk membincangkan kerjasama tenaga dan isu-isu antarabangsa.

Juga berangkat dan hadir bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis baginda ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat ke Tokyo, Jepun bagi lawatan kerja tiga hari. Turut berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama, Ha Hong di Istana Nurul Iman. - Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah berkenan menerima mengadap Puan Tran Thi Ngoc Tho, Isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam. - Foto : Pg. Ibni Pg. Haji Hildup.

Berkenan menerima mengadap Duta Besar Viet Nam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Ha Hong Hai, di Istana Nurul Iman.

TYT Ha Hong Hai telah menyumbangkan Surat Tauliah Perlantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 6 Disember 2003.

Hadir sama di Majlis Mengadap tersebut ialah Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail.

Sementara itu di ruang lain Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha telah berkenan menerima mengadap Puan Tran Thi Ngoc Tho, isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam, TYT Ha Hong Hai yang akan menamatkan perkhidmatannya di negara ini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan hari ini berkenan menerima mengadap Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tetap, Kongres Kebangsaan Rakyat China, Puan Yang Terutama Gu Xiulian yang berlangsung Istana Nurul Iman. - Foto: Haji Mohd. Yusof Mohd. Yassin.

Timbalan Sultan berkenan menerima mengadap

Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa 19 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Timbalan Sultan hari ini berkenan menerima mengadap Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tetap, Kongres Kebangsaan Rakyat China, Puan

Yang Terutama Gu Xiulian yang berlangsung Istana Nurul Iman di sini.

Puan Yang Terutama sedang dalam rangka lawatan rasmi ke negara ini selama empat hari.

Pada Majlis Mengadap tersebut, Puan Yang Terutama diiringi oleh Duta Besar Republik Rakyat China ke negara ini, Puan Yang Terutama Tong Xiaoling.

Turut hadir di Majlis Mengadap itu ialah Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar dan Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Dato Paduka Awang Haji Shofry.

yang meliputi kerjasama di bidang ekonomi, pendidikan, politik, kebudayaan, pertanian dan teknikal.

Jepun merupakan pengimport utama minyak dan gas cecair asli Brunei. Manakala Jepun mengimport peralatan, jentera, pengangkutan dan produk logam. Pada tahun lalu, hasil penjualan gas ke negara Jepun ialah sekitar BND\$4.5 bilion.

Hashimoto.

Negara Brunei Darussalam dan Jepun mempunyai hubungan persahabatan yang penuh tradisi lagi mesra sejak sekian lama dahulu. Kedua-dua buah negara menjalin hubungan diplomatik secara rasmi pada 2 April 1984.

Sejak hubungan termeterai hampir 23 tahun, BSB - Tokyo telah menjalin banyak kerjasama

Dari muka 1

Sementara itu delegasi Jepun antaranya termasuk Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Jepun, Tuan Yang Terutama Kono dan Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Itsuo

ANAK KITA MASA DEPAN KITA انق كيت ماس دقن كيت

دتریتکن اوله جیائن فتراغن، جیائن فردان منتری دان دهیتق اوله جیائن فرجیتقن کراچان، جیائن فردان منتری، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Ditetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

TALIAN PENTING	
Ambulans	Bomba & Penyelamat
991	995
Polis	Mencari & Menyelamat
993	998



PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PENTING	
Air	Unit Pengurusan Bencana Alam
140	
Talian Kebajikan	2381874
141	2381313
Elektrik	2382143
144	2382027
Maklumat Penerbangan	
2331747	Selesema Burung
Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)	8984777
2332600	8985777

BILANGAN 25

RABU 20 JUN 2007

رابطو 5 جمادى الأخير 1428

PERCUMA

KEUNGGULAN ISTIADAT PERKAHWINAN DIRAJA PENUH GILANG-GEMILANG

BERSULAMKAN adat istiadat yang diwarisi sejak turun-temurun, nilai-nilai budaya bangsa yang menjunjung tinggi adat dan adab yang murni lagi luhur amat terserlah dalam istiadat-istiadat kebesaran diraja di negara ini.

Keindahan majlis-majlis istiadat sempena Istiadat Perkahwinan Diraja di antara puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil bin Pengiran Syed Haji Janfari membuktikan bahawa Negara Brunei Darussalam merupakan satu-satunya negara di dunia yang masih bertahan malah tetap kukuh dan teguh memartabatkan adat istiadat diraja yang ditunjangi falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Bermula dengan Majlis Istiadat Bersuruh Diraja yang merupakan permulaan untuk mengurus rancangan-rancangan Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil yang dilangsungkan dengan penuh adat istiadat.



RIBUAN rakyat dan penduduk serta pelancong-pelancong dari luar negara telah berpeluang menyaksikan mempelai diraja diarak mengelilingi ibu negara dengan menaiki kenderaan khas sebaik sahaja Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja sempurna dilangsungkan di Istana Nurul Iman.

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.abubakar@information.gov.bn
Foto : Jurugambar Jabatan Penerangan

Disusuli dengan Majlis Istiadat Menghantar dan Menerima Tanda Diraja; Majlis Istiadat Menghantar dan Menerima Pertunangan Diraja; Majlis Istiadat Berinai Diraja; Majlis Istiadat Bersanding Pengantin

Diraja dan Majlis Istiadat Pengantin Diraja Muleh Tiga Hari.

Kemuncak Istiadat Perkahwinan Diraja yang gilang-gemilang di antara Yang Teramat Mulia Pa-

duka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil ialah Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja pada 10 Jun 2007 di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Ribuan rakyat dan penduduk serta pelancong-pelancong dari luar negara turut berpeluang menyaksi-

kan mempelai diraja diarak mengelilingi ibu negara dengan menaiki kenaikan khas sebaik sahaja Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja sempurna dilangsungkan.

Keunikan majlis-majlis istiadat sempena Istiadat Perkahwinan Diraja itu kekal terpelihara dengan penggunaan Alat-Alat Kebesaran Diraja dan Perhiasan Diraja seperti Dian

Tunggal, Payung, Kaskol, Kain Pendudukan, Kaskol Langguai, satu Puan, satu Tarian, satu Kabok dan Panastan, Satu Kiap, satu Chupu, satu Pasigupan serta Dian 16 yang sudah digunakan sejak zaman berzaman.

Penggunaan Alat-Alat Kebesaran Diraja dan Perhiasan Diraja itu merupakan lambang warisan tradisi yang akan tetap disan-

jung dan menjadi kebanggaan segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

Selain itu bahasa dalam dan rangkai kata bahasa yang indah turut diungkapkan dengan madah tersirat dalam setiap majlis istiadat adalah bagi menambahkan lagi keunikan adat istiadat diraja yang jarang terdapat di mana-mana pelusuk dunia.

Umpamanya penggunaan Alat-Alat Gendang Jaga-Jaga yang terdiri daripada Nakara, Serunai, Gendang Labek, Agong dan Chanang dalam Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga yang berlangsung di Lapau ibu negara.

Dalam Majlis Istiadat Akad Nikah Diraja yang berlangsung pada 7 Jun 2007 di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, selain Kasur dan Namat, penggunaan Alat-Alat Kebesaran Diraja yang terdiri daripada Sinipit, Pedang dan Perisai, Tumbak Bendaragan, Kabok dan Panastan juga turut digunakan.

Begitulah keunggulan suasana majlis-majlis istiadat sempena Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil yang telah berlangsung dari 1 hingga 14 Jun 2007 jelas mencerminkan kegemilangan adat istiadat Melayu terutama dalam Kesultanan Melayu Brunei.

Walaupun Negara Brunei Darussalam berhadapan dengan era globalisasi, keunikan, keindahan dan kehalusan, keluhuran dan kegemilangan adat istiadat diraja dalam Istiadat Perkahwinan Diraja yang menjadi warisan bangsa tetap terpelihara hingga ke hari ini.

Semoga Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil yang tentunya tercatat dalam tinta sejarah akan terus menjadi ristaan sepanjang zaman.



KEINDAHAN majlis-majlis istiadat, Istiadat Perkahwinan Diraja di antara Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bulqiah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Khairul Khalil membuktikan bahawa Negara Brunei Darussalam merupakan satu-satunya negara di dunia yang masih bertahan, malah tetap kukuh dan teguh memartabatkan adat istiadat diraja yang ditunjangi falsafah negara Melayu Islam Beraja.



PENGUNAAN Alat-Alat Kebesaran Diraja dan Perhiasan Diraja seperti Alat-Alat Gendang Jaga-Jaga yang terdiri daripada Nakara, Serunai, Gendang Labek, Agong dan Chanang dalam Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga adalah merupakan lambang warisan tradisi yang akan tetap disanjung dan menjadi kebanggaan segenap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

Tingkah laku sosial kanak-kanak

BEBERAPA minggu sesudah dilahirkan, kanak-kanak yang masih kecil itu sudah pandai menumpukan pandangannya kepada wajah ibunya, manakala umurnya meningkat kepada tiga atau empat bulan, dia mula melahirkan tanda-tanda kesedaran sosialnya yang pertama seperti berhenti menangis bila ada orang mendekatinya, mengarahkan pandangannya kepada seseorang yang tertentu, menunjukkan gerakan mencari apabila ada orang datang menghampirinya dan memberi senyuman kepada orang yang memandang atau mencuitnya.

Di permulaan pertumbuhan sosial, kanak-kanak hanya berhubung dengan ibunya dan orang-orang dewasa yang ada di sekelilingnya, juga adik-beradik.

Setelah kanak-kanak berumur dua tahun, perkembangan bahasanya sudah mula bertambah. Di waktu ini ia sudah dapat menyebut antara 200 hingga 300 perkataan. Selaras dengan perkembangan bahasa yang dicapainya di peringkat ini, maka kecenderungan hendak bergaul pun turut bertambah subur di dalam dirinya. Dia sekarang boleh ketawa bersama rakan-rakannya atau bersama orang dewasa dan boleh menunjukkan tanda-tanda simpati dan mahu dalam beberapa peristiwa dan situasi yang tertentu. Dan di kala ini juga dia sudah tahu menghargakan kata-kata yang berupa pujian dan akan mengasihi sesiapa yang suka memujinya.

Dari umur dua tahun hingga enam tahun kanak-kanak berkembang merupakan individu yang sudah ketara sifat-sifat sosialnya. Dia belajar menyesuaikan dirinya dengan kawan-kawannya dan bekerjasama dengan kumpulan di dalam kegiatan bermain. Bila dia mula bersekolah dia kelihatan sudah bersedia untuk mengambil bahagian bersama kumpulan secara lebih aktif lagi. Tahun-tahun seumpama ini sering dipanggil 'tahap period' suatu period di mana kanak-kanak belajar membuat perhubungan-perhubungan dan

berkawan dengan orang-orang yang di luar rumahnya terutama dengan kanak-kanak yang berumur sebaya dengannya.

Sebanyak mana hubungan dengan kanak-kanak yang lain di dalam 'period pregang' ini adalah merupakan faktor yang penting dalam menentukan sejauh manakah kemajuan perkembangan sosialnya. Kanak-kanak yang berkesempatan melatih diri mereka bergaul, bermain dan bekerja di taman kanak-kanak akan lebih mudah membuat penyesuaian sosial yang lebih baik dari kanak-kanak yang tidak berkesempatan mengalami peringkat persekolahan tersebut.

Satu dari faedah-faedah sekolah taman kanak-kanak ialah ia memberi pengalaman-pengalaman sosial di bawah pimpinan dan asuhan guru-guru yang terlatih serta yang berpengalaman.

PERTOLONGAN

Setiap tahun umur kanak-kanak bertambah, semakin sedikit ia menghabiskan masanya dengan ibu bapanya. Minatnya terhadap teman-teman yang sebaya dengannya kian bertambah. Kanak-kanak yang berumur tiga tahun misalnya, tidak suka penaruh orang tua dan lebih suka bebas dari mereka. Dia suka berperagaan dirinya dan ibu bapa mungkin merasa agak susah sedikit menjaganya. Pada zaman ini sudah banyak perkara yang dapat dibuatnya sendiri dan kerana itu sering-

CERMIN KEHIDUPAN

OLEH : TARIF HAJI ABD. HAMID

kali ia tidak berkehendakkan pertolongan ibu bapanya lagi.

Kanak-kanak di dalam peringkat umur empat dan lima tahun kelihatan suka bercakap banyak dan sering menggunakan perkataan 'aku' atau lain-lain ganti nama dirinya. Misalnya, kanak-kanak akan berkata: 'Ini kasut aku,' 'Aku boleh buat tapi aku tak mahu buat' dan sebagainya. Ini adalah suatu bukti yang menunjukkan bahawa kanak-kanak itu sudah memberi perihitungan kepada fikiran dan pandangan orang lain terhadap dirinya. Walaupun kanak-kanak selalu menentang kekuasaan orang tuanya, tetapi ia masih dipengaruhi dengan kuatnya oleh orang-orang dewasa dalam tingkah laku dan sikapnya.

Bila sudah sampai lima tahun dia sudah layak memasuki sekolah taman kanak-kanak. Di waktu ini dia sudah dapat berpisah dan berjauhan dari rumahnya selama masa yang tertentu.

Perhubungannya dengan ibu bapa pada masa ini merupakan kasih sayang dan taat setia. Dia akan bersedih bila ibunya sakit atau ditimpa kesusahan. Kanak-kanak di dalam peringkat ini merasa tidak senang bila mendapati ibunya tidak ada di rumah sekembalinya dari sekolah.

Perhubungan dengan bapanya pula merupakan perhubungan yang ber-

dasarkan hormat, bangga dan takut. Dia menganggap bapanya itu seorang manusia yang tahu serba-serbi dan menganggap cakapnya sebagai sesuatu yang benar dan tidak boleh dibantah lagi. Oleh sebab itulah sewaktu bapanya ada di rumah dia kelihatan berdamping rapat dengannya - bertanya itu dan ini dan dia merasa amat gembira jika bapanya bermain-main sama dengannya.

Kanak-kanak di dalam peringkat ini sangat gemar berdamping dengan keluarganya. Dia sangat suka bersiar-siar bersama mereka. Ia merasa hampa dan kecewa kalau ibu bapanya atau keluarganya asyik memendam diri di rumah sahaja. Mereka suka berjalan-jalan, bersiar-siar dan menziarahi keluarga-keluarga yang lain.

KEGIATAN SOSIAL

Sebelum berumur lima tahun kanak-kanak hanya bermain seorang diri. Sekalipun mungkin ada dua tiga orang kanak-kanak yang lain di dalam biliknya, tidak ada kegiatan-kegiatan sosial yang berlaku antara mereka. Perhubungan mereka hanyalah merupakan peniruan atau melihat dan memerhatikan satu sama lain atau paling tegas cuba mengambil alat-alat permainan di tangan kanak-kanak yang lain yang ada di dalam bilik itu.

Tetapi dari umur tiga atau empat tahun kanak-



GAMBAR HIASAN ... Kanak-kanak yang berkesempatan melatih diri mereka bergaul, bermain dan bekerja di taman kanak-kanak akan lebih mudah membuat penyesuaian sosial lebih baik.

kanak tadi mula bermain dengan kanak-kanak lain. Ia juga bercakap sambil bermain dengan kanak-kanak lain. Di kala inilah juga dia mula memilih di antara kanak-kanak yang hadir bersamanya itu yang mana satukah yang paling disukainya.

Ukuran kumpulan bermain kanak-kanak bertambah besar selaras dengan bertambahnya umur kanak-kanak itu - dari dua orang di waktu umur tiga tahun kepada tiga atau empat di kala berumur enam tahun. Kelakuan biasa kumpulan kanak-kanak di dalam peringkat ini ialah bersoal jawab dan membuat syor-syor secara mulut.

Suatu kajian kanak-kanak prasekolah menunjukkan bahawa semakin umur kanak-kanak meningkat maka semakin banyak pendekatan-pendekatan secara berbaik-baik dengan kanak-kanak yang lain dan

semakin berkurangan perbuatan-perbuatan ganas. Di kalangan kanak-kanak lelaki misalnya, kanak-kanak yang berumur antara dua setengah dan tiga setengah tahun membuat dua perhubungan dan satu kegiatan pendekatan berbaik-baik dengan kanak-kanak lain dalam masa tiap-tiap dua minit. Yang berumur antara lima setengah dan enam setengah tahun membuat dua perhubungan dan dua kegiatan pendekatan berbaik-baik dalam tiap-tiap dua minit.

Kanak-kanak perempuan yang berumur antara dua setengah dan tiga setengah pula membuat suatu perhubungan dengan kanak-kanak lain dalam tiap-tiap enam minit dan satu kegiatan pendekatan berbaik-baik tiap-tiap tiga atau empat minit.

Di kalangan kumpulan yang lebih tua, kanak-kanak perempuan yang

berumur lima setengah dan enam setengah tahun membuat perhubungan dengan kanak-kanak lain tiap-tiap dua minit dan satu kegiatan pendekatan berbaik-baik setiap satu setengah minit.

Di samping zaman awal kanak-kanak, kanak-kanak lebih mementingkan diri sendiri dalam kelakuan sosialnya. Dia suka menggambar-gambarkan bukan saja tentang kejayaannya malah tentang keluarganya juga. Dia hanya bekerja sama bila sesuatu itu boleh menyenangkannya dan bila minat atau kegiatannya tidak terganggu. Dan bila kanak-kanak berada di dalam suatu kumpulan kanak-kanak yang belum dikenali sebelumnya, corak kelakuan yang mengikuti corak kelakuan umur di masa perkembangan-perkembangan awal sosial dari bermain seorang diri kepada bermain bersama.

PERADUAN MENULIS SAJAK ANJURAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

DEWAN Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menganjurkan Peraduan Menulis Sajak bertema: 'Aqidah Kukuh Membawa Berkat' sebagai aktiviti sampingan Majlis Ilmu Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-61 2007.

PERADUAN INI ANTARA LAIN BERTUJUAN:

1. Menyemarakkan kegiatan sampingan Majlis Ilmu 2007 khususnya Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-61.
2. Sebagai wadah bagi mendapat dan menyampaikan ilmu, maklumat dan pengalaman dalam perkara kehidupan bermasyarakat dan bernegara.
3. Sebagai wadah meningkatkan nilai-nilai penghayatan rakyat tentang kedaulatan raja, ke arah mengukuhkan semangat cintakan negara, bangsa dan tanah air.
4. Menjadikan sajak sebagai wadah beribadah, penyalur kekukuhan aqidah ummah.
5. Memberi pendedahan positif kepada orang ramai tentang peranan kepimpinan raja untuk membangun bangsa dengan ilmu di bawah keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.
6. Menjana fikiran dan langkah ke arah membentuk generasi yang memelihara kedaulatan raja dan negara mereka.
7. Memberi maklumat yang berguna bagi masalah memperkasa bangsa (sovereignty) dengan aqidah (iman dan ubudiyah):

- * Pembangunan masyarakat selamat
- * Pemantapan ekonomi berkat
- * Pendidikan bangsa bermatlamat akhirat

SKOP PENULISAN:

1. Penulis sajak hendaklah berdasarkan tema 'Aqidah Kukuh Membawa Berkat' yang mendukung inspirasi dan harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam titah perutusan baginda sempena Hari Raya Aidilfitri supaya 'Negara kita akan terus kebal dari sebarang virus ajaran sesat'.
2. Memberi maklumat yang berguna bagi masalah memperkasa bangsa (nationhood) dan kedaulatan (sovereignty) dengan aqidah (iman dan ubudiyah):

SYARAT DAN PERATURAN:

1. Peraduan ini dibuka kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.
2. Ahli Jawatankuasa Penyelenggara Peraduan Menulis Sajak tidak dibenarkan menyertai peraduan.

8. Mengangkat martabat dan mengembangkannya bahasa dan sastera Melayu sajak.
9. Menggalakkan rakyat dan penduduk menghargai dan mencintai bahasa rasmi negara.
10. Meningkatkan kesedaran ke arah penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.
11. Memanipulasi sajak sebagai sarana memasyarakatkan ideologi negara - Melayu Islam Beraja.
12. Memperkaya khazanah sastera tanah air khususnya sajak.
13. Memberi peluang kepada penulis mapan, penulis baru dan penulis muda untuk mencuba bakat dalam penulisan sajak dan menjadikan peraduan ini sebagai landasan untuk mereka berkarya.

3. Setiap peserta hanya dibenarkan mengemukakan sebuah penyertaan sahaja:

- * Kategori A : Penuntut Tingkatan 4 hingga Tingkatan 6 - satu penyertaan mengandungi dua buah sajak.
- * Kategori B : Terbuka kepada Orang Ramai - satu penyertaan mengandungi tiga buah sajak.

4. Setiap penyertaan hendaklah dihantar dalam lima salinan termasuk manuskrip asal dan disalin ke dalam disket.
5. Karya hendaklah asli, bukan terjemahan, penyesuaian atau saduran, atau apa sahaja pengertian yang boleh menyebabkan sajak tersebut bukan karya asli.
6. Sajak hendaklah ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan Sistem Ejaan Rumi Baru dan ditaip jarak langkau dua baris pada sebelah muka surat kertas berukuran A4 sahaja.
7. Sajak yang dikemukakan mestilah belum pernah diterbitkan sama ada sebahagian atau sepenuhnya serta belum pernah terikat dengan mana-mana pihak untuk diterbitkan.
8. Sajak yang dihantar untuk peraduan ini tidak dibenarkan untuk dicetak sebelum atau selepas keputusan peraduan diumumkan.
9. Hanya tajuk sajak saja ditulis dalam manuskrip. Segala keterangan peribadi seperti nama, nombor kad pintar dan alamat penuh mestilah ditulis di dalam borang yang disediakan oleh penganjur.
10. Sajak yang diperaduakan akan menjadi hak milik penganjur. Manakala hak cipta karya yang dikirimkan adalah dipegang oleh penulis sendiri.
11. Pemenang peraduan akan mendeklamasikan sajak mereka semasa Pameran Majlis Ilmu 2007 diadakan, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dan akan diterbitkan.

12. Sajak yang tidak menepati syarat dan peraturan peraduan akan ditolak.

13. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau kehilangan sajak semasa pengirisan dan jika sesuatu perkara berbangkit di luar daripada syarat dan peraturan peraduan, maka pihak penganjur berhak membuat sebarang keputusan.

14. Panel Hakim akan dilantik oleh pihak penganjur.

15. Keputusan Panel Hakim adalah muktamad.

HADIAH:

Kategori A (Penuntut Tingkatan 4-6)

Penghormatan Pertama \$700.00, Penghormatan Kedua \$600.00, Penghormatan Ketiga \$500.00, tiga (3) hadiah penghargaan @ \$300.00 x 3 = \$900.00.

Kategori B

Penghormatan Pertama \$1,000.00, Penghormatan Kedua \$800.00, Penghormatan Ketiga \$600.00, tiga (3) hadiah penghargaan @ \$400.00 x 3 = \$1,200.00.

Sajak dan keterangan lengkap yang dikehendaki mestilah dihantar kepada:

Awang Hatnan bin Haji Buang
Dayang Hajah Rasiyah binti Haji Tuah,
Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Peraduan Menulis Sajak Sempena Majlis Ilmu Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2382511 sambungan 112 dan 202.

Tarikh tutup peraduan: 28 Julai 2007 jam 3.30 petang.

Persediaan sambutan Hari Keputeraan dibincangkan

KUALA BELAIT, Rabu, 30 Mei. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyarankan semua Ahli Jawatankuasa Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya akan sentiasa menanamkan semangat saling bekerjasama dalam melaksanakan apa jua bentuk acara yang telah disusun.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan menambahkan perundingan dan permuafakatan hendaklah dilaksanakan bagi menyelesaikan sebarang masalah yang berbangkit serta disusuli dengan tindakan yang bersesuaian.

Dengan mengamalkan kaedah sedemikian, kata Yang Berhormat insya-Allah majlis yang diadakan itu nanti akan menjadi lebih teratur, sempurna dan meriah, di samping akan dapat menjalin hubungan silaturrahim, ikatan persefahaman serta mengeratkan lagi perpaduan dan kerjasama yang sudah lama wujud.

Berucap di Majlis Perjumpaan Bersama Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-61 Bagi Daerah Belait bertempat di Dewan Santap di sini.

Yang Berhormat percaya dalam usaha mempertingkatkan mutu, kualiti dan kesempurnaan acara, jawatankuasa peringkat tertinggi daerah telah mengenal pasti kelemahan dan masalah yang terbit tahun sebelumnya melalui mesyuarat kaji selidik yang telah dilaksanakan.

"Apa jua kelemahan, kepincangan dan permasalahan yang timbul hendaklah dijadikan sebagai sandaran dan pengajaran bagi sama-sama memperbaiki dan mempertingkatkan mutu dan kualiti dalam memastikan kesempurnaan acara perayaan," jelas Yang Berhormat.

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

naan acara yang akan diungayahkan nanti," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berharap apa jua program yang disusun dan diatur akan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai termasuk golongan belia dan remaja. Penglibatan belia dan remaja tambah Yang Berhormat akan memupuk semangat patriotisme, semangat berpasukan dan keketiaan, di samping sama-sama menyumbangkan khidmat bakti serta rasa kecintaan yang luhur kepada raja dan negara.

Di samping itu, tambah Yang Berhormat kerjasama dan penglibatan aktif perlu juga dimainkan oleh pemimpin di peringkat akar umbi dalam usaha bagi sama-sama melibatkan penyertaan dari pelbagai pihak sama ada sektor kerajaan, swasta, ahli korporat, peniaga, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan pertubuhan serta persatuan dalam menyemarakkan lagi suasana sambutan perayaan.

Di majlis tersebut Yang Berhormat mendengar laporan ringkas dan perkembangan terkini persediaan sambutan perayaan di mana 50 peratus latihan persembahan padang kini giat dilaksanakan yang melibatkan seramai 2,050 orang peserta terdiri daripada sektor Perkhidmatan Awam, penuntut dan murid sekolah dan maktab, sektor swasta, persatuan, penduduk mukim dan kampung serta masyarakat Tiongghoa.

Yang Berhormat juga mendengar laporan ringkas dari pengurus acara perayaan. Pada tahun ini sebanyak 22 acara diadakan antaranya pertandingan pesta rakit klasik, perlumbaan bot kawalan jauh, pertunjukan dan peraduan seni kraf tangan, gubahan, masak-masakan, peraduan

kanak-kanak sihat dan pertandingan kucing tempatan dan luar negeri, manakala acara kemuncak Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat.

Hadir sama di majlis tersebut Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang

Dimulikan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani; Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adnan mengadakan perjumpaan bersama Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-61 Bagi Daerah Belait.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad melancarkan Hari Muzium Antarabangsa 2007.

Foto : Anung Haji Mahmood Anung Haji Tengah.

Manfaatkan koleksi muzium secara optima

Oleh : Zahrani Haji Bojeng

KOTA BATU, Isnin, 21 Mei. - Bahan koleksi muzium perlu dimanfaatkan secara optimum supaya tidak semata-mata menjadi bahan simpanan, sebaliknya dimanfaatkan sebagai bahan pembelajaran tentang khazanah warisan bangsa.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud menegaskan perkara tersebut di Majlis Sambutan

Hari Muzium Antarabangsa 2007 berlangsung di Lobi Bangunan Muzium Brunei di sini.

Selain itu menurut Yang Berhormat, koleksi muzium dalam bentuknya yang asli dan tulen dapat dijadikan bahan tarikan perhatian orang ramai yang dapat menyumbang kepada peningkatan minat, penghayatan dan sumbangan masyarakat kepada warisan bangsa.

"Dengan perpaduan dan sinergi ini akan dapat menyumbang ke arah perkongsian manfaat semua pihak berkepentingan," ujarnya.

Sambutan Hari Muzium Antarabangsa tahun ini bertepatan 'Muzium dan Warisan Sejagat' menyediakan ruang begitu luas yang diamanahkan kepada semua muzium global dalam apa jua usaha untuk menanai isu warisan manusia.

Menurut Yang Berhormat lagi, International Councils of Museums (ICOM) memilih tema ini sebagai dasar perbincangan dan pendekatan mengenai peranan yang perlu dimainkan oleh muzium dalam cabaran era globalisasi yang begitu mempengaruhi perkembangan muzium di seluruh dunia.

Menyadari hakikat ini Yang Berhormat berharap supaya muzium perlu bertindak secara proaktif dalam memperkembangkan peranan sebagai sebuah institusi kemasyarakatan.

Dalam pada itu Yang Berhormat menyarankan agar peranan muzium dalam melaksanakan bidang utama seperti perolehan koleksi, pemuliharaan, penyelidikan,

pembelajaran dan pameran akan terus menjadi teras kepada pengurusan permuziuman yang berkesan.

Pada majlis itu Yang Berhormat juga menyempurnakan penyampaian anugerah pekerja contoh 2006 yang antara lain bertujuan memberikan motivasi atau dorongan kepada pegawai dan kakitangan jabatan supaya sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik atau cemerlang kepada para pelanggan jabatan; untuk menghargai sumbangan proaktif pegawai dan kakitangan jabatan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dalam jabatan selain menjadi idola dalam Perkhidmatan Awam bagi pegawai dan kakitangan.

Majlis Pelancaran Hari Muzium Antarabangsa 2007 diselitkan dengan pelancaran pengeluaran cakera padat atau DVD lagu tema Muzium Brunei, Previu Dewan Pameran Ilmu Kejadian dan Pameran Sementara Koleksi Unik dan Nadir.

Pengeluaran dan pelancaran DVD lagu tema Jabatan Muzium-Muzium Brunei merupakan usaha yang dihasratkan untuk menyebarkan warisan budaya melalui media elektronik untuk memperluas dan meningkatkan penggunaan lagu tersebut terus berkumandang dan diwarisi oleh generasi akan datang.

Dewan Pameran Ilmu Kejadian mengandungi bahan pameran yang berlatarbelakangkan alam semula jadi antara flora dan fauna, manakala Pameran Sementara Koleksi Unik dan Nadir mempamerkan koleksi bahan unik dan nadir yang dikumpul oleh jabatan itu sejak penubuhannya.

Sebanyak 88 bahan dari bahagian ilmu kejadian, arkeologi, etnografi, perpustakaan, galeri seni, arkib negara dan muzium maritim dipamerkan.



Foto : Halil Hamid Abd. Hamid.

PENGARAH Dewan Bahasa dan Pustaka, Dr. Mataim bin Bakar menyampaikan dokumen perjanjian kepada seorang penulis tempatan.

DBP akan terbitkan buku-buku berbahasa Inggeris

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

BERAKAS, Rabu, 23 Mei. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam masa terdekat akan mula menerbitkan buku-buku berbahasa Inggeris khususnya yang ada hubungan dengan negara dan bangsa yang difikirkan perlu disebarkan ke peringkat global agar dunia tahu akan keunikan dan keistimewaan bahasa, budaya, mentaliti dan tingkat intelektual bangsa di negara ini.

Perkara itu dinyatakan oleh Pengarah DBP, Dr. Mataim bin Bakar di Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian Bersama Penulis-penulis Tanah Air, di sini.

Dr. Mataim mengingatkan bahawa dalam keghairahan untuk memenuhi tuntutan dunia masa kini sehingga mahu membawa buku terbitan DBP merantau lebih jauh dan menggunakan bahasa asing, pada masa yang sama identiti bahasa Melayu di negara ini tidak boleh diabaikan.

Oleh itu, katanya, penerbitan buku-buku berbahasa Inggeris terbitan DBP itu sudah pasti akan dikawal dari segi kewajaran jumlahnya.

Pengarah DBP menjelaskan, dengan keterlibatan DBP dalam ASEAN Book

Publisher Association (ABPA) atau Persatuan Penerbit Buku ASEAN, buku-buku terbitan tempatan sudah pasti akan mampu menembusi pasaran serantau malah akan lebih jauh dari itu kerana menjadi matlamat ABPA mengadakan pertukaran buku di kalangan negara ahli demi memantapkan lagi kerjasama dan kesefahaman masyarakat di rantau ini.

Dr. Mataim juga menjelaskan bahawa negara masih ketandusan buku bagi keperluan orang ramai khususnya buku-buku untuk pengajian tinggi sedangkan dalam masa yang sama negara mempunyai aspirasi yang tinggi untuk melahirkan lebih ramai warga yang berilmu dan bermaklumat.

Beliau juga menyeru semua pihak termasuk para penulis, orang awam, pihak sekolah kedai-kedai buku dan ibu bapa agar tampil ke depan menyokong aspirasi negara bagi melahirkan warga yang berilmu dan bermaklumat yang seterusnya akan mampu mengikut rentak dunia hari ini.

Seramai 20 penulis tanah air menandatangani memorandum perjanjian tersebut terdiri dari Dayang Hajah Norsiah binti Haji Abd. Gapar penulis

buku berjudul Janji Kepada Inah; Dayang Siti Norhasimah binti Haji Sulaiman - Berakhirnya Sebuah Duka; Awang Haji Romzi bin Haji Hidup - Bakut dan Syair Pengiran Sakam Pahlawan Negara; Awang Haji Mohammad Firdaus @ Passal bin Haji Nordin - Anugerah; Dayang Hajah Shaharah binti Dato Paduka Haji Abd. Wahab - Syair Padah Derhaka Tak Mangaku Ibu Manis Menjadi Batu; Awang Haji Kiflee bin Tarsat - Syair Ristaan DBP; Awang Haji Osman bin BPSKDSS Haji Mohd. Tamin - Drama Radio: Di Bibir-Bibir Mulut; Awang Haji Masri bin Haji Idris - Kumpulan Puisi: Sebutir Intan Di Celah Bumi; Awang Haji Kassim bin Haji Omar - Antologi Cerpen: Cinta Nur Farahan dan Awang Haji Mohsin bin Abu Bakar - Antologi Cerpen: Jalan Tiada Penghujung.

Juga menandatangani memorandum perjanjian ialah Awang Haji Abd. Hamid bin Haji Tamat - Antologi Puisi: Ranjau Kehidupan; Pengiran Haji Metassan bin Pengiran Haji Abu Bakar - Kumpulan Cerpen: Asmara Lanka; Awang

Haji Bujang bin Haji Md. Noor - Kumpulan Cerpen: Bukan Salah Surayah I; Awang Mohammad bin Rajap - Kumpulan Puisi: Gamitan Anjung Sri Buana; Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad - Cetusan Nasionalisme Dalam Novel Makna Sebenar Sebuah Ladang; Awang Haji Kula bin Haji Md. Noor - Kata dan Bentuk Sapaan Bahasa Dalam: Dalam Konteks Pentadbiran Beradat Di Negara Brunei Darussalam; Dayang Nurhalizah binti Haji Halim - Ubi Kayu Emas; Dayang Hajah Rozita binti Haji Ahmad - Perempunan Hodo dan Dayang Fatimah binti Haji Mohammad Ali - Amir Budak Jujur serta Dayang Masni binti Haji Ahmad - Kenapa Amir Berubah.

Hampir keseluruhan karya para penulis tersebut sedang dalam proses tender dan akan dicetak dalam 500 naskah setiap tajuk, kecuali Buku Cerita Kanak-kanak Bergambar yang akan dicetak sebanyak 2,000 naskah.

Sedikit masa lagi DBP juga akan menerbitkan buku Islam Di Brunei Darussalam Zaman British (1774-1984) tulisan

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya, di samping kita mempertingkatkan usaha dalam mendidik anak-anak dan ahli keluarga agar menyempurnakan kewajipan masing-masing. Semoga dengannya kita memperoleh keberkatan dan keredaan serta perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di akhirat.

Sesungguhnya golongan remaja dan belia adalah golongan yang diharapkan untuk menjadi pemimpin di masa akan datang. Bangun dan jatuhnya sesebuah bangsa dan negara, banyak terletak kepada golongan remaja dan belia. Jika mereka rosak, sudah pasti bangsa dan negara akan jatuh pada masa hadapan. Tetapi, jika baik remaja dan belianya, maka bangsa dan negara tersebut akan bangkit maju pada masa akan datang.

Sesungguhnya kepesatan dan kepantasan teknologi maklumat dan komunikasi telah banyak merubah gaya kehidupan manusia sejagat, malahan juga mewujudkan situasi dan tekanan yang berubah-ubah di mana manusia selaku pelaku dan penerima perubahan sejagat (global) ini, suka atau tidak pasti menghadapinya sebagai cabaran. Cara pemikiran dan gaya hidup yang berubah-ubah itu telah menjadi satu trend sosial masyarakat masa kini, di mana masyarakat lebih melandaskan tindak-tanduk mereka kepada logik akal sahaja tanpa banyak mengira nilai-nilai murni agama dan budaya. Sebagai contoh akhir-akhir ini, masyarakat kita sering berhadapan dengan pelbagai masalah gejala sosial, terutamanya di kalangan remaja dan belia, seperti masalah penagihan dadah, meminum arak, berpelesenan, berseronok berlebih-lebihan, mendedahkan aurat, lelaki memakai anting-anting, seks bebas, homoseksual, lesbian, pembuangan anak damit dan sebagainya berlaku dalam masyarakat kita.


Gejala ini sudah pasti akan menjejaskan kehidupan, merendahkan martabat diri dan masyarakat serta memberi gambaran buruk kepada rakyat dan negara. Sesungguhnya gejala sosial ini sudah pasti akan mengun-

dang kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala, kerana Allah Subhanahu Wata'ala telah memperingatkan agar jangan melakukan maksiat dan kerosakan, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al Qashash ayat 77, tafsirnya:

"Dan janganlah kamu melakukan kerosakan di muka bumi, sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala tidak suka kepada orang-orang yang melakukan kerosakan."

Di antara kemungkaran yang ketara meningkat pada masa kini ialah penyalahgunaan dadah dan seks bebas. Ini terbukti dengan meningkatnya statistik kelahiran anak luar nikah dari setahun ke setahun. Umpamanya tahun 2005 sahaja telah mencatatkan seramai 95 orang remaja berumur di bawah 18 tahun yang melahirkan anak luar nikah, berbanding pada tahun 2004 hanya seramai 35 orang. Apa yang menakutkan, dari jumlah itu seramai 92 orang adalah beragama Islam. Antara punca bertambahnya kelahiran anak luar nikah adalah disebabkan oleh pergaulan bebas

GEJALA SOSIAL JEJASKAN KEHIDUPAN MASYARAKAT, NEGARA



hingga melupakan hukum agama dan tatasusila.

Di antara punca lain lagi adalah terdapat pengaruh rakan sebaya, pengambilan dadah serta rasa ingin tahu dan ingin mencuba. Di samping itu, terdapat juga di kalangan ibu bapa yang memberi kebebasan sepenuhnya kepada anak-anak dan kurang memberi perhatian. Dalam hal ini, sepatutnya ibu bapa atau penjaga

hendaklah memata-matai dan mengawasi setiap gerak-geri dan tingkah laku anak-anak mereka agar tidak terjerumus ke dalam gejala sosial yang dinyatakan.

Sesungguhnya peranan ibu bapa amatlah besar dalam pendidikan akhlak dan tingkah laku anak-anak mereka dengan menerapkan ilmu agama dan sosial dari kecil lagi, kerana ibu bapalah yang

bertanggungjawab membentuk sakhshiah atau keperibadian anak-anak mereka. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah, maka kedua ibu bapalah yang menjadikannya Yahudi atau Nas-

SALAH satu cara untuk membentuk remaja dan belia agar mempunyai keimanan yang kukuh serta memiliki akhlak yang mulia adalah dengan menyediakan program-program belia yang berkebakikan supaya dapat para belia menyertainya.

rani atau Majusi." Riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

Salah satu cara untuk membentuk remaja dan belia agar mempunyai keimanan yang kukuh serta memiliki akhlak yang mulia adalah dengan menyediakan program-program belia yang berkebakikan supaya dapat para belia menyertainya. Umpamanya perkhemahan belia, rekreasi sambil belajar, forum belia, musabiqah tilawatil Qur'an belia, kelas urusan rumah tangga dan banyak lagi. Selain daripada itu, terdapat juga berbagai aktiviti dan program telah disediakan untuk remaja dan belia yang boleh diikuti di masjid-masjid seperti kelas-kelas Al-Qur'an dan muqaddam, kelas-kelas bimbingan, aktiviti riadah dan kesenian, aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan dan sebagainya.

Akhirnya marilah kita selaku ibu bapa, rakyat, ahli-ahli pertubuhan, jabatan-jabatan kerajaan dan swasta bersama-sama meningkatkan usaha dan berganding bahu dalam membanteras gejala sosial yang sedang berlaku di negara kita demi menya-

hut hasrat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Musabiqah Tilawah Al-Qur'an Belia Asia Tenggara pada 13 April 2007 yang menginginkan agar belia di negara ini menjadi satu masyarakat belia yang konsisten kepada amalan-amalan beragama, kepada budi pekerti yang mulia serta sentiasa memahami akan harga diri mereka selaku aset negara. Mudah-mudahan dengan demikian, rakyat dan negara kita kan selamat di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal'alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Anfaal ayat 25, tafsirnya:

"Dan jagalah diri kamu daripada seksa yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus tetapi akan menimpa kesemuanya. Dan ketahuilah bahawa Allah Subhanahu Wata'ala Maha Berat azab seksa-Nya."


DI ANTARA kemungkaran yang ketara meningkat pada masa kini ialah penyalahgunaan dadah dan seks bebas. Ini terbukti dengan meningkatnya statistik kelahiran anak luar nikah dari setahun ke setahun.

وقت سمبهيڠ، امساک، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمبهيڠ، امساک، شوروق دان ضحی باڳي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 5 جمادی الآخر، 1428 برسماءن دغن 20 جون، 2007 هيڠك كهاري ثلاث، 11 جمادی الآخر، 1428 برسماءن دغن 26 جون، 2007 اداله سفرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	غشاء	امساک	صبح	شوروق	ضحی	مسيحي
جمادی الآخر									جون
5	12.23	3.49	6.34	7.50	4.35	4.45	6.09	6.34	20
6	12.23	3.50	6.34	7.50	4.35	4.45	6.09	6.34	21
7	12.24	3.50	6.35	7.51	4.35	4.45	6.09	6.35	22
8	12.24	3.50	6.35	7.51	4.36	4.46	6.10	6.35	23
9	12.24	3.50	6.35	7.51	4.36	4.46	6.10	6.35	24
10	12.24	3.50	6.35	7.51	4.36	4.46	6.10	6.35	25
11	12.24	3.51	6.36	7.52	4.36	4.46	6.10	6.35	26

وقت ۲ سمبهيڠ باڳي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڠ فرض جمعة دسلوره نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تغهاري.



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Perempuan bergincu, adakah dilarang?

sunatkan berhias dan bercantik-cantik untuk suaminya sepanjang masa."

Dari penjelasan tersebut, maka tidaklah dilarang perempuan bersuami berinau bagi tujuan berhias dan bercantik-cantik untuk suaminya malahan ianya adalah sunat.

ii. Hukum Bergincu Bagi Perempuan Yang Tidak Mempunyai Suami

Adapun bagi perempuan bujang atau yang tidak bersuami adalah makruh berinau kerana ditakuti akan mendatangkan fitnah kepada dirinya atau kepada orang lain. Ini turut dijelaskan oleh Imam An-Nawawi Rahimahullah: "Jika seorang perempuan itu tidak mempunyai suami dan dia bukan hendak berihram, adalah makruh baginya berinau tanpa ada sebab keuzuran kerana ditakuti akan berlaku fitnah ke atasnya dengan sebab inai dan berlaku fitnah ke atas orang lain dengan sebab dia berinau itu."

Mengambil kira kehormatan berinau dan berhias sebagaimana yang telah dijelaskan, maka tidaklah dilarang perempuan bersuami memakai gincu bagi tujuan berhias dan bercantik-cantik untuk suaminya, selama mana gincu itu sendiri suci yakni bukan dari benda najis atau bercampur dengan bahan najis. Adapun perempuan yang bujang atau yang tidak bersuami adalah makruh memakai gincu kerana ditakuti boleh menimbulkan fitnah.

Tetapi hukum makruh akan bertukar menjadi haram bagi perempuan bujang atau yang tidak bersuami sekiranya dengan bergincu itu boleh menimbulkan fitnah, seperti boleh menarik perhatian kaum lelaki. Begitu juga bagi perempuan yang bersuami jika memakai gincu tanpa keizinan suami, hukumnya adalah haram.

PEREMPUAN BERHIAS SEHINGGA MENARIK PERHATIAN LELAKI

Islam melarang kaum perempuan melakukan apa jua perkara yang boleh menarik perhatian atau menimbulkan keghairahan kaum lelaki, seperti berhias dengan berlebihan, memakai wangi-wangian di hadapan lelaki asing, memakai pakaian yang kurang sopan dan memakai perhiasan yang tidak bersuami adalah makruh berinau bagi tujuan berhias dan bercantik-cantik untuk suaminya malahan ianya adalah sunat.

an yang boleh menarik perhatian kaum lelaki.

Di dalam Al-Qur'an, banyak disebutkan mengenai dengan larangan perempuan berhias sehingga menarik perhatian lelaki asing dan menimbulkan keghairahan mereka. Antaranya:

i. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman:

Tafsirnya: "Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka." (Surah An-Nuur: 31).

Menurut Imam Al-Qurthubi Rahimahullah, Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan kaum perempuan supaya tidak melihatkan perhiasan mereka kepada orang lain kecuali kepada mahramnya.

Terkucuali larangan tersebut pada perhiasan yang bukan pada anggota aurat iaitu pada wajah dan kedua tapak tangan. 'Aisyah Radiallahuanha menceritakan tentang kejadian di mana saudaranya Asma binti Abi Bakar Radiallahuanha pergi menemui Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan memakai pakaian yang tipis. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memalingkan wajahnya, lantas Baginda bersabda:

Maksudnya: "Wahai Asma', sesungguhnya apabila seorang perempuan sudah haid (baligh), tidak elok untuk dilihat daripadanya kecuali ini dan ini." Dan Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam mengisytiharkan kepada wajahnya dan kedua tapak tangannya. (Hadis riwayat Abu Daud).

ii. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman:

Tafsirnya: "Dan jangan mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka." (Surah An-Nuur: 31).

Ayat di atas jelas menunjukkan larangan menghentakkan kaki apabila berjalan dengan tujuan memperdengarkan bunyi gelang kakinya. Perempuan yang melakukan sedemikian dengan tujuan bermegah-megah dan mempamerkan kepada kaum

Bilangan 256

lelaki, maka hukumnya haram dan tercela.

Ibnu 'Abbas dan Qatadah Rahimahumallah mengatakan bahawa larangan tersebut adalah disebabkan kaum perempuan pada ketika itu apabila melintasi orang, mereka akan menghentakkan kaki supaya didengar bunyi perhiasan kaki itu. Dan telah maklum bahawa lelaki yang mudah terangsang dengan perempuan, apabila mendengar bunyi perhiasan itu, akan membuatnya semakin ingin untuk melihat perempuan tersebut. Maka berdasarkan ini, dilaranglah kaum perempuan melakukan perkara yang boleh menarik perhatian kaum lelaki sama ada untuk diketahui perhiasannya yang terdiri dari barang-barang kemas ataupun untuk tujuan yang lain.

PENUTUP

Keinginan naluri perempuan untuk berhias agar kelihatan cantik dan elok dipandang mata tidak pernah dihalang oleh Islam kerana ianya adalah agama yang selaras dengan fitrah manusia. Namun ini tidaklah bermakna seorang perempuan itu boleh berhias diri mengikut selera dengan mengeneikan apa yang telah dibataskan dan ditetapkan oleh syara'.

Bagi perempuan bersuami, Islam telah menetapkan supaya kecantikannya hanyalah dipamerkan untuk seorang lelaki yang menjadi pasangan hidupnya iaitu suami. Hikmah diharuskan bagi perempuan bersuami berhias adalah supaya dia sentiasa nampak menarik di mata suaminya dan sekali gus sebagai salah satu luahan perasaan daripada isteri itu bahawa dia menyayangi suaminya. Dengan demikian, ia akan lebih mengeras dan mengekalkan hubungan kasih sayang di antara suami isteri itu. Hubungan kasih sayang inilah antara matlamat syara' dalam hidup berumah tangga. Oleh itu, seorang perempuan yang betul-betul memahami matlamat tersebut akan berhias untuk suaminya ketika berada di rumah dan bukannya berhias apabila hendak keluar dari rumah.

Batasan berhias yang ditetapkan oleh syara' bukanlah sebagai satu penyekatan, tetapi sebagai pemelihara diri dan kemurnian akhlak seperti mengelak diri dari fitnah atau gangguan lelaki asing, menjauhkan diri dari sifat berlebih-lebihan atau bermegah-megahan dan sebagainya.

WALLAHU'ALAM

AGAMA Islam merupakan agama yang membentuk umat ke arah kehidupan yang terjamin di dunia dan di akhirat. Kehidupan yang diatur oleh agama Islam adalah sesuai dengan fitrah semula jadi manusia dan seimbang dengan perkembangan zaman.

Lahirnya pendidikan bermula dari Nabi Adam Alaihissalam kemudian diikuti oleh nabi-nabi dan rasul-rasul yang lain sampailah kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Falsafah pendidikan bagi umat Islam telah wujud sejak kelahiran agama Islam. Oleh itu pendidikan agama Islam adalah sumber kebudayaan hidup yang lengkap dan jelas, sesuai dengan tujuan hidup yang sebenarnya bagi manusia iaitu membawa kepada kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Pendidikan Islam adalah satu usaha untuk menyampaikan ilmu, ke-

mahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bagi membentuk sikap, kemahiran keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun masyarakat dan negara.

Tujuan pendidikan Islam adalah selaras dengan tujuan kita hidup iaitu untuk melakukan sesuatu yang baik dan berguna dengan jalan memperhambakan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman-Nya dalam Surah Adz-Dzaariyaat ayat 56 yang tafsirnya:

Pendekatan asas bagi pendidikan kanak-kanak

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلولان قوسه دعوه اسلاميه

"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku."

Oleh itu sebagai seorang hamba Allah mestilah mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup serta beramal soleh. Di samping itu, pendidikan Islam juga bertujuan untuk memimpin anak-anak supaya tetap pada kejadiannya iaitu menghambakan diri kepada Allah bukan

menjadi hamba nafsu dan kebendaan. Pendidikan Islam membimbing anak-anak agar bertanggungjawab kepada Allah, agama, bangsa dan negara dan dalam erti kata lain, membimbing manusia menuju kesempurnaan 'Insan Kamil' yang dapat menciptakan kehidupan bermasyarakat yang aman damai dan bahagia.

Tujuan utama pendidikan Islam ialah membentuk akhlak dan budi pe-

kerti yang boleh menghasilkan manusia yang berakhlak mulia, bersopan santun dalam berkata-kata dan perbuatan, mulia dalam tingkah laku dan perangai, bersifat bijaksana, sempurna, sopan dan beradab, ikhlas, jujur, berjiwa bersih, tahu erti kewajipan dan pelaksanaannya, menghormati hak-hak manusia, tahu membezakan yang baik dan yang buruk, menjauhi perbuatan yang tercela dan sentiasa mengingati Allah dalam setiap pekerjaan dan perbuatan yang dilakukan.

Selaku seorang Muslim tentulah akhlak yang mulia, adab kesopanan dan tingkah laku yang luhur seperti yang dicontohkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu

Alaihi Wasallam menjadi pedoman dan garis panduan untuk diamalkan dalam kehidupan sehari-hari.

Kebaikan akhlak itu tidak dapat diperolehi jika seorang anak itu tidak dididik atau dilatih oleh ibu bapanya, oleh itu kedua ibu bapa hendaklah sentiasa menunjukkan keperibadian yang mulia supaya dapat dicontohi dan dijadikan cermin oleh anak-anaknya.

Al-Imam At-Tirmizi meriwayatkan daripada 'Amru Ibn Sa'id bin Al-'Asi, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Tiada seorang ayah yang memberikan anaknya suatu pemberian lebih baik

daripada adab yang mulia."

Menurut ahli pendidikan Islam, bahawa pembentukan tingkah laku yang baik hendaklah dilakukan sejak kecil lagi, seperti membiasakannya supaya jangan berdusta, bersumpah dan memaki. Biasakan mereka supaya mentaati ibu bapanya dan sebagainya. Selain daripada itu, mendidik anak-anak tidak hanya memerlukan ilmu pengetahuan semata-mata tetapi memerlukan penerapan, pengalaman dan pelaksanaan lebih banyak akhlak yang mulia dan adab kesopanan yang tinggi dalam kehidupan seharian.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Jangan lupakan jasa bakti warga emas

SIAPAKAH dia warga emas? Warga emas adalah golongan yang berumur 60 tahun ke atas. Kebanyakan mereka ini sudah bersara dari perkhidmatan kerajaan dan sebilangan kecil tiada mempunyai pekerjaan langsung. Jika adapun mereka hanya bekerja sebagai pekebun, peladang atau penternak di kampung.

Warga emas perlu diberi perhatian sepenuhnya oleh

insan yang bergelar manusia seperti anak kandung, saudara-mara dan jiran tetangga. Mereka inilah yang akan memeduli, menjaga, mengasuh dan memelihara serta prihatin akan diri setiap warga emas. Beberapa perkara yang penting perlu diambil kira misalnya makan minum, tempat tinggal, kesihatan, sosial, kewangan dan keselamatan diri individu setiap insan warga emas itu.

Dari aspek makan minum mereka, jangan kita sesekali mengabaikannya sehingga mengakibatkan mereka jatuh sakit kerana lapar dan dahaga. Oleh itu, kita haruslah menyediakan makanan dan minuman yang mencukupi dari segala elemen-elemen yang penting dalam tubuh badan. Seperti vitamin, karbohidrat, kalsium dan sebagainya. Kesannya mereka akan mendapat kesihatan tubuh badan yang kekal dan baik.

Tidak kurang juga pentingnya untuk kita menyediakan tempat tinggal yang selesa buat mereka. Itu bukan bermakna rumah besar dapat memberi keselesaan sepenuhnya. Akan tetapi kesederhanaan dan yang paling penting tidak berlaku pembaziran. Bermula dari situ, kesihatan mereka akan lebih terjamin. Penjagaan kesihatan akan lebih teratur dan terurus. Sudah menjadi tanggungjawab kita untuk menghan-

tar mereka ke klinik atau hospital untuk mendapatkan pemeriksaan serta rawatan yang bersesuaian jika perlu.

Sewaktu kita kecil, mereka inilah yang mencurahkan kasih sayang kepada kita. Apabila, usia mereka sudah lanjut, mereka pula mendambakan kasih sayang dari kita. Kasih sayang tidak boleh dijual beli. Hanya orang terdekat saja mampu menggembirakan hati mereka. Jika tiada

orang di sisi mereka, kehidupan akan menjadi sepi, sunyi dan sedih. Pergaulan yang erat mampu menceriakan mereka di waktu usia sebegini.

Kesimpulannya, warga emas sangat perlu diberi perhatian. Kebanyakan warga emas sudah tidak berdaya dan tidak mampu melakukan aktiviti-aktiviti harian. Oleh itu agensi-agensi kerajaan atau swasta hendaklah sama-

sama menggembirakan tenaga untuk menyalurkan bantuan kepada warga emas yang memerlukan. Mereka juga memainkan peranan penting dalam memberi perhatian kepada warga emas.

Mohammed Sabri bin Sulaiman,
No. 3, Simpang 70-112,
Kampong Batong,
BH 2923.
No. k/p : 00-308726.

Hargai sumbangan warga emas

WARGA emas merupakan sebuah kumpulan yang terdiri daripada golongan orang-orang veteran seperti ibu bapa, datuk ataupun nenek yang sudah pun bersara. Tidak kiralah golongan-golongan itu masih produktif ataupun tidak. Warga emas inilah golongan yang seharusnya kita berikan layanan yang khusus bagi menghargai jasa-jasa dan pengorbanan mereka terhadap kita apa lagi mereka itu terdiri dari ibu bapa kita sendiri. Dengan cara itu mungkin sedikit sebanyak akan memberikan kesan positif kepada diri kita dan juga warga emas itu sendiri.

Apa yang perlu kita tekankan di sini, perlunya ada pelbagai inisiatif yang dilakukan seperti mana langkah yang telah kerajaan

melaksanakan agar warga emas itu tidak akan terus terpinggir. Contoh paling tepat iaitu kerajaan melalui Akta Pencen Umur Tua dan Kurang Upaya telah menetapkan warga emas ini berhak menerima wang sara hidup mereka secara bulanan. Langkah seperti ini sememangnya sangat relevan memandangkan warga emas perlu diberikan layanan khusus bukan sahaja dari keluarga warga emas perlu diberikan tetapi juga dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang bijaksana.

Kita sebagai generasi penyambung jangan hanya duduk diam tanpa memberikan bantuan yang sewajarnya kepada warga emas khususnya mereka yang

terdiri daripada ibu bapa kita sendiri. Kita seharusnya menanamkan semangat jati diri yang kuat bagi membela nasib-nasib warga emas. Jangan biarkan mereka merasakan diri mereka seperti dipinggirkan. Jadikanlah sebagai warga emas yang produktif dengan menyarankan mereka agar melibatkan diri mereka dalam apa jua aktiviti-aktiviti yang berfaedah.

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kini telah pun melaksanakan pelbagai program khusus untuk warga emas mengikut berbagai-bagai aktiviti, umpamanya kempen keluarga bahagia, kelas ceramah agama dan projek keluarga dalam memeduli warga-warga emas.

Dengan demikian warga emas tidak lagi

menghabiskan sisa-sisa usia mereka hanya dengan duduk diam di rumah sahaja dan menerima wang pencen setiap bulan tetapi mereka akan menjadi warga emas yang produktif.

Kesimpulannya, warga emas perlu diberi perhatian tidak kiralah mereka itu tidak terdiri daripada ahli keluarga kita sendiri ataupun tidak. Tanamkan pada diri kita semangat sukarelawan dengan membantu apa sahaja kesulitan yang mereka hadapi. Kalau lebih disenangi lagi, jadikanlah

diri kita sebagai teman paling rapat kepada mereka agar warga emas itu sendiri akan merasakan diri mereka sangat dihargai malah sumbangan warga emas yang produktif pada negara akan menjadi kebanggaan walaupun cuma sedikit.

Siti Jalia binti Haji Dullah,
No. 26 Simpang 59,
Jalan 'A', Kampong
Perpindahan Mentiri,
Jalan Kota Batu,
BU 2129.
No. k/p : 00-263451.

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Berilah Perhatian Kepada Warga Emas'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Keharmonian Berkeluarga Perlu Dikekalkan'. Tarikh tutup 27 Jun 2007.
2. 'Adat Istiadat Brunei Perlu Dikekalkan'. Tarikh tutup 4 Julai 2007.
3. 'Memberigakan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM'. Tarikh tutup 11 Julai 2007.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam,
jaafar.ibrahim @ information.gov.bn.
e-mel: pelita@brunet.bn

Menjadi agenda dan wawasan hidup

SALAH satu golongan masyarakat yang sangat berharga dan dihormati ialah warga emas iaitu orang-orang tua yang telah lanjut usia. Ini bukan saja kerana mereka itu bergelar sebagai 'indung', berpangkat ayah ibu atau datuk nenek kepada kita, bahkan bagi mengenang segala jasa bakti dan pengorbanan mereka. Tanpa mereka, kita mungkin saja tidak lahir ke dunia ini dan menyaksikan keindahan ini. Justeru perhatian dan pemedulian terhadap warga emas sepatutnya menjadi agenda dan wawasan hidup kita, selain menyahut saranan agama yang sememangnya mengambil berat tentang kesejahteraan hidup mereka.

Perhatian yang utama pastinya mengenai hal ehwal kebajikan dan keperluan asasi mereka. Ini termasuklah tentang makan minum, pakaian, tempat tinggal dan berlindung, keperluan perbelanjaan mereka, selain kasih sayang, kemesraan dan pemedulian dalam memenuhi cita rasa dan keinginan mereka. Dengan kelanjutan usia yang membawa kepada perubahan emosi dan kesihatan mereka, perhatian pastinya perlu dilipatgandakan terutama dalam memeduli kerehnan dan tabiat mereka yang mungkin di luar kawalan mereka, selain menyediakan tempat

yang dapat memberikan mereka suasana kedamaian, keselamatan dan keselesaan.

Pengisian masa mereka juga perlu dipelbagai dengan aktiviti-aktiviti bersama ahli keluarga dan kemasyarakatan, selain masa yang diperuntukkan untuk beramal ibadah dan meniti hari-hari dan sisa-sisa usia tua mereka.

Kewajaran memberi perhatian kepada warga emas memang tidak dapat disangkal lagi dengan anjuran agama Islam yang memuliakan orang tua terutama kerana mereka sebagai ibu bapa. Ini kerana kedudukan berbuat baik dan ketaatan terhadap orang tua diletakkan sejajar dengan berbuat baik dan ketaatan kepada Allah dan Rasulullah. Di mana reda Allah juga bergantung kepada keredaan mereka. Apa yang dapat dilaksanakan pastinya anjuran mendoakan kesejahteraan, keampunan dan kerahmatan Allah terhadap mereka, sama ada mereka itu masih hidup atau telah kembali ke rahmatullah. Perhatian juga diberikan kepada warga emas kerana mereka mampu bertindak sebagai tempat merujuk segala

masalah dan memohon nasihat tentang hidup dan kehidupan. Menyedari keutamaan mereka sebagai orang yang digalati di kalangan sesebuah keluarga, mereka umpama Al-Qur'an buruk yang tetap dihormati dan disanjung.

Keperluan memberi perhatian kepada warga emas adalah kerana kita selama ini telah banyak menyaksikan pengorbanan mereka dalam pelbagai aspek. Dari asuhan dan didikan mereka, kita hari ini beroleh pelajaran dan pendidikan, kita juga telah beroleh jaminan kejayaan dan kemakmuran untuk kesinambungan kehidupan kita dan mereka dalam meniti hari-hari tua. Tinggal lagi, usaha membalas jasa bakti mereka perlu diambil kira, selain terus memuliakan dan memelihara mereka, bukan saja kerana menyahut tanggungjawab, bahkan demi kepentingan institusi keluarga, bangsa, masyarakat, agama dan negara.

Sewajarnya, kita tidak melupakan mereka dengan menyambut hari-hari tertentu seperti warga emas khusus mengenang jasa bakti dan pengor-

banan yang telah mereka berikan.

Sememangnya perhatian dan pemedulian terhadap warga emas merupakan satu kewajipan yang tidak boleh diabaikan, yang akan menjadikan kita sebagai orang-orang yang mengenang budi, yang akan menjadikan harapan dan dapat diharap di sepanjang zaman.

Warga emas tanpa mereka, hidup kita mungkin menjadi sia-sia kerana restu dan reda mereka akan menjadi sebahagian keberkatan dan kerahmatan Allah terhadap kita sebagai anak, cucu cicit dan penerus generasi akan datang.

Justeru, mari kita segera berbakti, selagi mereka masih ada dan selagi kita masih bersama mereka kerana mereka akan tetap menjadi purih pancir dan kesinambungan kehidupan kita sehingga ke hari ini dan di masa akan datang.

Abdul Manap bin Haji Abdullah,
No. 21 G, Kampong Burong Pingai Ayer,
BM 1126.
No. k/p : 00-058132.



SEBAHAGIAN pasangan suami isteri gembira menimang cahaya mata yang dilahirkan pada tanggal 31 Mei lepas sempena Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). - Foto : Pg. Ibtisam Pg. Haji Hidup.

Seramai 19 orang anak lahir pada 31 Mei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Jun. - Seramai 19 pasangan suami isteri merasa kegirangan dan gembira apabila dapat menimang cahaya mata yang baru dilahirkan, apatah lagi kelahiran tersebut bertepatan dengan detik bersejarah di negara ini.

Cahaya mata yang lahir pada tanggal 31 Mei adalah bersamaan dengan tanggal para anggota tentera menyambut Hari Ulang Tahun

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan tahun ini merupakan ulang tahun ke-46.

Selubungan dengan 19 kelahiran anak damit yang lahir di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) itu, satu majlis sumbangan cenderamata telah diadakan di sini yang dikendalikan oleh Kement-

rian Pertahanan.

Hadir menyempurnakan hadiah-hadiah tersebut ialah isteri Pemerintah ABDB, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili.

Dari jumlah kelahiran tersebut seramai 12 orang anak damit berkenaan adalah perempuan dan selebihnya anak lelaki.

REMAJA

Jangan bersedih ...

OLEH : H. A. MANAP

SUDAH menjadi resam dalam kehidupan kita bahawa satu waktu atau ketika kita akan berdepan dengan kekecewaan. Satu pengalaman yang agak sukar untuk kita hindari hingga sekecil-kecil kecewa ia tetap mengundang duka dan rasa kesedihan. Namun perlukah kita mengalah kepada kekecewaan atau kita membiarkan kekecewaan terus mencengkam kehidupan. Banyak sebab kenapa kita jadi kecewa, tidak kiralah sama ada ia menyengat soal kasih, cita-cita tidak kesampaian, kehilangan orang yang disayangi dan bermacam-macam lagi menjadi punca penyebab kita kecewa. Patah dan musnahkah sudah segalanya jika kita dilanda kecewa? Ini persoalan yang hanya dapat ditentukan oleh mereka yang kecewa. Kita menentukan segalanya sama ada kita mahu bangkit dari rasa kecewa atau terus merana. Kekecewaan bagi belia remaja adalah merupakan suatu hal yang terlalu kuat menghimpit diri, perasaan dan kehidupannya. Kalau sudah kecewa bagaimana tidak ada jalan lain untuk bangkit dari kekecewaan.

SAIZ KEKECEWAAN

Belia remaja tidak perlu merasa tewas bila berdepan dengan kekecewaan. Kerana ia hanyalah merupakan sebahagian dari asam garam kehidupan, yang semua kita akan mengahaminya. Persoalan saiz kekecewaan itu tidaklah sama cuma cara dan kaedah lari darinya mungkin seakan-akan sama jalannya. Iaitu bangkit dari kekecewaan. Katakan dalam keadaan kemelut yang ada sekarang kita kecewa kerana belum memiliki pekerjaan. Apakah ini bermakna kita perlu berpeluk tubuh untuk tidak secara proaktif menanganinya. Tentunya jalan terbentang luas untuk dilalui, fikiran perlu digembleng untuk menjadi lebih kreatif agar pekerjaan boleh kita wujudkan sendiri.

Bagaimana ini boleh terjadi sedangkan lain perkara masih tercari-cari ke manakah arah dan hala tuju jika tidak memiliki pekerjaan dan ingin memiliki memang sesuatu yang sangat abstrak nilainya. Nyata ini bukan suatu yang diundang dengan sengaja akan tetapi sebaliknya ia berlaku di atas kehalusan perasaan dan keinginan untuk memiliki. Justeru kita perlu kepada pendirian hidup yang ideal dan terarah. Maknanya kita perlu kepada pendirian yang kukuh tidak rapuh dan tidak mudah untuk dipengaruhi. Cuba bayangkan kalau kita tidak mampu memiliki ciri sedemikian, bagaimanakah orang lain akan melihat kepada kita. Ada orang mengeluh merasakan kehidupan ini terasa begitu sukar dan menyakitkan baginya. Ia tidak tahu bagaimana mengahaminya dan hampir menyerah kalah dalam mengharungi kehidupan. Kemampuan untuk menghadapi ujian dan cabaran mendatang terlalu letih untuk ditangani. Masalah terus datang melanda, meskipun baru selesai satu masalah datang lagi masalah yang baru. Keadaan ini terlalu menekan kehidupan. Akan tetapi apakah kerananya kita perlu mengalah, sedang apa pun yang kita hadapi kehi-

dupan mesti diteruskan. Hujan lebat pastikan berhenti, lautan bergelora pasti akan kembali tenang, malam pasti akan ada siangnya begitulah seterusnya. Persoalannya ialah pendirian kita ke mana mahu dihalakan.

PENDIRIAN KITA BAGAIMANA CARANYA?

Ramai remaja tahu apa yang perlu dilakukan, tetapi terlalu sedikit yang melakukan apa yang mereka tahu. Cuba kita renungkan dan teliti bersama-sama keadaan ini. Lobak, telur dan kopi jika kita masukkan ke dalam periuk yang berlainan dan dimasak sehingga mendidih akan menghasilkan suatu hakikat yang berbeza dari asalnya. Apakah yang terjadi untuk kita jadikan iktibar dan pengajaran darinya. Cubalah setelah mendidih ketiga-tiganya kita sisihkan dan simpanlah telur di dalam mangkuk, lobak di mangkuk yang lain dan kopi dituangkan di mangkuk yang lain, apakah yang akan dapat kita lihat. Hasilnya lobak yang masak jika dirasa akan menghasilkan rasa yang enak dan sedap dimakan, telur yang sudah direbus pula akan bertukar menjadi isi yang keras berbanding sebelumnya ia merupakan cairan sahaja, kopi pula jika dirasakan dibubuh dengan aromanya yang khas menghasilkan rasa yang sedap.

Ketiga-tiganya menghasilkan senario yang berbeza berbanding sebelumnya yang juga kurang mendatangkan manfaat jika mahu digunakan. Timbul persoalan apakah ertinya semua ini? Sebenarnya ketiga-tiganya telah melalui satu proses yang agak sulit iaitu direbus dalam suhu kepanasan yang agak tinggi. Meskipun ketiga-tiganya melalui proses sedemikian hasilnya juga memperlihatkan reaksi yang berbeza. Lobak sebelum direbus kuat, keras dan sukar dipatahkan. Tetapi setelah direbus, lobak menjadi lembut dan lunak. Telur sebelumnya mudah pecah. Cangkerang tipisnya melindungi isinya yang berupa cairan. Tetapi setelah direbus, isinya menjadi keras. Serbuk kopi mengalami perubahan yang unik. Setelah berada di dalam rebusan air, serbuk kopi merubah air tersebut. Jika kita mahu menghubungkannya dengan pendirian dan sikap kita di manakah kita di antara yang tiga ini.

Pengajaran yang boleh kita ambil ialah air panas yang mendidih itu adalah umpama kesukaran dan

cabaran yang melanda. Ia juga merupakan dugaan yang bakal kita lalui. Jika kesukaran dan kesulitan yang mendatangi kita, bagaimanakah kita untuk mengahaminya? Apakah kita akan seperti rasmi lobak, telur ataupun kopi? Bagaimana dengan kita? Persoalan ini amat berharga untuk kita santuni, apakah kita adalah lobak yang kelihatannya keras, tapi dengan adanya penderitaan dan kesulitan, kita menyerah, menjadi lembut dan kehilangan kekuatan. Atau ... Apakah kita akan mengikut rasmi telur, yang awalnya memiliki hati lembut, dengan jiwa yang dinamik? Namun setelah adanya penderitaan misalnya kematian, patah hati atau kegagalan kita menjadi keras dan kaku. Meskipun hakikat dari luarnya kelihatan sama, kita menjadi pahit dan keras dengan jiwa dan hati yang kaku?

Ataukah kita mengikut rasmi serbuk kopi? Serbuk kopi merubah air panas, sesuatu yang menimbulkan kesakitan, untuk mencapai rasanya yang maksimal pada suhu 100 darjah Celcius. Ketika air mencapai suhu terpanas, kopi terasa semakin nikmat. Jika kita seperti serbuk kopi, ketika keadaan menjadi semakin buruk, kita akan menjadi semakin baik dan membuat keadaan di sekitar kita juga menjadi semakin baik. Ketiga-tiganya memberi pengajaran yang berbeza akan tetapi membawa makna yang besar untuk menentukan bagaimana pendirian kita perlu dibentuk.

LALUAN KITA

Renungkanlah bahawa semuanya yang kita lalui tidak akan selamanya dapat kita kecap. Kerana itu kita perlu bijak dalam menentukan arah mana tujuan terbaik untuk menjamin kehidupan yang baik dan sempurna untuk dunia dan akhirat nanti. Usia muda hanya datang sekali dan tua adalah usia terakhir untuk dilalui. Mereka yang bijak menguruskan kehidupan di waktu muda belia akan senang di hari tuanya, sebaliknya yang lalai akan terhantuk di waktu tuanya. Kita perlu berani mempertahankan kepercayaan diri dengan pendirian yang positif dan membina. Meskipun perubahan demi perubahan kehidupan menawarkan banyak pembaharuan yang tidak semestinya pembaharuan itu merupakan nati-jah yang positif. Kelalaian adalah suatu yang amat bahaya dan merugikan dalam kehidupan. Pembaharuan boleh membawa kebaikan jika hal sedemikian itu sendiri berunsurkan kepada sesuatu yang boleh merangsang kejayaan individu. Perubahan adalah merupakan suatu yang baik dilakukan kerana ia boleh membawa seseorang itu untuk gigih dan

giat berusaha. Akan tetapi unsur perubahan mestilah merupakan sesuatu yang baik dan positif untuk dilakukan bukannya merupakan sesuatu yang boleh memusnahkan kehidupan seseorang.

Misalnya dalam era yang ada sekarang ada baiknya juga kalau kalangan remaja kita dicabar untuk mencipta kecemerlangan hidup, kejayaan tinggi di bidang pendidikan, dicabar mencipta kemahiran yang gemilang dan bermacam lagi yang boleh merangsang ke arah masyarakat gemilang. Generasi muda belia dan remaja khususnya tidak boleh membiarkan waktu umur sebegini berlalu dengan begitu sahaja. Kita perlu bijak dan pandai menerajui. Pengaruh dan cabaran baru tidak akan berhenti dari menghantui kehidupan para remaja belia khususnya. Sasaran ini pun tidak akan pernah dialihkan, lantaran ada ruang yang terbentang luas yang boleh diterobosi oleh ancaman dan cabaran baru ini. Tidak hairan kalau gejala sosial kini sudah semakin parah kita hadapi.

Pelbagai perkara negatif kini bukan lagi menjadi isu kecil malahan ia menjadi isu yang boleh melemahkan usaha kemajuan yang sedang rancak berjalan. Kita yakin semua ini tidak mungkin akan berlaku, andainya mereka yang menjadi pemainnya mampu memahami akan tahap dan juga keupayaan kita mendepani suasana perubahan masa kini.

KITA BERUNTUNG

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana di negara kita kini, segala kemudahan untuk mencapai kejayaan dalam apa juga bidang yang kita ceburi, sudah ada. Malah, negara kita sudah hampir menjadi negara yang setaraf dengan mana-mana negara maju di dunia ini. Oleh itu, kita tidak boleh lagi gunakan alasan seperti 'tidak ada ini', 'tidak ada itu' dan sebagainya. Kita sudah berada di arus dunia terkini. Tepuklah dada, tanyalah selera. Kita tidak harus menyalahkan keadaan atau orang lain sebagai alasan terhadap kelemahan diri sendiri. Terpujilah kepada kita untuk mengubah keadaan kita sendiri. Gunakanlah segala sumber yang ada dengan bijak. Tidak ada sesiapa yang boleh menghalang kita. Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan mengubah nasib kita kalau kita tidak mengubah nasib kita sendiri. Kalau kita mahu berubah, Allah tetap pengasih dan adil sekali. Percayalah pada potensi kemampuan diri sendiri yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Berkuasa. Gunakan segala sumber yang ada dengan sebaik-baiknya.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar 778 keluaran 6 Jun 2007, ialah :

Taman Rekreasi Bukit Shahbandar di Daerah Brunei dan Muara.

ALAI PINTAR



BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 780

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruang Alai Pintar, 780,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR 780

1. Apakah nama Alat Kebesaran dan Perhiasan Diraja ini?

Pemenang bagi Soalan Alai Pintar 778 keluaran 6 Jun 2007

Nurnazihah binti Nordin,
Sekolah Rendah Sultan Omar 'Ali
Saifuddin.
Umur : 9 tahun

Md. Mursyid Mu'azzam bin Musa,
Sekolah Al-Falaah.
Umur : 6 tahun

Norhaziqah binti Haji Zamri,
Sekolah Rendah Mata-Mata Gadong.
Umur : 10 tahun



AJI Muliani adalah seorang lelaki yang gagah dan tabah dalam menempuhi rintangan hidupnya. Setiap dugaan dan rintangan hidup dilaluinya dengan hati yang penuh reda dan tenang, kerana baginya apa yang berlaku itu sebenarnya mempunyai hikmah yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Haji Muliani adalah seorang pesara namun ramai yang tidak menyangka yang umurnya sudah menjangkau 60 tahun. Di kalangan teman-temannya beliau terkenal dengan keramahan dan kebajikan yang suka menolong orang yang di dalam kesusahan serta selalu menceriaikan suasana pertemuan mereka.

Namun di sebalik keceriaan dan kegembiraan yang ditunjukkannya itu sebenarnya jauh lebih berbeza dengan apa yang dialaminya serta dirasakannya dalam meniti kehidupan seharian. Beliau memang bijak menyembunyikan kedukaannya daripada diketahui oleh orang lain.

Namun sependai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah jua, demikian pepatah Melayu mengatakan. Rahsia yang disimpannya itu akhirnya diketahui juga oleh anak lakiknya yang ketiga bernama Haji Syukran.

Haji Syukran tidaklah begitu rapat dengan ayahnya berbanding saudaranya yang lain, tetapi beliau lebih banyak memerhatikan gerak geri dan tingkah laku serta lebih memahami hati budi ayahnya secara diam-diam.

Bukankah Haji Muliani membezakan kasih sayangnya terhadap anak-anaknya tetapi entah bagaimana perasaan yang lebih cenderung kepada anaknya yang lain kerana begitu kerap mengunjunginya. Sehingga Haji Syukran merasa tersingkir dan tak ada tempat lagi di sisi ayah dan ibunya, tetapi Haji Syukran dan isterinya tetap bersabar dan terus mengasahi ayah dan ibu mereka.

Tetapi sejak lima tahun ini, Haji Muliani merasa tertekan dan terkilang dengan tingkah laku dan layanan isteri serta anak-anaknya yang mula berubah serta acuh tak acuh terhadapnya. Ingin saja di luahkan rasa hatinya yang hancur berderai itu kepada anak-anak dan isterinya, namun bila difikirkannya balik akibat dari apa yang akan diperkatakannya nanti, beliau membatalkan saja niatnya itu. Kerana pada pendapatnya yang berfikir tua itu, jika ambilan anak-anak dan isterinya, namun bila difikirkannya balik akibat dari apa yang akan diperkatakannya nanti, beliau membatalkan saja niatnya itu.

- Borang SPA1 dan SPA2 boleh didapati di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.
- Semua kelulusan, sijil-sijil kecakapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil Kerajaan).
- Pegawai-Pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-
a. Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
b. Tahap Penilaian Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (borang Penilaian Prestasi tidak perlu disertakan);
c. Rekod Perkhidmatan.
- Tahap penilaian prestasi pegawai-pegawai Kerajaan sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
- 4 Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh dua (2) tahun berturut-turut.
- Pemohonan yang diterima lewat daripada 11 JULAI 2007 tidak dilayan.
- Tugas dan tanggungjawab jawatan boleh diperolehi daripada Kementerian/Jabatan di mana terdapat kekosongan jawatan tersebut atau di tempat menghantar borang permohonan.
- Pemohon juga boleh mendapatkan maklumat seperti syarat kelayakan serta tugas dan tanggungjawab jawatan di papan kenyataan Tingkat I, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang mana maklumat-maklumat ini dipaparkan lebih awal dari keluaran Pelita Brunei atau dengan melayari laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Iklan Jawatan Kosong) seperti di bawah:

Website: <http://www.spa.gov.bn/>

- Maklumat mengenai iklan-iklan jawatan kosong serta borang-borang permohonan juga boleh diperolehi di Pejabat-Pejabat Kerajaan dan pusat awam seperti berikut:-
* Pejabat Daerah Belait;
* Pejabat Daerah Temburong;
* Pejabat Daerah Tutong;
* Pusat Sumber Kerjaya Kementerian Pendidikan, Tingkat I di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah Bandar Seri Begawan;
* Jabatan Buruh, Bhg. Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan, Tingkat 4, Jalan Menteri Besar.



IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 38 (a) DAN PERATURAN 38 (b) DARIPADA PERATURAN-PERATURAN
PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT),
AKTA SURUHAJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

**IKLAN ADALAH KHUSUS BAGI PEMOHON DARI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DALAM
PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PERATURAN 38 (a)

A) IKLAN MENURUT PERATURAN 38 (a) IAITU KHUSUS BAGI PEMOHON DARI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SAHAJA.

Syarat-Syarat Am :

- Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.
- Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan keramian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Brunei Darussalam.
- Cara permohonan - Rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

**A1. PENGURUS SISTEM
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
KUMPULAN 2 (\$5,4000 SEBULAN) ATAU
KUMPULAN 3 (\$4,750 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI KUMPULAN 2:

- Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Komputer / Sistem Maklumat / Kejuruteraan Elektronik atau bidang berkaitan dengan hal ehwal Komputer. Kelulusan lebih tinggi dalam bidang sama adalah kelebihan.
- Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pengurus Sistem dalam tanggagaji Kumpulan 3 tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Penganalisa Sistem Kanan dalam tanggagaji B.3 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI KUMPULAN 3:

- Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Komputer / Sistem Maklumat / Kejuruteraan Elektronik atau bidang berkaitan dengan hal ehwal Komputer. Kelulusan lebih tinggi dalam bidang sama adalah kelebihan.
- Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Penganalisa Sistem Kanan dalam tanggagaji B.3 tidak kurang dari 4 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- Hendaklah terlebih dahulu menyediakan dua (2) kertas kerja yang asli (original) yang memuatkan pihak panel penilaian, berkaitan dengan tugas pegawai tersebut, dalam dua (2) daripada bidang-bidang berikut satu penilaian kenaikan pangkat:
 - Kertas Pembaharuan Perkhidmatan Awam
 - Kertas Kedudukan Pendirian Negara bagi mesyuarat di luar negeri
 - Kertas Penggubalan / Penelitian Dasar
 - Laporan Tahunan Jabatan
 - Penyediaan Peruntukan Jabatan
 - Kertas Kerja yang berkaitan dengan bidang tugas masing-masing
 Kertas kerja yang telah disediakan hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan masing-masing sebelum dihadapkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.
- Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam:
 - Peperiksaan Jabatan (jika ada)
 - Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan
 - Peraturan-Peraturan Kewangan.

**A2. TIMBALAN PENGAWAL STOR
JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN STOR NEGARA,
KEMENTERIAN KEWANGAN
KUMPULAN 3 (\$4,750 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perdagangan / Perniagaan / Perbankan / Ekonomi / Perakaunan / Kewangan / Perbekalan atau Teknologi Infokomunikasi, atau kelulusan Professional seperti Chartered Institute Purchasing And Supply / Institute of Chartered Accountants and Institute of Chartered Secretaries. Kelulusan lebih tinggi dalam bidang sama adalah kelebihan.
- Berkhidmat di Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.3 tidak kurang dari 4 tahun. ATAU
- Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.3 tidak kurang dari 5 tahun.
- Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan tulisan dengan baik merupakan keutamaan.
- Mempunyai pengalaman praktikal dalam :
 - mengetuai Bahagian Perkhidmatan - Perkhidmatan Stor.
 - Pengurusan Perkhidmatan-Perkhidmatan Stor, Pembelian dan Perbekalan barangan.
 - dasar dan peraturan Kerajaan dalam bidang pejabat, kakitangan, kewangan dan stor.
- Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam:
 - Peperiksaan Jabatan (jika ada)
 - Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan
 - Peraturan-Peraturan Kewangan.

**A3. PEGAWAI JURURAWAT KANAN
(PENDIDIKAN PERBIDANAN)
MAKTAB JURURAWAT PENGIRAN ANAK PUTERI
RASHIDAH SA'ADATUL BOLKIAH
JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
M.12 (\$2,840-\$3,700 SEBULAN) ATAU
M.13-14 EB.15 (\$2,300-\$4,220 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- Sijil Jururawat Am dan berdaftar sebagai "State Registered Nurse" dari Lembaga Kejururawatan Brunei (Brunei Nursing Board) atau Badan Professional yang diiktiraf.
- Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pendidikan Perbidanan atau bidang berkaitan, atau kelulusan sebanding dalam bidang yang sama.
- Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Jururawat (Pendidikan) atau jawatan sebanding tidak kurang dari 5 tahun. ATAU
- Sijil Jururawat Am dan berdaftar sebagai "State Registered Nurse" dari Lembaga Kejururawatan Brunei (Brunei Nursing Board) atau Badan Professional yang diiktiraf.
- Diploma lanjutan dalam bidang Pentadbiran Kejururawatan atau bidang berkaitan.
- Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Jururawat (Pendidikan) atau jawatan sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

**A4. PEGAWAI JURURAWAT KANAN
(PENDIDIKAN PERUBATAN)
MAKTAB JURURAWAT PENGIRAN ANAK PUTERI
RASHIDAH SA'ADATUL BOLKIAH
JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
M.12 (\$2,840-\$3,700 SEBULAN) ATAU
M.13-14 EB.15 (\$2,300-\$4,220 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- Sijil Jururawat Am dan berdaftar sebagai "State Registered Nurse" dari Lembaga Kejururawatan Brunei (Brunei Nursing Board) atau Badan Professional yang diiktiraf.
- Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pendidikan Kejururawatan atau bidang berkaitan, atau kelulusan sebanding dalam bidang yang sama.
- Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Jururawat (Pendidikan) atau jawatan sebanding tidak kurang dari 5 tahun. ATAU
- Sijil Jururawat Am dan berdaftar sebagai "State Registered Nurse" dari Lembaga Kejururawatan Brunei (Brunei Nursing Board) atau Badan Professional yang diiktiraf.
- Diploma lanjutan dalam bidang Pendidikan Kejururawatan atau bidang berkaitan.
- Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Jururawat (Pendidikan) atau jawatan sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

**A5. SETIAUSAHA SULIT
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
BW1 (\$1,880 - \$2,750 SEBULAN) ATAU
BW2 (\$2,800 - \$3,100 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI BW1:

- Private Secretary's Diploma atau Certificate yang sebanding. DAN
- Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Kerani Sulit tidak kurang dari 5 tahun. ATAU
- Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Kerani Sulit tidak kurang dari 7 tahun. DAN
- Sijil Trengkas dengan kepantasan 110 p.s.m dan Sijil Menaip dengan kepantasan 50 p.s.m atau Sijil Trengkas dan Menaip di Peringkat Tertinggi yang di keluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Brunei dan lain-lain Lembaga Peperiksaan. ATAU
- Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Kerani Sulit tidak kurang dari 10 tahun.

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI BW2 :

- Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Setiausaha Sulit dalam tanggagaji BW1 tidak kurang dari 10 tahun. Peperiksaan, latihan/kursus, tempoh percubaan dan penetapan jawatan serta syarat-syarat am adalah seperti yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tanggagaji dan Syarat-Syarat Perkhidmatan pada 1 Februari, 1996.

**A6. PENOLONG PEGAWAI KEWANGAN TINGKAT II
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
C.1-2 EB.3 (\$ 1,280 - \$ 2,270 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- BDTEC/BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) dalam bidang Perakaunan / Kewangan / Ekonomi / Pengurusan atau bidang bersesuaian, atau kelulusan sebanding dalam bidang-bidang yang sama serta mempunyai pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan dengan bidang perakaunan dan/atau kewangan dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 3 tahun. Kelulusan lebih tinggi atau pengalaman dalam bidang perakaunan dan/atau kewangan adalah kelebihan. ATAU
- Berkhidmat di Jabatan Perbendaharaan sebagai Kerani

Kewangan dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan. ATAU

- Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang berkaitan dengan bidang perakaunan atau kewangan dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**A7. TUKANG KAYU TINGKAT KHAS
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
D.2 EB.3-4 (\$650-1465 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- 4 Kepujian/Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding. ATAU
- BDTEC/BTEC National Trade Certificate Grade 2 (NTC2) dalam bidang Pertukangan Kayu (Carpentry) atau bidang bersesuaian, atau kelulusan sebanding dalam bidang yang sama. Kelulusan lebih tinggi dalam bidang sama adalah kelebihan.
- Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Tukang Kayu atau jawatan berkaitan dalam tanggagaji Bahagian V tidak kurang dari 7 tahun.
- Cekap dalam menggunakan perkakas tukang kayu yang biasa termasuk alat-alat yang menggunakan tenaga elektrik.

**A8. JURUTEKNIK LAMPU
JABATAN LAUT, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
D.2 EB.3-4 (\$650-\$1,465)**

KELAYAKAN MINIMUM :

- 4 Kepujian/Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding. ATAU
- BDTEC/BTEC National Trade Certificate Grade 2 (NTC2) dalam bidang Elektrik atau bidang bersesuaian, atau kelulusan sebanding dalam bidang yang sama.
- Pemohon-pemohon mestilah pernah menjalani latihan perantist elektrik dan mempunyai pengalaman dalam bidang Elektrikal. Mempunyai pengalaman di dalam kerja-kerja membaiki dan menyelenggara lampu-lampu pelayaran laut dan komponen elektronik adalah kelebihan. ATAU
- Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- Pernah menjalankan tugas Juruteknik Lampu dan berpengalaman dalam kerja-kerja membaiki dan menyediakan kertas kerja adalah kelebihan.
- Boleh menggunakan komputer dan bertutur serta menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
- Pemohon-pemohon yang dikehendaki adalah terdiri dari lelaki sahaja.

**TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN BAGI
BILANGAN 1 HINGGA 8 :**

**PENYAMBUK TETAMU TINGKAT 1
PEJABAT SURUHJAYA PERKHIDMATAN AWAM
BANGUNAN SPA
LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS, BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TEL NO: 2381961/2383455**

CARA PERMOHONAN/MAKLUMAT :

- Semua permohonan adalah melalui pengisian borang SPA1 atau SPA2 kecuali dimaklumkan sebaliknya.
- Bagi iklan jawatan bilangan 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7 dan 8 isikan (1) satu salinan sahaja borang SPA2.
- Borang SPA1 dan SPA2 boleh didapati di Pejabat Suruhjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil, sijil, surat-surat akaun yang lengkap dan diakui sah.
- Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapi bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil Kerajaan).
- Pemohonan hendaklah dihadapkan melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-
 - Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
 - Tahap Penilaian Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (borang Penilaian Prestasi tidak perlu disertakan);
 - Rekod Perkhidmatan.
- Tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
- Pemohonan yang diterima lewat dari tarikh tutup iklan tidak akan dilayan.
- Tugas dan Tanggungjawab jawatan boleh diperolehi daripada Kementerian/Jabatan di mana terdapat kekosongan jawatan atau layari laman web Pejabat Suruhjaya Perkhidmatan Awam seperti di bawah:

Website: www.spa.gov.bn
TARIKH TUTUP IKLAN: 2 JULAI 2007
BILANGAN IKLAN : 35/2007/SPA/BM/38 (A)



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN SEBUTHARGA BAGI PENJUALAN DAN PEMUSNAHAN PERALATAN KINKY PLANT TENTERA LAUT DIRAJA BRUNEI

ADALAH dengan ini diberi notis iaitu Pembelian Tawaran Sebutharga akan dimulakan pada 20 Jun 2007 dan tarikh tutup bagi penghantaran Sebutharga tersebut ialah pada 9 Julai 2007, jam 10.00 pagi.

Syarat-syarat Pembelian Tawaran Sebutharga adalah seperti berikut:

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat, pemborong-pemborong atau perseorangan berminat.
2. Penawar-penawar yang berminat bolehlah melihat peralatan tersebut pada 2 Julai 2007, jam 9.30 pagi di dalam Kem Tentera Laut Diraja Brunei, Muara disertai oleh Ahli/ Wakil Jawatankuasa Penghapusan dari kira-kira, Kementerian Pertahanan dengan memberi maklum Jawatankuasa terlebih dahulu selewat-lewatnya 1 minggu sebelum tarikh lawatan.
3. Borang-borang/ dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Setiausaha Jawatankuasa Penghapusan dari kira-kira, Kementerian Pertahanan, di Blok 147, Bilik No.13, Audit Dalaman, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, dengan pembayaran sebanyak B\$10.00 (tidak dikembalikan) bagi setiap tawaran dan hendaklah dibuat dengan wang tunai sahaja.

4. Tawaran hendaklah dihantar dengan sampul surat yang tertutup dan tanpa menunjukkan identiti penawar dan hanya ditulis bilangan tawaran dan tajuk.

TAWARAN PEMBELIAN DAN PENGANGKUTAN BARANG YANG DIHAPUSKAN DARI KIRA KEMENTERIAN PERTAHANAN
RUJUKAN: MINDEF/ DFP/ MWOC/ 02-3(05 / 0707)

5. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebutharga Unit PZ, Box No. 2, Kementerian Pertahanan tidak lewat dari hari Isnin, 9 Julai 2007, jam 10.00 pagi.
6. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan. Untuk keterangan lanjut sila hubungi di talian 2386186/ 2386188/ 2386652.

Butir-butir keterangan barang:

1. Electrical Control Box.
2. ST1 Main Storage Tank With Inspection Ladder.
3. ST2 Main Storage Tank With Inspection Ladder.
4. SP2 Flushing Tank.
5. R1 Circulating Tank Complete With Pump.
6. R2 Circulating Tank Complete With Pump.
7. T3 Checking Tank.
8. KT1 Sulphuric Acid Tank Fibre Glass, Complete With Pump.
9. KT2 Cautic Soda Tank Fibre Glass, Complete With Pump.
10. KT3 Coagulant Tank Fibre Glass.
11. Two Steel Upright Circulating Tanks.
12. Nine (9) Various Transfer Pumps.
13. One (1) Mixing Pump.

Peta (1 unit), 8) Meja Berbagai Ukuran (17 unit), 8) Fail Cabinet (1 unit), 9) Arm Chair (49 unit), 10) Chair (2 unit).

IBU PEJABAT DAERAH POLIS BRUNEI BALAI POLIS PUSAT, B.S.B

Senarai Daftar alat dan barang-barang perkakas pejabat yang rosak/ terpakai dihapuskan dari kira-kira Kerajaan yang akan dijual secara lelong:

1. XC124 - ADLER TYPEWRITER
2. AD12/T28/NOC7/431/98 - ELECTRICAL TYPEWRITER CANON AP6110
3. DHQ/GO/066 - PHILIP MONITOR P5020
4. DHQ/GO/067 - PHILIP PRINTER P5060
5. DHQ/GO/068 - PHILIP KEYBOARD P5060
6. PHOTOCOPY CANON NP 1215
7. MEJA BESI PENYIMPAN PETA 3'6" X 4'7"
8. 1 BIJI MEJA 3'6" X 7'0"
9. 5 BIJI MEJA 3'0" X 5'0"
10. 3 BIJI MEJA 3'0" X 6'0"
11. 1 BIJI MEJA 3'4" X 6'0"
12. 1 BIJI MEJA 3'0" X 4'0"
13. 1 BIJI MEJA 2'9" X 3'6"
14. 1 BIJI MEJA 2'11" X 6'0"
15. 1 BIJI MEJA 2'7" X 5'0"
16. 1 BIJI MEJA 2'6" X 3'7"
17. 1 BIJI MEJA 2'0" X 3'7"
18. 15 BIJI ARM CHAIR [BLACK PVC]
19. 9 BIJI ARM CHAIR [BROWN FABRIC]
20. 18 BIJI ARM CHAIR [BROWN ROLLER]
21. 3 BIJI ARM CHAIR [BLACK PVC RAKUDA]
22. AD12/TA10NO1F/608/98, AD12/TA10NO1F/609/98, AD12/TA10NO1F/610/98 - 3 BIJI ARM CHAIR [BROWN FABRIC ROLLER]
23. AD12/TA10NO1K/62/97, AD12/TA10NO1K/867/98 - 2 BIJI CHAIR
24. CCC2766 - 1 BIJI ARM CHAIR



PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI

JUALAN LELENG KELANGKAPAN PERALATAN PEJABAT

DIMAKLUMKAN bahawa Jualan Lelong bagi kelengkapan pejabat seperti yang dinyatakan ini akan diadakan seperti berikut:

Tarikh Lelong : 19.07.2007 [Khamis]
Tempat Lelong : Ibu Pejabat Daerah Polis Brunei
Balai Polis Pusat, Bandar Seri Begawan
Jam : 9.00 Pagi hingga 11.30 Pagi

Syarat-syarat Jualan Lelong :

- a) Barang-barang lelong boleh dilihat ditempat yang disediakan.
- b) Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran secara tunai pada hari jualan tersebut dan seterusnya memindahkan barang-barang berkenaan dalam tempoh masa [4] hari dari tarikh pembayaran. Kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan dan wang bayaran yang sudah dibuat tidak akan dikembalikan.
- c) Jika lewat memindahkan barang-barang tersebut dari tarikh yang telah ditetapkan maka barang-barang tersebut akan dilelong semula atau dimusnahkan.

Senarai nama kelengkapan peralatan pejabat yang akan dijual lelong :

- 1) Adler Typewriter (1 unit), 2) Electrical Typewriter Canon AP6110 (1 unit) , 3) Philip Monitor P5020 (1 unit), 4) Philip Printer P5020 (1 unit), 5) Philip Keyboard P5020 (1 unit), 6) Photocopy Canon NP1215 (1 unit), 7) Meja Besi Penyimpan

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari, Pusat Pembangunan Keusahawanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Km 33, Kg Sinaut Jalan Tutong TB1741, Negara Brunei Darussalam. Tel No : 4240132/133
5. Harga Tender Dokumen akan dikenakan sebanyak [B\$10.00] sahaja bagi satu tajuk tawaran dan tidak akan dikembalikan kepada penender.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.



PUSAT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi jawatankuasa Sebut Harga, Kementerian Perindustrian Dan Sumber-Sumber Utama dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga, KPSSU, Tingkat 5, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, BB3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang, pada hari Khamis, 28 Jun 2007.
- A. BILANGAN TAWARAN : KPSU/EDC/SH/010/2007 TAWARAN MEMBEKAL ALAT PEMBINAAN DAN MEMBAIKPULIH GARAJ KERETA YANG SEDIA ADA.
- B. BILANGAN TAWARAN : KPSU/EDC/SH/011/2007 TAWARAN MEMBEKAL DAN MEMBINA GARAJ KERETA DI BANGUNAN USAHAWAN INN.

14. Two (2) Circulating Pumps.
15. One (1) Bank Of Filters.
16. Steel Staircase & Observation Platform.
17. Assorted Steel & Plastic Piping.
18. One (1) Steel 8 X 4FT Plinth.
19. Various Steel Tanks Stands.

TAWARAN SEBUTHARGA BAGI PENJUALAN DAN PEMUSNAHAN KDB PAHLAWAN DI KAWASAN MUZIUM TEKNOLOGI MELAYU BRUNEI

ADALAH dengan ini diberi notis iaitu Pembelian Tawaran Sebutharga akan dimulakan pada 20 Jun 2007 dan tarikh tutup bagi penghantaran Sebutharga tersebut ialah pada 9 Julai 2007, jam 10.00 pagi.

Syarat-syarat Pembelian Tawaran Sebutharga adalah seperti berikut:

7. Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat, pemborong-pemborong atau perseorangan berminat.
8. Penawar-penawar yang berminat bolehlah melihat kapal berkenaan pada 3 Julai 2007, jam 9.30 pagi di kawasan muzium tersebut dengan disertai oleh Ahli/ Wakil Jawatankuasa Penghapusan dari kira-kira, Kementerian Pertahanan dengan memberi maklum Jawatankuasa terlebih dahulu selewat-lewatnya 1 minggu sebelum tarikh lawatan.
9. Borang-borang/dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Setiausaha Jawatankuasa Penghapusan dari kira-kira, Kementerian Pertahanan, di Blok 147, Bilik No.13, Audit Dalaman, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, dengan pembayaran sebanyak B\$10.00 (tidak dikembalikan) bagi setiap tawaran dan hendaklah dibuat dengan wang tunai sahaja.
10. Tawaran hendaklah dihantar dengan sampul surat yang tertutup dan tanpa menunjukkan identiti penawar dan hanya ditulis bilangan tawaran dan tajuk.

TAWARAN PEMBELIAN DAN PENGANGKUTAN BARANG YANG DIHAPUSKAN DARI KIRA-KIRA KEMENTERIAN PERTAHANAN
RUJUKAN: MINDEF/ DFP/ MWOC/ 02-3(04 / 0707)

11. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebutharga Unit PZ, Box No. 2, Kementerian Pertahanan tidak lewat dari hari Isnin, 9 Julai 2007, jam 10.00 pagi.
12. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan. Untuk keterangan lanjut sila hubungi di talian 2386186/ 2386188/ 2386652



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI

BILANGAN TAWARAN: JPA/TEN/04/2007
'MEMOTONG RUMPUT BAGI KAWASAN KELAB PERKHIDMATAN AWAM, KAMPONG MENTERI BAGI TAHUN 2008 - 2011 (3 TAHUN)'

Syarat-syarat Tawaran:

1. DIBUKA kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dan diluluskan oleh Kementerian Pembangunan dalam kelas dan kategori-kategori kerja; kelas 1 (4c) dan II (4c). Tempoh tawaran adalah tiga (3) tahun bermula dari tarikh perjanjian ditandatangani.
2. Tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil (LTK), Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam.
- Dengan memasukkannya ke dalam peti tawaran yang terletak di: Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam.
3. Tarikh tutup tawaran ialah pada 30 Julai 2007, jam 2.00 petang, hari Isnin dan mana-mana tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang dinyatakan tidak akan dilayan.
4. Tawaran hendaklah ditulis dengan betul dan terang di dalam borang yang disediakan dan seterusnya dalam sampul surat biasa yang ditutup rapi dimana pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis bilangan/tajuk tawaran tanpa menunjukkan pengenalan Syarikat/Pembekal.
5. Tawaran hendaklah disertakan dengan salinan siji pemia-gaan yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan diakui masih sah laku.
6. Keterangan lanjut serta borang tawaran boleh diperolehi dari Kelab Perkhidmatan Awam, Kampong Mentiri, Simpang 413, Padang Golf Pantai Mentiri, Jalan Kota Batu BU2129, Negara Brunei Darussalam atau Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat 3, Bahagian Perkhidmatan Personel, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menyokong tawaran yang paling rendah.



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/BP/032/2007

'SUPPLY AND DELIVERY OF AIR INLET FILTER'

Tarikh tutup : 26 Jun 2007, hari Selasa jam 2.00 petang.
Harga Dokumen : \$25.00 (tidak dikembalikan). Harga Tawaran : B\$100.00 (tidak dikembalikan). Tempat Tutup : Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Bahagian Tenaga, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam. Kelayakan : Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi salah satu kategori 6(f) & 6(g) dalam kelas II, III, IV, V & VI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut boleh diperolehi dari Kaunter Pengeluaran Dokumen, Tingkat Empat (4), Bahagian Perbekalan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian: Sila bawa Sijil Pendaftaran di Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari Bahagian Perbekalan, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/BP/024/2007

'SUPPLY AND DELIVERY OF 500KVA GENERATOR TRUCK MOUNTED'

Tarikh tutup : 3 Julai 2007, hari Selasa jam 2.00 petang. Harga Dokumen : \$50.00 (tidak dikembalikan). Harga Tawaran : B\$500.00 (tidak dikembalikan). Tempat Tutup : Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Bahagian Tenaga, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam. Kelayakan : Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi salah satu kategori 6(e), 6(f) & 6(g) dalam kelas II, III, IV, V & VI atau penjualan kenderaan yang berdaftar dengan Kementerian Undang-Undang.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut boleh diperolehi dari Kaunter Pengeluaran Dokumen, Tingkat Empat (4), Bahagian Perbekalan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian: Sila bawa Sijil Pendaftaran di Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari Bahagian Perbekalan, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**BIL. TAWARAN : KPN/RDU/ST/RKN-B/2006-3
(RETENDER)**

"THE SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF NMR SPECTROMETER TO UNIVERSITI BRUNEI DARUSALAM"

Syarat-syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah di-tulis tajuk tawaran seperti berikut: Bilangan Tawaran : KPN/RDU/ST/RKN-B/2006-3 "THE SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF NMR SPECTROMETER TO UNIVERSITI BRUNEI DARUSALAM" tanpa menunjukkan sebarang tanda syarikat dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada Sekretariat Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa, 3 Julai 2007 kepada alamat berikut:

**Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam.**

2. Dokumen tawaran boleh didapati dari Unit Penyelidikan dan Perkembangan, Tingkat Dua, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.
3. Bayaran harga yuran tawaran adalah \$125.00 (tidak dikembalikan). Wakil syarikat dikehendaki membawa 'business card' kakitangan syarikat yang akan dihubungi untuk urusan tawaran ini ('contact person').
4. Tarikh akhir untuk mendapatkan dokumen tawaran adalah pada hari Isnin, 2 Julai 2007 jam 12:00 tengah hari.
5. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang dinyatakan diatas tidak akan dilayan.
6. Salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (Certificate of Registration - Business Names Act) Bab 16 & 17 hendaklah disertakan.



**JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

... NOTIS JUALAN LELONG ...

DIMAKLUMKAN bahawa jualan lelong akan diadakan pada tarikh, waktu dan tempat seperti berikut:-

Jenis Lelong : 2 unit alat-alat ukur (Mesin Penggambar Minolta 4000 dan 4050)

Hari : Sabtu

Tarikh : 30 Jun 2007

Jam : Jam 9.30 pagi

Tempat : Di lobby, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Tanah dan Jabatan Ukur, Berakas.

Syarat-syarat lelong:

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara tunai ditempat lelong.
2. Pembeli yang berjaya hendaklah memindahkan harta benda mereka dari kawasan lelong tidak lewat dari 3 hari.
3. Pihak Kerajaan berhak membatalkan mana-mana jualan lelong jika pembeli gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dan barangan lelong akan ditawarkan kepada pembeli kedua.
4. Bakal pembeli bolehlah melihat harta benda tersebut di alam yang tersebut di atas pada waktu kerja sehari sebelum tarikh lelong.



**JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**BILANGAN TAWARAN :
CONTRACT No. JUA/06/082/TS/BM**

TAWARAN 'TOPOGRAPHICAL SURVEY FOR PROJEK RKN KE 8 MERAGANG BEACH PARK IMPLEMENTATION'

**BILANGAN TAWARAN :
CONTRACT No. JUA/07/025/TS/BM**

TAWARAN 'TOPOGRAPHICAL SURVEY FOR ALUAN BAGI TAPAK BANGUNAN JALAN KEDUTAAN AMERIKA SYARIKAT DARI JALAN KEBANGSAAN MENUJU KE JALAN SIMPANG 336-52'

1. TAWARAN adalah dipelawa dari Syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Kerja-kerja hendaklah dilaksanakan oleh Juruukur Tanah Berlesen yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
3. Setiap penender hendaklah menyatakan seperti berikut:-
a. Sah Laku tawaran.
b. Pecahan harga tawaran.
c. Tempoh masa untuk menyiapkan projek.
d. Ringkasan tatacara untuk membuat pengukuran projek ini.
4. Borang *Tender's Declaration* hendaklah disertakan setelah diisi dengan lengkap dan ditandatangani.
5. Dokumen dan borang tawaran serta keterangan lanjut boleh diperolehi di Unit Juruukur Tanah Berlesen, Bahagian Kemajuan Tanah, Jabatan ukur, Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam, dengan membayar yuran tawaran dan dihantar pada hari bekerja:
Hari Isnin - Khamis : 8.30 pagi - 11.00 pagi
2.00 petang - 3.00 petang
Hari Sabtu : 8.30 pagi - 10.00 pagi
6. Harga tawaran adalah mengikut harga yang dianggarkan oleh Jabatan ini.
7. Yuran tawaran bagi Tawaran:-
a) Contract No. JUA/06/082/TS/BM ialah \$100.00
b) Contract No. JUA/07/025/TS/BM ialah \$100.00
8. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan
9. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan tidak menunjukkan sebarang tanda Syarikat pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti di atas.
10. Tawaran hendaklah dihadapkan tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa, 3 Julai 2007 kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam.
11. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditentukan adalah tidak akan dilayan.
12. Salinan dokumen-dokumen berikut hendaklah disertakan:-
i. Sijil Pendaftaran Perniagaan.
ii. Lesen tahunan untuk praktis sebagai Juruukur Tanah Berlesen.
iii. Kad Pengenal/No passport.
iv. Daftar Pemilik Syarikat.
14. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN**

TAWARAN BILANGAN : TIGA/JMB/2007

PEMBELIAN RAK : MOBILE SHELVING UNTUK ARKIB NEGARA

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Pemborong dikehendaki melawat ke Bangunan Arkib Negara sebelum membuat penilaian harga pada bila-bila masa waktu pejabat. Spesifikasi dan borang tawaran bolehlah diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Tingkat 2, Ibu Pejabat Jabatan Muzium-Muzium, Bangunan Arkib Negara Brunei, Jalan Menteri Besar BB3910, Bandar Seri Begawan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Tingkat 1, Ruang Masuk/Penyambut Tetamu, Bangunan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan di tujukan kepada:

Pengerusi

Lembaga Tawaran Kecil

Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan

Tingkat 1 (Ruang Masuk/Penyambut Tetamu)

Bangunan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan

Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan BA1210

Negara Brunei Darussalam

4. Tawaran hendaklah dihantar tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa, 10 Julai 2007. Tawaran-tawaran yang dihadapkan lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan di layan.
5. Tawaran hendaklah ditulis dengan betul dan terang dengan menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan dokumen lain yang berkaitan ke dalam sampul surat yang di tutup rapi. Manakala di bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk, bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran sebagaimana yang diiklankan seperti berikut:
TAWARAN BILANGAN : TIGA/JMB/2007
PEMBELIAN RAK: MOBILE SHELVING UNTUK ARKIB NEGARA
TARIKH TUTUP : 10 JULAI 2007
tanpa menunjukkan identiti atau pengenalan permohonan dan di alamatkan ke alamat seperti dinyatakan di atas.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.



**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

TAWARAN NO. :DBP/TK07/2

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat pembekal tempatan bagi Membekal dan Menghantar Dua Buah Bas Perpustakaan Bergerak.

Syarat-syarat Tawaran :

1. Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/ pemborong, dan ditulis dengan perkataan:
'Tawaran No.: DBP/TK07/2 - TAWARAN BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR DUA BUAH BAS PERPUSTAKAAN BERGERAK'

dan dialamatkan kepada:

Pengerusi,

Lembaga Tawaran Kecil

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Simpang 336-17, Bandar Seri Begawan BA1210,

Negara Brunei Darussalam

2. Tawaran-tawaran mestilah menggunakan borang yang disediakan dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Tingkat 1, Ruang Masuk Penyambut Tetamu (Depan Kaunter Sekuriti), Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pukul 2.00 petang hari Selasa, 3 Julai 2007.
3. Tawaran-tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran boleh didapati di Unit Kewangan, Tingkat 4, Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja (8.30 hingga 11.30 pagi dan 2.00 hingga 3.00 petang).
5. Yuran Tawaran (Tender Fee) adalah sebanyak B\$50.00 (tidak dikembalikan).
6. Keterangan lanjut boleh diperolehi daripada Ketua Perpustakaan, di Bahagian Perpustakaan DBP, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. (No. Telefon: 2235501 sambungan 100, No. Faks: 2224763).
7. Tawaran hendaklah disertakan dengan Sijil Pendaftaran Perniagaan yang diakui sah dan Surat Pengakuan Syarikat (Declaration) yang telah dipenuhi. (Borang Surat Pengakuan Syarikat boleh didapati bersama Dokumen Tawaran).
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau apa-apa jua bentuk tawaran.



JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

JABATAN Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan sekali lagi diamanahkan bagi mengendalikan **PERADUAN PERARAKAN KENDERAAN BERHIAS** Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-61 Tahun bagi tahun 2007.

Tujuan utama peraduan ini diadakan ialah bagi memeriahkan dan menyemarakkan lagi sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-61 Tahun di samping menarik ramai pelancong berkunjung ke negara ini.

Untuk itu sukacita dimaklumkan bahawa penyertaan bagi peraduan ini adalah dibukakan kepada Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan, Firma-firma Swasta serta Persatuan-persatuan di negara ini.

Borang dan syarat-syarat penyertaan boleh diperolehi di Bahagian Urusetia Peraduan Perarakan Kendaraan Berhias, di Tingkat Satu, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Gadong atau berhubung terus melalui talian 2451978/ 2451979 sambungan 111/ 112/ 117, talian terus 2455050 atau melalui faksimili 2454362.

Borang penyertaan berserta dengan sketsa reka bentuk per-

arakan hendaklah dikembalikan **tidak lewat daripada jam 3.00 petang, hari Sabtu 30 Jun 2007.**

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN:

1. Persembahan Perarakan Kendaraan Berhias:

- 1.1 Terbuka kepada Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Firma-firma Swasta serta Persatuan-persatuan sahaja.
- 1.2 Kendaraan hendaklah dihias dengan bentuk yang bersesuaian.
- 1.3 Sukatan Kendaraan Berhias Perarakan:-
 - i. Panjang tidak kurang dari 20 Kaki dan tidak lebih dari 40 kaki.
 - ii. Lebar tidak lebih 10 Kaki.
 - iii. Tinggi tidak lebih 10 Kaki.
 - iv. Tinggi daripada paras bumi tidak kurang daripada dua (2) Kaki.
 - v. Sketsa reka bentuk hendaklah dihadapkan bersama-sama dengan borang ini tidak lewat daripada hari Sabtu, 30 Jun 2007.
- 1.4 Tidak dibenarkan menggunakan perkara-perkara seperti berikut:-
 - i. Lambang Peribadi Kerabat-kerabat Diraja.
 - ii. Benda-benda tajam.
 - iii. Jenis letupan.
 - iv. Pakaian seragam yang menyerupai Angkatan Bersenjata dan pakaian rasmi Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

- v. Pakaian berwarna kuning.
- vi. Pakaian hendaklah menjaga tatasusila kesopanan.
- 1.5 Jika kendaraan yang digunakan rosak, Jawatankuasa Persembahan Perarakan berhak mengarahkan kendaraan tersebut diketepikan dan dikira terkeluar dari penyertaan.
- 1.6 Jawatankuasa Persembahan Perarakan berhak membatalkan mana-mana peserta yang tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dan tidak mengikuti tahap yang diperlukan dalam persembahan.
- 1.7 Bunyi-bunyian yang bersesuaian untuk menyemarakkan perarakan tersebut adalah dibenarkan dan dikira dalam ciri pemarkahan.
- 1.8 Penghakiman akan dinilai pada perarakan di waktu siang dan malam. Peserta yang mendapat markah yang tertinggi adalah pemenang peraduan berkenaan.
- 1.9 Keputusan Hakim adalah muktamad.
- 1.10 Sinopsis perarakan tidak melebihi 50 patah perkataan.

2. Hadiah:-

Hadiah-hadiah akan diberikan kepada Johan, Naib Johan dan Pemenang Ketiga serta lima (5) hadiah saguhati bagi peserta-peserta yang berjaya dalam Persembahan Perarakan Kendaraan Berhias itu nanti.

Borang penyertaan boleh didapati di Tingkat 1, Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Gadong, Negara Brunei Darussalam.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi talian Urusetia: No. Tel:- 2455050/ 2451979 sambungan 111/ 112/ 117. Faksimili: 2454362/ 2450808.



KEMENTERIAN KESIHATAN

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan diletakkan kepada:-
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Peti Tawaran, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran yang mempunyai rujukan Tawaran Kecil bagi tawaran seperti yang dilampirkan bersama dan hendaklah dihantar **tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Selasa pada 10 Julai 2007.**
4. Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditapkan tidak akan dilayan.
5. Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 2.00 petang hingga

- 3.00 petang iaitu hari Isnin hingga hari Khamis dan hari Sabtu jam 8.00 pagi hingga 10.30 pagi sahaja.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
7. Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaranyang tersebut di bawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:-

Sijil Perniagaan Yang Masih Sah Laku TAWARAN KECIL

BILANGAN TAWARAN KK/TK/88/2007(SE):

UPGRADING OF 1000KVA STANDBY GENERATOR AT BLOCK 6, HOSPITAL RIPAS. Yuran Tawaran: \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN KK/TK/89/2007(SE):

PENGGANTIAN "CENTRAL EXHAUST SYSTEM" HOSPITAL RIPAS. Yuran Tawaran: \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN KK/TK/90/2007(SE):

MENGGANTI OUTBOARD - 1 BUAH, BAHAGIAN PEMELIHARAAN ESTET, KEMENTERIAN KESIHATAN. Yuran Tawaran: \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN KK/TK/91/2007(SE):

PENURAPAN BAHAN KALIS AIR DI KEMENTERIAN KESIHATAN, BAHAGIAN PEMELIHARAAN ESTET, KEMENTERIAN KESIHATAN. Yuran Tawaran: \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN KK/TK/92/2007(SE):

MENGGANTI PAGAR SEKELILING KLINIK SUNGAI BESAR, BAHAGIAN PEMELIHARAAN ESTET, ANGGEREK DESA. Yuran Tawaran: \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN KK/TK/93/2007(SE):

MEMPERBAIKI DAN MENGUBAHSUAI BLOK P (BILIK MAYAT) BAHAGIAN PEMELIHARAAN ESTET HOSPITAL SSB, KUALA BELAIT. Yuran Tawaran: \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN KK/TK/94/2007(SE):

PEMASANGAN PAGAR BARU DI SEKELILING HEALTH SCREENING CENTRE, BAHAGIAN PEMELIHARAAN ESTET, ANGGEREK DESA. Yuran Tawaran: \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN KK/TK/95/2007(SE):

SUPPLY & INSTALL 20KVA NEW GENERATOR AT SUBOK CLINIC, BAHAGIAN PEMELIHARAAN ESTET, ANGGEREK DESA. Yuran Tawaran: \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN KK/TK/96/2007(SE):

PENGGANTIAN PERALATAN LIF - "E - BOPS & ARV" - 10 SETS, HOSPITAL RIPAS. Yuran Tawaran: \$ 100.00.

BILANGAN TAWARAN KK/TK/97/2007(SE):

PENAMBAHAN WAD 4 - 135 SQ. M, HOSPITAL RIPAS. Yuran Tawaran: \$ 100.00.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

BAHAGIAN KEBAJIKAN

BAHAGIAN PERKHIDMATAN PENCEN

JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT (JAPEM)

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bahagian III

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR *
1.	Proses permohonan pencen-pencen dan elaun-elaun	40 hari

B
u
d
i
m
a
n



BERTOLAK ANSUR SIFAT MULIA